

HAD UMUR KANAK-KANAK DALAM KES JENAYAH DI
MALAYSIA: ANALISIS DARI SUDUT UNDANG-UNDANG
SIVIL DAN SYARIAH

SITI HAJAR BINTI MOHD AFENDI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

**HAD UMUR KANAK-KANAK DALAM KES JENAYAH DI
MALAYSIA: ANALISIS DARI SUDUT UNDANG-UNDANG
SIVIL DAN SYARIAH**

SITI HAJAR BINTI MOHD AFENDI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH
(UNDANG-UNDANG SYARIAH)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Siti Hajar binti Mohd Afendi**

No. Matrik: **S2021852/1**

Nama Ijazah: **Sarjana Syariah (Syariah dan Undang-Undang)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Had Umur Kanak- Kanak dalam Kes Jenayah di Malaysia: Analisis dari Sudut Undang-Undang Sivil dan Syariah

Bidang Penyelidikan: **Syariah dan Undang-Undang Islam**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: **13 / 6 / 2024**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: **14 / 6 / 2024**

Nama:

Jawatan

**HAD UMUR KANAK-KANAK DALAM KES JENAYAH DI MALAYSIA:
ANALISIS DARI SUDUT UNDANG-UNDANG
SIVIL DAN SYARIAH**

ABSTRAK

Statistik jenayah di Malaysia menunjukkan penglibatan kanak-kanak dalam perbuatan salah laku jenayah sivil seperti membunuh dan jenayah syariah seperti berkhawat. Berikutan dengan jenayah yang dilakukan, undang-undang sivil dan syariah telah memperuntukkan hukuman kepada pesalah sebagai pencegahan dan pemulihan. Namun walaupun kedua-dua aspek jenayah sivil dan syariah dilakukan oleh golongan yang sama iaitu kanak-kanak, penetapan had umur yang diperuntukkan adalah berbeza. Hal ini seterusnya boleh mewujudkan ketidakadilan dalam institusi kehakiman serta pihak tertuduh. Objektif kajian adalah tertumpu kepada penelitian had umur kanak-kanak dan hukuman ke atas golongan ini jika melakukan kesalahan jenayah berdasarkan pensyariatan Islam serta undang-undang jenayah di Malaysia. Kajian ini seterusnya menganalisis isu dan cabaran berhubung penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah. Penyelidikan berbentuk kualitatif dilakukan melalui kaedah dokumentasi, kajian doktrin undang-undang dan temu bual. Manakala penganalisaan data dilakukan secara deskriptif, kandungan dan tematik. Hasil kajian mendapati terdapat lima isu dan cabaran utama berkenaan dengan penetapan had umur kanak-kanak di Malaysia. Kedua-dua institusi kehakiman di Malaysia telah memperuntukkan had umur yang berbeza terhadap pesalah kanak-kanak. Justeru ketiadaan keseragaman ini telah menjadi isu signifikan dalam sistem perundangan negara. Selain itu, tiada peruntukan khas bagi kesalahan syariah oleh pesalah kanak-kanak sepetimana yang diwujudkan dalam undang-undang sivil. Isu “*double jeopardy*” turut mewujudkan percanggahan bagi jenis kesalahan dan bentuk hukuman jenayah sivil dan syariah. Kemudian kajian ini juga mengkaji beberapa isu yang menjadi kelemahan dalam peruntukan jenayah di Malaysia khususnya dalam undang-undang syariah. Kematangan

akal kanak-kanak yang berbeza di antara satu sama lain juga menjadi cabaran dalam menentukan penetapan had umur. Justeru isu dan cabaran yang timbul seiring peredaran zaman ini menjadi justifikasi kepada keperluan untuk mengkaji dan menganalisis semula had umur kanak-kanak dalam kes jenayah di Malaysia, sama ada dari sudut undang-undang sivil mahupun syariah.

Kata kunci: had umur, jenayah kanak-kanak, undang-undang sivil dan syariah, isu dan cabaran


AGE OF CHILDREN IN CRIMINAL CASES IN MALAYSIA: ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVE OF CIVIL AND SHARIAH LAW

ABSTRACT

Crime statistic in Malaysia shows the involvement of children in civil crimes such as murder and sharia crimes like adultery. Following the crime committed, civil and sharia law has provided punishment for offenders as prevention and rehabilitation. However, even though both aspects of civil and sharia crimes are committed by “children”, the set age limit is different. This can create injustice in the judicial institution and the accused. The objective of this study is focused on researching the age limit of children and the punishment on them for committing crimes based on sharia and criminal law in Malaysia. This study further analyzes the issues and challenges regarding the setting of age limits for children in civil and sharia criminal law. Qualitative research is done through documentation methods, legal doctrine studies and interviews. While data analysis is done descriptively, content and thematically. There are five main issues and challenges regarding the setting of the age limit for children in Malaysia that are found. Both judicial institutions in Malaysia have set different age limits for child offenders. Therefore, this lack of uniformity becomes a significant issue in the country's legal system. In addition, there is no special provision for sharia offenses by child offenders as established in civil law. The issue of double jeopardy also creates contradiction for the type of offense and the form of punishment for civil and sharia crimes. Then this study also examines some issues that shows weaknesses in the provision of crimes in Malaysia, especially in sharia law. The intellectual maturity of children that are different from each other is also a challenge in determining the age limit. Thus, the issues and challenges arise with the passage of time become a justification for the need to re-analyze the age limit of children in criminal cases in Malaysia, whether from the point of view of civil law or sharia law.

Keyword: age limit, juvenile delinquency, civil and sharia law, issues and challenges

PENGHARGAAN



Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi atas limpahan rahmat-Nya serta selawat dan salam buat Nabi Muhammad SAW. Disertasi ini akhirnya dapat disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada kedua-dua penyelia berwibawa yang amat dihormati dan dikasihi, Dr. Siti Aisyah Samudin dan Dr. Hanira Hanafi. Terima kasih atas setiap tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Begitu juga ucapan terima kasih kepada kesemua pensyarah yang sudi berkongsi ilmu. Segala jasa yang dicurahkan memberi pembelajaran baru buat diri ini untuk kegunaan masa hadapan.

Tidak dilupakan kepada ahli akademik dari Universiti Malaya, pegawai Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisation (NGO)*) atas kerjasama dan komitmen tinggi yang diberikan bagi menjawab persoalan kajian ini. Jasa baik kalian tidak akan dilupakan.

Kemudian, teristimewa buat keluarga tercinta khususnya umi ayah, Pn. Rosezaina dan Dr. Mohd Afendi yang menyokong sepenuhnya keputusan menyambung pelajaran, setiap dorongan serta pengorbanan tidak mampu dibalas. Begitu juga sokongan adik-adik yang disayangi; Siti Hafsa, Siti Maryam, Sumaiyah, Safiyya Humaira dan Muhammad Yusuf. Doa kalian yang membawa kepada hasil kejayaan ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih diberikan kepada sahabat seperjuangan Siti Aishah serta rakan-rakan yang banyak memberikan kebahagiaan dan sokongan, Wan

Nabilah, Alya Nasuha dan lain-lain. Perjalanan ini mungkin tidak dapat diselesaikan tanpa kalian.

Penghargaan besar turut ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya atas pembiayaan Insentif Persidangan Pasca-Siswazah (IPP) dan Geran Khas Penyelidikan APIUM (UMG007L-2022) Kesalahan Seksual oleh Kanak-kanak di Malaysia: Analisis Perundangan terhadap Tanggungjawab Jenayah dari Perspektif Undang-Undang Sivil dan Islam yang diberikan. Pemberian geran ini secara tidak langsung telah membuka peluang buat diri ini meneroka dunia penulisan ilmiah dengan lebih mendalam.

Terima kasih buat semua. Moga berada dalam jagaan Allah sentiasa. Juga jutaan kemaafan dipohon atas kekurangan yang ada dalam disertasi ini. Semoga usaha kecil melalui penulisan ini dapat memberi kemanfaatan buat semua. InshaAllah.

Wassalam.

Siti Hajar Mohd Afendi

Jabatan Syariah dan Undang-Undang

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

14 Jun 2024 M / 7 Zulhijjah 1445 H

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI STATUT	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
PANDUAN TRANSLITERASI	xix

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Penyataan Masalah Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian.....	11
1.6 Kepentingan Kajian.....	11
1.7 Skop Kajian.....	12
1.8 Sorotan Literatur	14
1.8.1 Pesalah Laku Kanak-kanak	14
1.8.2 Jenayah oleh Kanak-kanak	16
1.8.3 Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-kanak	17

1.9	Metodologi Kajian	21
1.9.1	Metodologi Pengumpulan Data	21
a)	Metod Dokumentasi	21
b)	Metod Kajian Doktrin Undang-undang <i>(Black-Letter Methodology)</i>	23
c)	Metod Temu Bual Separa Berstruktur	23
1.9.2	Metodologi Analisis Data	24
a)	Analisis Deskriptif	24
b)	Analisis Kandungan	25
c)	Analisis Tematik	25
1.10	Susunan Kajian	26
1.11	Penutup.....	27

BAB 2: TAFSIRAN HAD UMUR KANAK-KANAK DARI SUDUT SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

2.1	Pengenalan	28
2.2	Tafsiran Had Umur Kanak-Kanak Dari Sudut Syariah.....	29
2.2.1	Pengertian <i>Baligh</i>	34
2.2.1.1	Had Umur <i>Baligh</i> Bagi Lelaki Dan Perempuan	34
2.3	Tafsiran Had Umur Kanak-Kanak Dari Sudut Undang-Undang Syariah	37
2.4	Tafsiran Had Umur Kanak-Kanak Dari Sudut Undang-Undang Sivil	39
2.5	Bidang Kuasa Mahkamah dalam Kes Jenayah di Malaysia	43

2.6	Kriteria Bagi Penetapan Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak	45
a)	Keupayaan Kanak-Kanak	47
b)	Kekebalan Kanak-Kanak Daripada Pendakwaan	48
2.7	Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak Berdasarkan Penetapan Perundangan Antarabangsa	49
2.8	Penutup	53

BAB 3: HUKUMAN BAGI PESALAH KANAK-KANAK MENGIKUT SYARIAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

3.1	Pengenalan	55
3.2	Peruntukan Hukuman Dalam Kesalahan Jenayah Menurut Syariat Islam ...	56
3.2.1	Hukuman Terhadap Kanak-kanak Bagi Kesalahan Jenayah Menurut Syariat Islam	61
3.3	Mahkamah dan Undang-Undang Khas bagi Jenayah Sivil Kanak-Kanak	63
3.4	Peruntukan Undang-Undang di Bawah Kesalahan Jenayah Sivil di Malaysia	65
3.4.1	Pengecualian Hukuman Bagi Kanak-Kanak	68
3.4.1.1	Kanak-Kanak Berumur di bawah 10 Tahun	69
3.4.1.2	Kanak-Kanak Berumur di antara 10-12 Tahun	70
3.4.1.3	Kanak-Kanak Berumur Lebih 12 Tahun Sehingga Kurang Daripada 18 Tahun	73
3.4.2	Hukuman Diperuntukkan Bagi Pesalah Kanak-Kanak	74

3.4.3 Pengecualian Hukuman Mati Bagi Pesalah Kanak-Kanak	81
3.5 Peruntukan Undang-Undang Dalam Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia	83
3.6 Penutup	88

BAB 4: ANALISIS ISU DAN CABARAN PENETAPAN HAD UMUR KANAK-KANAK DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SIVIL DAN SYARIAH

4.1 Pengenalan	91
4.2 Isu dan Cabaran Penetapan Had Umur Kanak-Kanak dalam Undang- Undang Jenayah	92
4.2.1 Ketidakseragaman Had Umur Pesalah Kanak-kanak	93
4.2.2 Ketiadaan Peruntukan Khas bagi Kesalahan Syariah oleh Pesalah Kanak-kanak	98
4.2.3 Percanggahan Jenis Kesalahan dan Bentuk Hukuman Jenayah Sivil dan Syariah	104
4.2.4 Limitasi Peruntukan Jenayah Syariah Negeri-negeri	107
4.2.5 Kematangan Akal Kanak-kanak	111
4.3 Penutup.....	117

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	119
5.2 Rumusan.....	121

5.2.1 Rumusan daripada Objektif Pertama	121
5.2.2 Rumusan daripada Objektif Kedua	122
5.2.3 Rumusan daripada Objektif Ketiga	124
5.3 Cadangan.....	127
5.3.1 Cadangan kepada Masyarakat Awam	128
5.3.2 Cadangan kepada Pihak Berkepentingan	129
5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan	130
5.5 Penutup.....	131
BIBLIOGRAFI.....	133
SENARAI KES.....	142
LAMPIRAN.....	143

SENARAI KEPENDEKAN

PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
IYRES	:	Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
JKMM	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
PP	:	Pegawai Pendakwa
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
CRC	:	Konvensyen Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child)
UNCRC	:	Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Kanak-Kanak (United Nations Convention on the Rights of the Child)
CLJ	:	Current Law Journal
MLJ	:	Malayan Law Journal
NGO	:	Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation)
MRI	:	Magnetic Resonance Imaging
ICCPR	:	International Covenant on Civil and Political Rights
SUHAKAM	:	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
JPSP	:	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang
3R	:	<i>Race, Religion, and Royalty</i>
OKT	:	Orang Kena Tuduh

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Statistik Kes Juvana atau Pesalah Muda di Malaysia dari 2017 hingga 2021.....	7
Jadual 2.1:	Penetapan Had Umur Seseorang Digelar Kanak-Kanak dari Sudut Syariah Islam.....	36
Jadual 3.1:	Ringkasan Peruntukan Hukuman dalam Perundangan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia.....	76

SENARAI RAJAH

Rajah 4.2.2.1 : Ringkasan Prosedur Pengendalian Pesalah Kanak-kanak di Peringkat Syariah dan Sivil.....	99
Rajah 5.1 : Rumusan dan Dapatan Kajian.....	117
Rajah 5.2.3.1 : Ringkasan Isu dan Cabaran Penetapan Had Umur Kanak-Kanak dalam Undang-Undang Jenayah.....	134

SENARAI STATUT

- Akta 21 Akta Umur Dewasa 1971 (2006)
- Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965
- Akta Kanak-Kanak 2001
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965
- Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67)
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 Pahang
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Kelantan)
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pahang)
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Sabah)

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2006 (Perlis)

Kanun Keseksaan Akta 574

Kanun Prosedur Jenayah Akta 593

Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)

Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 Negeri Sarawak

Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Sarawak)

Perlembagaan Persekutuan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Senarai Responden bagi Temu Bual Penyelidikan

Lampiran B: Soalan Temu Bual Penyelidikan

Lampiran C: Kebenaran Menjalankan Temu Bual Bersama Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat

PANDUAN TRANSLITERASI

KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ء	' , a	ڭ	t
ب	b	ڭ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ڭ	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ڻ	h, t
ض	ڏ		

VOKAL

Vokal Pendek		Vokal Panjang	
ó	a	ءى	ା
ó	i	ي	ି
ó	u	و	ୁ

DIFTONG

أو	aw	ء	uww
اي	ay	ي	iy, ى

Sumber: Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Ed Ke-3. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab pertama ini, pengkaji membincangkan beberapa elemen berkaitan gambaran keseluruhan kajian yang dijalankan. Jenayah di Malaysia masih berlaku sama ada jenayah ringan mahupun jenayah berat seperti merogol dan mencederakan orang. Keparahan jenayah yang berlaku ini semakin membimbangkan apabila ia turut melibatkan pesalah dalam kalangan kanak-kanak.

Kadar jenayah yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat seiring dengan perkembangan teknologi. Contohnya, maklumat berkenaan pengaksesan dadah lebih mudah didapati pada masa kini.¹ Kegeruhan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak amat mengkhawatirkan masyarakat secara umum. Sebagai contoh, berita menyayat hati melibatkan 23 orang pelajar termasuk warden *Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah* telah mati akibat terbakar rentung. Dua orang remaja berusia 16 tahun telah ditangkap dan didakwa dengan pertuduhan membunuh yang boleh membawa kepada hukuman mati jika disabitkan.²

Seterusnya, umum mengetahui bahawa hukuman bagi kesalahan di Malaysia dikendalikan oleh dua sistem mahkamah yang berbeza iaitu mahkamah sivil dan juga mahkamah syariah. Mahkamah sivil berbidang kuasa dalam kebanyakan jenis kes, sebaliknya mahkamah syariah hanya mengadili kes berkaitan hukum syarak serta undang-undang diri dan keluarga bagi mereka yang beragama Islam.³ Lantaran itu, kes

¹ Bernama, “JKM Kelantan bimbang kadar jenayah kanak-kanak di Kelantan meningkat”, laman sesawang Astro Awani, diakses pada 26 Januari 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-kelantan-bimbang-kadar-jenayah-kanakkanak-di-kelantan-meningkat-210245>

² Pendakwa Raya lawan Muhammad Adli Shah bin Mohd Yusry (2021) 1 LNS 2223.

³ Mohamed Azam bin Mohamed Adil, *Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana?*, Jurnal Syariah Vol 8 No 2, 2000, 108-109.

jenayah berat seumpama membunuh dan merogol akan dibicarakan di mahkamah sivil. Perbicaraan kes jenayah berkaitan kesalahan moral dan dilakukan oleh orang Islam dilaksanakan di mahkamah syariah.

Selain itu, isu melibatkan ketidakselarasan had umur seorang kanak-kanak turut memberi impak besar ke atas institusi kehakiman. Hal ini berikutan berpotensi mewujudkan ketidakadilan oleh pihak mahkamah ke atas pihak yang disyaki dalam proses penetapan hukuman yang sesuai dan relevan ke atas penjenayah.

Rentetan dari itu, kajian ini meneliti tafsiran had umur kanak-kanak dari aspek syariah Islam dan undang-undang Malaysia serta peruntukan-peruntukan hukuman terkait dengan kes jenayah yang dilakukan oleh pesalah kanak-kanak. Selain itu, isu dan cabaran dalam penetapan had umur kanak-kanak yang diguna pakai dalam sistem perundangan juga akan dianalisis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak zaman Nabi Adam lagi isu jenayah yang pelbagai telah berlaku di muka bumi ini dalam kalangan masyarakat. Kezaliman dan penindasan telah menghumban manusia ke dalam jurang kesengsaraan. Kezaliman ini menyebabkan kehidupan manusia penuh dengan kacau bilau dan hidup dalam keadaan yang tidak tenteram. Hal ini bermaksud bahawa kita akan berhadapan dengan realiti jenayah yang pasti akan berlaku. Justeru kaedah untuk meminimakan kadar jenayah dan penetapan hukuman yang sesuai amat diperlukan.

Jenayah adalah suatu perbuatan yang menjadi kesalahan dan boleh dipertanggungjawabkan dengan hukuman mengikut statut perundangan setiap negara.⁴

⁴ Mohamad Shariff Abu Samah, Asidah Mohd Ali, *Alman Undang-Undang Jenayah di Malaysia* (Selangor: International Law Book Services, 2018), 35.

Jenayah juga boleh didefinisikan sebagai pelanggaran ke atas jiwa anggota manusia.⁵ Asas haramnya hukum melakukan jenayah telah banyak disebut di dalam al-Quran seperti contoh yang berikut:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِيقِ ذُلِّكُمْ وَصَنْكُمْ يَهُ لَعْلَكُمْ تَعْقِلُونَ

(Al-An'am 6: 151)

Terjemahan: Allah berfirman: Dan janganlah kamu membunuh jiwa Yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan Dengan jalan Yang hak (yang dibenarkan oleh syarak). Dengan Yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.

Melalui ayat di atas dapat disimpulkan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba-Nya agar bukan sahaja memelihara jiwa sendiri tetapi juga orang lain. Hal ini adalah kerana pada zaman dahulu berlaku pembunuhan anak oleh ibu bapa sendiri seperti yang diperintahkan syaitan.⁶ Membunuh jiwa yang tidak bersalah dengan sembarangan merupakan perbuatan yang buruk menurut akal yang suci. Sehubungan itu, hak pertama dan paling utama yang dititik berat oleh agama Islam adalah hak untuk hidup yang dimuliakan dan ditegah sama sekali pencabulannya. Hak hidup merupakan anugerah Allah SWT kepada seluruh manusia yang tiada galang gantinya.⁷

Selain itu, isu berhubung dengan aqidah dan kesucian agama Islam seperti pemujaan tuhan yang salah turut dianggap sebagai suatu kesalahan dalam undang-undang jenayah syariah. Hal ini turut diharamkan dalam nas al-Quran. Kitab Allah bukan hanya membincangkan pengharaman berkaitan perbuatan terhadap manusia lain,

⁵ Musa Fathullah Harun, *Undang-undang Jenayah Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Teknologi Malaysia, 1996), 1.

⁶ Berikutan takut akan kemiskinan, ibu bapa menanam anak-anak terutama anak perempuan ‘Im d al-D n Ab al-Fid ’ Ism il ibn Umar Ibn Kath r Ad-Damsyiq , *Ibnu Kats r Jilid 3* (Lubn n: D rul Kutub al-Ilmiyyah, 1998M/ 1419H), 322-323.

⁷ Jasser Auda, *Maqashid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law* (London: The International Institute of Islamic Thought, 2007), 22.

malah terhadap aqidah diri sendiri juga. Firman Allah dalam surah Maidah ayat 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ

فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

(Al-Maidah 5:90)

Ertinya: Allah berfirman: Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya meminum arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala dan mengundi nasib dengan anak panah, adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu berjaya.

Seterusnya, ibu bapa berperanan penting dalam membentuk perkembangan emosi kanak-kanak dari awal usia. Pemantauan dan pendidikan awal yang efektif perlu diberikan kepada anak. Pun begitu, masih wujud sebilangan besar kanak-kanak yang terlibat sebagai pelaku kesalahan jenayah. Melalui situasi ini, timbul persoalan awal berkenaan istilah dan tafsiran kanak-kanak. Istilah kanak-kanak di sini mempunyai banyak takrifan, berbeza menurut pelbagai aspek khususnya dalam penetapan had umur seorang kanak-kanak.

Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan kanak-kanak sebagai budak lelaki atau perempuan yang masih kecil dan kebiasaannya belum mencapai umur lebih daripada tujuh atau lapan tahun.⁸ Selain itu, dalam agama Islam contohnya, seseorang digelar kanak-kanak selagi beliau belum *baligh*. Manakala undang-undang syariah negeri-negeri di Malaysia meletakkan had umur kanak-kanak yang berbeza. Perundangan sivil turut menetapkan had umur kanak-kanak melalui Akta Kanak-Kanak 2001. Namun beberapa isu dan cabaran timbul berikutan ketidakseragaman penetapan had umur kanak-kanak ini.

⁸ Kamus Dewan. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, entri “kanak-kanak”.

Setiap kesalahan jenayah yang dilakukan telah diperuntukkan hukuman sama ada menurut hukum syarak seperti *takzir* mahupun undang-undang sivil dan syariah. Malaysia sendiri tidak terkecuali daripada mengaplikasikan hukuman yang telah diperuntukkan ke atas penjenayah termasuk pesalah dalam kalangan kanak-kanak.

Peruntukan undang-undang di Malaysia berkaitan hukuman ke atas pesalah kanak-kanak yang melakukan jenayah sama ada jenayah sivil mahupun jenayah syariah didapati masih belum dapat menghapuskan kesalahan jenayah daripada terus berlaku. Kanak-kanak tidak berasa gerun menyebabkan masih wujud kes jenayah melibatkan pesalah dalam golongan ini.⁹

Masyarakat yang baik pada masa akan datang secara tidak langsung bergantung kepada perilaku kanak-kanak sekarang sebagai generasi penerus. Kanak-kanak yang baik dalam berperilaku sangat menunjang terbentuknya sistem sosial masyarakat yang baik. Oleh kerana itu, isu salah laku jenayah kanak-kanak perlu mendapat perhatian sewajarnya bagi memelihara keharmonian sistem sosial dalam masyarakat.¹⁰ Justeru, masyarakat seharusnya mengambil cakna berkenaan hukum melakukan suatu jenayah dengan jelas dan akibat yang akan diterima oleh si pelaku. Hal ini bagi menjamin sosialisasi yang aman dalam sebuah negara.

Oleh yang demikian, atas kesedaran ini pengkaji berpandangan bahawa amat penting untuk menganalisis konsep dan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah dalam kalangan kanak-kanak mengikut sistem perundangan Islam dan undang-undang sivil dengan mengangkat tajuk “Had Umur Kanak-Kanak Dalam Kes Jenayah di Malaysia: Analisis Dari Sudut Undang-Undang Sivil dan Syariah.”

⁹ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

¹⁰ Niken Candra Lupita, *Analisis Kriminologis Pembunuhan Yang Dilakukan Oleh Anak*, Jurnal Bahagian Hukum Pidana Vol 5 No 6, Tesis Fakultas Hukum Universiti Lampung, Indonesia, 2017.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Perbuatan salah laku jenayah yang berlaku dalam negara turut melibatkan golongan kanak-kanak sebagai pelaku. Melakukan jenayah adalah secara tidak langsung telah menyalahi *maq sid al-shar 'ah*¹¹ yang ditetapkan oleh hukum syarak. Istilah ini dipelopori oleh Imam al-Ghazali yang mentakrifkannya selaras dengan tujuan penurunan syariat iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Dapat dilihat bahawa Islam melarang manusia melakukan jenayah yang dapat merosakkan lima unsur ini sama ada terhadap diri sendiri maupun orang lain.¹² Penjenayah perlu dihukum *hudud*, *qisas* (balas balik) dan *diyat* (bayaran denda) atau *takzir* menurut Islam.

Seterusnya menurut Laporan Rasmi Jabatan Statistik Malaysia (*Department of Statistics Malaysia Official Portal*), kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan kanak-kanak di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan bahawa jumlah kes jenayah membabitkan juvana¹³ meningkat sebanyak 37.5 peratus. Peratusan ini adalah bagi kesalahan berulang iaitu 675 kes pada tahun 2018 berbanding tahun 2017.¹⁴ Laporan Statistik Jenayah Malaysia 2020 juga menunjukkan peningkatan bagi jenayah mencederakan secara umum sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2019

¹¹ *Maq sid Dharuriy h* ialah tujuan atau objektif untuk memelihara kepentingan hidup, asas kepada penerusan hidup seseorang. Lima perkara dibawah konsep ini ialah agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Al-Shatibi berpendapat bahawa syariat Islam wujud bagi menjaga lima kepentingan ini. Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid, Mek Wok Mahmud dan Akhtarzaite Abdul Aziz, *Maqasid al-Shariah* (Kuala Lumpur: Penerbit UIAM, 2012), 24-25.

¹² Bayan Linnas Siri Ke-189:Maqasid Syariah dalam Perubatan, Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan diakses pada 20 Oktober 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>

¹³ Juvana terdiri daripada mereka yang berumur antara 14 hingga bawah 18 tahun yang telah didapati bersalah oleh Mahkamah Kanak-Kanak dan mereka ini ditahan di Sekolah Henry Gurney. Laman sesawang Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia dicapai pada 5 Januari 2021, <https://www.prison.gov.my/ms/article-news/176-informasi/70-soalan-lazim>

¹⁴ Laman Sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, Siaran Akhbar Statistik Kanak-Kanak, Malaysia, 2019 dicapai pada 1 Mac 2022, <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TVY4ZDdTeFJnMFQxWjdFc1dDZEh>

berbanding tahun 2018.¹⁵

Keratan akhbar Utusan Malaysia turut mengeluarkan pernyataan bahawa jenayah mencuri, mencederakan orang dan merogol merupakan antara kesalahan jenayah tertinggi membabitkan pesalah dalam kalangan kanak-kanak terutamanya pelajar sekolah menengah berusia 13 sehingga 18 tahun. Kekerapan jenayah ini dapat meragut nyawa seseorang. Menurut Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, walaupun tangkapan berkurangan namun indeks jenayah ini berada pada kadar yang membimbangkan.¹⁶ Data yang berikut merupakan contoh analisis kes-kes jenayah yang melibatkan pesalah kanak-kanak di Malaysia dari tahun 2017 sehingga tahun 2021.

Jadual 1.1: Statistik Kes Juvana atau Pesalah Muda di Malaysia dari 2017 hingga 2021

Jenis-Jenis Kesalahan/ Tahun	2017	2018	2019	2020	2021
Jenayah Kekerasan	2415	2040	1800	800	590
Jenayah Harta Benda	5703	4673	3869	1039	606

Sumber: Malaysian Youth Data Bank System¹⁷ (Data diperoleh dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Faktor persekitaran sosial iaitu ibu bapa atau penjaga dan rakan sebaya berperanan penting dalam pembentukan sahsiah diri seorang kanak-kanak.¹⁸ Selain itu, kemajuan teknologi yang semakin pesat turut menjadi faktor dalam penglibatan salah

¹⁵ Latifah Arifin, *Jenayah Rogol, Mencederakan Meningkat pada 2019*, laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 1 Mac 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/756298/jenayah-rogol-mencederakan-meningkat-pada-2019>

¹⁶ Mohamad Faizal Hashim, *Trend Jenayah Remaja dan Kanak-Kanak Membimbangkan*, laman sesawang Utusan Malaysia, diakses pada 21 Oktober 2022, <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/trend-jenayah-remaja-dan-kanak-kanak-membimbangkan/>

¹⁷ Laman Sesawang Youth Data Bank System, <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=178>, diakses pada 15 Ogos 2022

¹⁸ Zakaria Stapa et al., *Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri*, Jurnal Hadhari Special Edition, 2012, 162-168.

laku remaja.¹⁹ Antara kes jenayah yang pernah terjadi di Malaysia adalah kesalahan bunuh di bawah seksyen 304 Kanun Keseksaan. Dalam kes PP lawan Saiful Afikin bin Mohd Firus²⁰, tertuduh yang berumur 16 tahun telah menyebabkan kematian seseorang.²¹ Mahkamah telah memerintahkan tertuduh untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney berikutan dengan umur tertuduh yang masih dianggap sebagai kanak-kanak.²² Tempoh penahanan ini adalah sehingga tertuduh mencapai usia 21 tahun.

Kes kedua berkaitan jenayah syariah melibatkan seorang gadis di bawah umur yang melakukan kesalahan *berkhawlwat*. Beliau ditangkap melakukan perbuatan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah bersama pasangan di sebuah bilik. Tertuduh telah dihukum berpandukan seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu) 2001.²³ Jenayah *khalwat* yang dimaksudkan adalah *khalwat* di antara pasangan ajnabi.²⁴ Di samping itu, mahkamah turut mendapati bahawa remaja berusia 16 sehingga 18 tahun merupakan antara golongan paling ramai terlibat dalam kes maksiat.²⁵

Berdasarkan kepada data dan fakta permasalahan kajian ini, jelas terbukti bahawa kes-kes sebegini masih berlaku di negara ini dan semakin meningkat. Kesalahan jenayah seumpama membunuh dibicarakan di bawah bidang kuasa mahkamah sivil manakala jenayah melibatkan syariah seperti *khalwat* dibicarakan di mahkamah syariah.

¹⁹ Mariam Abd Majid et al., *Program Pemulihan Akhlak Remaja Delikuensi di Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat*, Jurnal Pengajian Islam, Vol. 16, No 1, 2023, 25.

²⁰ PP lawan Saiful Afikin bin Mohd Firus (1996) 4 MLJ 309.

²¹ Tertuduh telah berjumpa mangsa di pasar raya Hankyu, Kota Bharu. Tertuduh mendakwa bahawa dia telah dikejar oleh mangsa dan kawan-kawannya. Tertuduh mempunyai seorang kembar yang mempunyai rupa yang sama dengannya. Akibat merisaukan keselamatan kembarnya yang mungkin akan dicederakan, tertuduh telah berdepan dengan mangsa. Tertuduh menikam leher kanan mangsa menggunakan pisau yang dibawanya. Mangsa mati akibat tikaman. Tertuduh membuang pisau tersebut ke dalam perigi yang akhirnya dijumpai juga. Tertuduh menyerah diri.

²² Aminuddin Mustafa, *Right of Children in Criminal Proceedings: A Comparative Analysis on the Compatibility of The Malaysian Juvenile Justice System With The Standards of The Convention on Rights of Children (CRC)*, (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Law School, Lancaster University, 2016), 189.

²³ Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Hal Ehwal Agama Trg lawan Nur Arifa Mohd Adnan (2017) 3 LNS 4.

²⁴ Noor ‘Ashikin Hamid et al., *Khalwat dalam Kalangan Remaja di Malaysia dan Aceh: Kajian terhadap Pematuhan Syariah*, KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia, Vol 27, No 2, 2015, 303.

²⁵ Ibid., hlm 299

Walaupun kesalahan melibatkan pelaku dalam golongan yang sama iaitu kanak-kanak, namun penetapan had umur kanak-kanak yang digunakan di mahkamah syariah adalah berbeza dengan mahkamah sivil²⁶ yang akan membicarakan kes jenayah berat kanak-kanak. Peruntukan umur kanak-kanak yang tepat perlu jelas terutama dari perspektif pelaksana hukum dan juga masyarakat agar jenayah ini dapat diadili dengan sebaiknya sekali gus memudahkan pihak-pihak dalam membuat keputusan.

Penetapan had umur kanak-kanak yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 adalah lebih tinggi iaitu 18 tahun berbanding had umur mengikut mahkamah syariah negeri-negeri yang menggunakan akta dan enakmen mereka tersendiri. Perbezaan dalam penetapan had umur ini perlu ditinjau dan dikaji semula dengan mengambil kira kes-kes yang meningkat pada masa kini. Isu dan cabaran daripada perbezaan ini harus diteliti dalam usaha mengurangkan indeks jenayah yang berlaku di Malaysia. Penambahbaikan dan pemurnian peruntukan undang-undang berkaitan penetapan had umur kanak-kanak adalah penting supaya ia kekal relevan dengan peredaran dunia teknologi dan kesesuaian norma hidup masyarakat.²⁷

Selain itu, sistem keadilan jenayah negara telah menetapkan pelbagai undang-undang dan pindaan akta, khusus bagi pesalah kanak-kanak sebagai pencegahan dan juga pemulihan. Berbeza dengan penjenayah dewasa, kanak-kanak yang terlibat dalam salah laku jenayah akan menerima keringanan dari aspek hukuman dan beberapa keutamaan semakan tertentu dalam prosiding atau perbicaraan kes dilaksanakan. Perbicaraan kes akan dilaksanakan secara tertutup di mahkamah sivil.²⁸ Walaupun jenayah yang dilakukan adalah sama, hukuman terhadap pesalah dewasa dan kanak-kanak adalah berbeza. Sebagai contoh, kes pembunuhan bagi pesalah dewasa akan

²⁶ Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 2 Akta Kanak-Kanak 2001.

²⁷ Nik Rahim et al., *Perkahwinan Kanak-Kanak di Malaysia: Had Umur Minimum dan Implikasinya*, Malaysian Journal of Syariah and Law USIM, Vol 8 No 22, 2020, 28.

²⁸ Mohamad Shariff Abu Samah, Asidah Mohd Ali, *Alman Undang-Undang Jenayah di Malaysia* (Selangor: International Law Book Services, 2018), 46.

disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan manakala pesalah kanak-kanak akan dihukum berpandukan kepada Akta Kanak-Kanak 2001. Prosedur bagi penetapan hukuman yang diputuskan terhadap pesalah kanak-kanak ini juga perlu dilihat memandangkan pelbagai faktor dapat mempengaruhi jenis hukuman ini.

Sebilangan kanak-kanak yang akan menjadi penerus harapan negara pada masa hadapan masih terlibat dalam dunia jenayah seperti pembunuhan dan perkara ini amat membimbangkan. Perhatian khusus perlu diberikan kerana hal ini secara tidak langsung akan menjamin keharmonian masyarakat secara umum. Berdasarkan kepada fakta statistik yang menunjukkan kewujudan jenayah oleh kanak-kanak serta penetapan had umur kanak-kanak yang berbeza sama ada dari sudut perundangan syariah mahupun pelaksanaan undang-undang negara iaitu perundangan konvensional, maka kajian ini perlu dilaksanakan. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti isu dan cabaran seiring dengan peruntukan had umur seorang kanak-kanak serta mengkaji peruntukan undang-undang dalam kesalahan jenayah di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang dan permasalahan kajian, pengkaji merumuskan beberapa persoalan bagi penyelidikan yang dijalankan. Antara permasalahan yang timbul adalah sebagaimana berikut:

1. Apakah tafsiran had umur kanak-kanak dari sudut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia?
2. Apakah hukuman bagi pesalah kanak-kanak mengikut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia?
3. Adakah isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah kini memerlukan penilaian semula?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan sebelumnya, maka terdapat beberapa objektif dalam penulisan kajian ini, iaitu:

1. Meneliti definisi had umur kanak-kanak dari sudut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia.
2. Mengkaji hukuman bagi pesalah kanak-kanak mengikut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia.
3. Menganalisis isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah bagi menilai keperluan penilaian semula peruntukan ini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah dalam bidang perundangan. Kajian ini dijangkakan mempunyai kepentingannya tersendiri yang boleh diuraikan sebagaimana berikut:

1. Setiap negara memiliki sistem perundangan yang tersendiri dalam menangani hukuman jenayah, begitu juga Malaysia. Jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak tidak dianggap ringan dan akan dihukum. Namun, penetapan had umur kanak-kanak yang digunakan dalam sistem perundangan tidak mempunyai penyelarasan dan akan ditinjau teliti oleh pengkaji. Hasil analisis penetapan had umur ini dapat memberi pendedahan kepada pihak berkepentingan iaitu ahli jawatankuasa perundangan untuk memperkasakan lagi undang-undang negara.
2. Statistik jenayah yang berlaku menggusarkan masyarakat. Jenayah dalam kalangan kanak-kanak terutamanya perlu dibasmi sepenuhnya kerana

mereka merupakan tunjang negara pada masa akan datang. Kajian ini akan menunjukkan hukuman-hukuman terhadap jenayah oleh kanak-kanak mengikut undang-undang sivil dan syariah. Sebagai contoh, Akta Kanak-Kanak 2001 merupakan perundangan yang diguna pakai kini dalam perbicaraan kes pembunuhan oleh kanak-kanak. Penganalisaan hukuman ini penting untuk dirujuk oleh pihak jawatankuasa undang-undang selain pihak penguatkuasaan syariah dan ahli Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha menambak baik sistem pengendalian pesalah dalam kalangan kanak-kanak.

3. *Hudud*, *qisas* dan *takzir* merupakan hukuman dikenakan mengikut perundangan Islam bagi kegiatan jenayah. Namun yang demikian hukuman berat seperti *hudud* dan *qisas* ini dikecualikan untuk kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan cuba melihat secara mendalam justifikasi hukuman *hudud* dan *qisas* dikecualikan terhadap pesalah muda kanak-kanak dan seterusnya akan meninjau hukuman yang telah dikhurasukan buat mereka jika ada.

4. Melalui kajian dan penelitian yang dilakukan, pengkaji seterusnya akan menganalisis isu dan cabaran peruntukan had umur kanak-kanak dalam undang-undang sivil dan syariah. Masyarakat umum dapat menjadikan kajian ini sebagai salah satu rujukan ilmiah yang bermanfaat untuk memperkasakan lagi ilmu pengetahuan. Kajian ini mampu memberi pengetahuan kepada pembaca mengenai peruntukan perundangan konvensional yang melibatkan kanak-kanak dan sejauh mana Malaysia khususnya selaku salah sebuah negara Islam memastikan perundangan ini selari dengan tujuan pensyariatan Islam.

1.7 Skop Kajian

Fokus pengkaji dalam kajian ilmiah ini tertumpu kepada permasalahan isu penetapan had umur bagi seorang kanak-kanak. Keseragaman dalam rangka umur seorang pesalah

adalah penting bagi mewujudkan hasil perbincangan penjatuhan hukuman yang tepat dan relevan. Maka kajian ini memperhalusi peruntukan umur seorang kanak-kanak di Malaysia dari pelbagai pendapat dan pandangan.

Seterusnya, jenayah dalam kalangan kanak-kanak terbukti masih berlaku berdasarkan statistik yang telah dilampirkan. Hal ini tidak dapat dipandang enteng kerana perbuatan yang dilakukan adalah berbahaya sehingga dapat menghilangkan nyawa dan merosakkan jiwa seseorang. Justeru, jenayah yang dibincangkan meliputi kedua-dua jenis jenayah iaitu jenayah sivil dan jenayah syariah seperti kes bersangkutan akidah dan meminum minuman yang memabukkan.

Kajian berkenaan penelitian had umur kanak-kanak dan hukuman ke atas mereka dalam kesalahan jenayah di Malaysia adalah berdasarkan kepada statut perundangan yang relevan seperti Kanun Keseksaan dan Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah serta Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Di Malaysia, pengenalan mengenai kanak-kanak dan jenayah dijelaskan dalam Kanun Keseksaan. Bagi jenayah sivil, kesemua penjenayah akan dihukum mengikut Kanun Keseksaan namun dikecualikan bagi kanak-kanak seperti yang dinyatakan dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Manakala hukuman bagi jenayah syariah adalah berpandukan kepada Akta 355 dan pengecualian hukuman diberikan kepada kanak-kanak sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 128 Akta 560.²⁹

Hukuman terhadap pesalah kanak-kanak adalah amat berbeza berbanding dengan pesalah dewasa, sama ada menurut perundangan Islam mahupun konvensional. Hukuman yang dikenakan mengikut perundangan Islam bagi kesalahan jenayah ialah *qisas, hudud* dan *takzir*. Dalam Islam, hukuman ini akan dijatuhkan berdasarkan kepada

²⁹ Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya, *Pesalah Muda dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian ke atas Had Umur Pesalah serta Hukuman Bersifat Pemulihan dari Perspektif Prinsip Syariah*, Journal Current Legal Issues, Vol 1, No 7, 2017, 3.

jenis jenayah. Pengkaji turut meneliti penetapan had umur seorang kanak-kanak menurut perspektif agama Islam dan penetapan agama terhadap hukuman yang perlu dijatuhkan terhadap salah laku jenayah pembunuhan yang dilakukan oleh mereka. Setiap analisis dilakukan berdasarkan kepada data-data dan fakta-fakta yang berkaitan untuk pembuktian kajian yang dilakukan.

1.8 Sorotan Literatur

Sorotan kajian dalam penyelidikan ini akan mengupas beberapa literatur terdahulu yang berkait rapat dengan kajian ini. Ulasan diberikan dengan mengaitkan hasil penyelidikan lepas yang memberi jawapan kepada masalah yang akan diteliti oleh pengkaji.³⁰ Hal ini adalah bagi menjelaskan lagi isu perbahasan yang menjadi polemik dalam kajian ini. Pengkaji melakukan sorotan literatur berdasarkan tiga tema, iaitu berkenaan (i) had umur juvana atau pesalah dibawah umur; (ii) jenayah oleh kanak-kanak; (iii) hukuman terhadap pesalah kanak-kanak dalam jenayah sama ada dalam aspek perundangan Islam maupun konvensional.

1.8.1 Had Umur Pesalah Kanak-Kanak

Meninjau kepada penyelidikan terdahulu, tidak banyak kajian yang membahaskan isu penetapan had umur seorang kanak-kanak. Rosnani Hussain, Md Yazid Ahmad dan Noorsafuan Che Noh menyimpulkan bahawa kanak-kanak boleh menguruskan hartanya sendiri setelah berusia 16 tahun.³¹ Nik Rahim, Mualimin, Mohamad Ismail dan Nurliyana Shahira turut berpendapat bahawa Allah telah menjadikan *baligh* sebagai salah satu tanda sempurna akal seseorang.³²

³⁰ Akademi Pengajian Islam, *Panduan Penulisan Ilmiah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2020), 12.

³¹ Rosnani Hussain, Md Yazid Ahmad, Noorsafuan Che Noh, *Tadbir Urus Harta Kanak-Kanak Menurut Perspektif Syariah*, Artikel BITARA Internasional Journal of Civilizational Studies and Human Sciences Vol 3 Issue 1, 2020.

³² Nik Rahim, Mualimin, Mohamad Ismail, Nurliyana Shahira, *Perkahwinan Kanak-Kanak di Malaysia: Had umur Minimum dan Implikasinya*, Malaysian Journal of Syariah and Law USIM, Vol 8 No 22, 2020,

Seterusnya kebanyakan kajian hanya menyebutkan had umur kanak-kanak secara umum. Norruzeyati Che Mohd Nasir dan Mohammad Rahim Kamaluddin³³ dalam kajian mereka telah melampirkan Akta Kanak-Kanak 2001 di mana dalam konteks kesalahan jenayah, kanak-kanak merupakan mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Had umur kanak-kanak di Malaysia adalah berbeza bergantung kepada konteks dan akta yang digunakan.

Namun Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff dan Mohamad Azhan Yahya³⁴ dalam kajian mereka mendapati bahawa tiada penyelarasan atau penyeragaman antara prinsip syariah dan peruntukan undang-undang syariah di negara ini. Dalam kajian mereka, hukuman alternatif ke atas pesalah muda yang disabitkan juga turut menjadi isu iaitu tiada penyelarasan diantaranya. Kajian ini dibuat bagi aspek perundangan syariah, berbeza dengan kajian pengkaji.

Kemudian Negeri Kedah dan Perlis pada mulanya langsung tidak memiliki sebarang pendefinisian berkaitan dengan pesalah muda. Namun pada tahun 2014 dan 2016, Kedah dan Perlis telah membuat pindaan berkenaan dengan perundangan had umur pesalah muda. Suhaizah Saifuddin, Azizah Mat Rashid, Adibah Bahori dan Mohamad Azhan Yahya³⁵ berpendapat bahawa pesalah muda adalah sebahagian daripada kanak-kanak berdasarkan kepada tafsiran seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001.

Disimpulkan bahawa kajian lepas hanya menyatakan had umur kanak-kanak yang boleh dipertanggungjawabkan atas jenayah yang dilakukan. Justeru kajian pengkaji bakal memperincikan lagi perbincangan berkaitan isu dan cabaran penetapan

17.

³³ Norruzeyati Che Mohd Nasir dan Mohammad Rahim Kamaluddin, *Tinjauan Literatur Pemerdagangan dan Eksplorasi Kanak-Kanak di Asia Tenggara*, Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 21, 139-140.

³⁴ Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya, *Pesalah Muda dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian ke atas Had Umur Pesalah serta Hukuman Bersifat Pemulihian dari Perspektif Prinsip Syariah*, Journal Current Legal Issues, Vol 1, No 7, 2017.

³⁵ Suhaizah Saifuddin, Azizah Mat Rashid, Adibah Bahori & Mohamad Azhan Yahya, *Peranan Undang-Undang Syariah di Malaysia Dalam Melindungi Hak Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid Al-Shari’ah*, Journal of Muwafaq Vol 4 No 1, Kolej Universiti Islam Selangor, 2021, 104-105.

had umur kanak-kanak yang tidak selaras di antara perundangan sivil dan syariah. Kemudian had umur seseorang mula bertanggungjawab ke atas setiap perbuatan menurut Islam iaitu usia *baligh* juga turut dibahaskan oleh pengkaji.

1.8.2 Jenayah oleh Kanak-Kanak

Sebilangan besar ahli akademik tempatan mahupun asing telah membincangkan berkenaan jenayah oleh kanak-kanak. Anita Abdul Rahim³⁶ dalam penulisan beliau menyebutkan beberapa jenis jenayah yang melibatkan pesalah kanak-kanak seperti mengedar dadah dan membunuh. Kedua-dua jenayah ini merupakan salah satu jenayah yang paling berat diperuntukkan hukumannya berdasarkan seksyen 300 Kanun Keseksaan. Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 juga telah mengklasifikasikan jenayah bunuh sebagai salah satu jenayah paling berat.

Bagi Mohd Adib Samuri dan Noor Aziah³⁷, cara seorang kanak-kanak dibesarkan dan pengaruh sekeliling yang memberi kesan kepada tingkahlaku kanak-kanak menjadi negatif sehingga berani melakukan jenayah. Asas perbuatan ganas ini tidak lahir bersama-sama anak tersebut. Malah kajian turut dilakukan terhadap faktor masalah sosial iaitu antaranya disebabkan oleh ketidakharmonian institusi kekeluargaan, kurang didikan agama dan perkembangan internet. Hasil kajian dibentangkan oleh Eka Najihah Ramly, Azizah Zain dan Zarina Eshan.³⁸

Setiap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang jenayah perlu dilindungi dan diadili dengan baik. Pendapat ini dikemukakan oleh Norazla Abdul Wahab, Nur Zulfah Md Abdul Salam dan Hammad Mohamad Dahalan³⁹ dalam jurnal

³⁶ Anita Abdul Rahim, *Isu Perundangan Mengenai Hukuman Jenayah Bunuh Oleh Kanak-Kanak di Malaysia* (Selangor: *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 2008), 7-8.

³⁷ Mohd Al Adib Samuri, and Noor Aziah Haji Mohd. Awal, *Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-Kanak di Malaysia : Pencegahan atau Pemulihan?*, *Jurnal Undang-undang Universiti Kebangsaan*, Vol 13, 2009, 50.

³⁸ Eka Najihah Ramly, Azizah Zain & Zarina Eshan, *Pengetahuan, Kesedaran dan Sikap Ibu Bapa Berkenaan Jenayah Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak*, *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)*, Vol. 9, 2020, 2-3.

³⁹ Norazla Abdul Wahab, Nur Zulfah Md Abdul Salam & Hammad Mohamad Dahalan, *Perlindungan*

penulisan mereka. Hal ini sesuai dengan Artikel 40 dan 37 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak berkenaan keadilan terhadap kanak-kanak yang melakukan jenayah.

Usaha menjalankan sorotan ke atas literatur-literatur terdahulu ini membawa pengkaji kepada kesimpulan bahawa perbuatan jenayah ini turut berlaku dalam golongan kanak-kanak. Namun, kajian-kajian ini tidak menerangkan secara terperinci peruntukan undang-undang yang terkait dengan kedua-dua jenayah sivil dan jenayah syariah yang dilakukan oleh kanak-kanak serta contoh pengaplikasian sistem perundangan dalam perbicaraan kes jenayah kanak-kanak sepetimana dalam kajian pengkaji.

1.8.3 Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-Kanak

Kajian dan penyelidikan mendalam berkenaan hukuman jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dari sudut Islam juga masih belum banyak dibahaskan. Secara umumnya, seseorang yang melakukan jenayah akan dikenakan hukuman *hudud*, *qisas* atau *takzir* seperti yang digariskan dalam syariat Islam namun hukuman jenis ini dikecualikan untuk pesalah kanak-kanak. Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman dan Hazwani Ubaidillah⁴⁰ telah mengemukakan tiga elemen utama untuk menentukan hukum jenayah iaitu terdapat perbuatan jahat, pelaku seorang yang waras dan mempunyai pilihan sendiri.

Seterusnya Paizah Hj. Ismail⁴¹ dalam kajian beliau hanya menyenaraikan jenis jenayah yang akan menerima hukuman mati mengikut fiqh Islam. Beliau mengupas isu hukuman mati yang dianggap tidak berperikemanusiaan oleh sebahagian masyarakat. Walaupun cara pelaksanaan hukuman mati itu berbeza bagi setiap jenayah, namun

Terhadap Kanak-Kanak yang Berkonflik dengan Undang-Undang: Kajian Terhadap Peranan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020), 2020, 94.

⁴⁰ Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman & Hazwani Ubaidillah, *Hukum Jenayah Islam* (Perak: Politeknik Ungku Omar, 2021), 8.

⁴¹ Paizah Hj Ismail, Hukuman Mati di Bawah Undang-Undang Jenayah Islam, *Jurnal Syariah Universiti Malaya*, Vol 2 No 2, 1994, 79-86.

prinsipnya masih sama iaitu hukuman haruslah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Beberapa artikel dan disertasi ada membincangkan jenayah dan hukuman yang akan dijatuhkan. Wan Norhasniah⁴² menampilkkan rasional hukuman mati mandatori terhadap pengedar dadah dan menganalisisnya dari sudut siasah syar'iyyah iaitu nas syarak dan kaedah-kaedah ijтиhad. Manakala Mustafa 'Afifi Ab Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Rezki Perdani Sawai, Nurhafizah Muhd Shukor, Dini Farhana Baharuddin, Joki Perdani Sawai dan Abd Halim Mohd Hussin⁴³ membahaskan larangan membuang anak berdasarkan perundangan Islam dan juga undang-undang konvensional. Bagi mereka, setiap bayi yang lahir memiliki hak untuk terus hidup dan dijaga dengan baik berdasarkan Artikel 7 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan Hak Kanak-Kanak 1989. Maka setiap individu yang membuang atau membunuh bayi perlu dihukum bagi mengelakkan situasi ini terus berleluasa.

Manakala menurut Syazwan Mohd Yusof dan Ramalinggam Rajamanickam⁴⁴ dalam kajian mereka, hukuman terhadap pesalah jenayah syariah adalah berbentuk hukuman *takzir* iaitu denda, pemenjaraan dan sebatan. Hukuman adalah berbeza mengikut ijтиhad hakim. Kajian ini adalah bagi melihat kedudukan pesalah muda dari sudut fiqh dan Akta 611 berdasarkan *maq sid al-shar 'ah*. Berbeza dengan kajian pengkaji ini, setiap bentuk hukuman akan dianalisis khas bagi kes pelaku dalam kalangan kanak-kanak. Kajian dibuat berdasarkan perundangan Islam dan juga undang-undang sivil dan syariah.

⁴² Wan Norhasniah Haji Wan Husin, *Hukuman Bunuh ke atas Pengedar Dadah: Satu Analisis Berdasarkan Siasah Syar'iyyah* (Disertasi Sarjana Jabatan Siasah Syar'iyyah Universiti Malaya, 2001), 133-136.

⁴³ Mustafa 'Afifi Ab Halim et al., *Bayi Yang Dibuang: Hak dan Kedudukan Bayi di sisi Undang-undang, Malayan Law Journal*, Universiti Sains Islam Malaysia, 2013, 5-6.

⁴⁴ Syazwan Mohd Yusof dan Ramalinggam Rajamanickam, *Hukuman Penjara Pesalah Muda Jenayah Syariah Menurut Akta Kanak-Kanak 2001*, UiTM International Conference on Law & Society 2021, 175.

Kebanyakan negara sudah memiliki sistem perundangan yang khas untuk setiap salah laku kanak-kanak termasuk jenayah berat seperti pembunuhan. Di Indonesia contohnya, kajian oleh Lilik Siyaga⁴⁵ telah menerangkan tentang penerapan unsur-unsur dari Pasal 338 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana. Undang-undang ini adalah berkenaan hukuman bagi jenayah permbunuhan yang dilakukan oleh kanak-kanak serta dasar pertimbangan hukum hakim dalam memutuskan permasalahan ini.

Yusramizza Md Isa @Yusuff dan Anis Shuhaida Md Salleh⁴⁶ berpendapat bahawa salah satu penerapan hukuman *takzir* adalah dengan menubuhkan Mahkamah bagi Kanak-Kanak, iaitu sebahagian daripada Mahkamah Rendah di Malaysia. Setiap pesalah kanak-kanak perlu dilayan berlainan dengan layanan terhadap penjenayah dewasa. Mahkamah ini dijadikan medium untuk membentuk dan mengembalikan nilai moral yang murni dalam diri seorang kanak-kanak di Malaysia.

Di Indonesia juga terdapat perlindungan khas untuk kanak-kanak yang melakukan jenayah, berbeza hukumannya dengan orang dewasa atau mereka yang sudah mencapai usia tertentu. Hal ini turut dibahas oleh Andana Muhammad.⁴⁷ Hukuman bagi pesalah kanak-kanak maksimumnya adalah satu perdua daripada hukuman untuk penjenayah dewasa dan penjara paling lama 10 tahun berdasarkan ketetapan dalam Undang-Undang No 11 Tahun 2012.

Mohd Al Adib Samuri dan Noor Aziah Mohd Awal⁴⁸ telah menyumbang idea pemikiran mereka berkenaan dengan penetapan hukuman ke atas pesalah dalam kanak-kanak, sama ada ia menjurus ke arah pencegahan atau pemulihan kanak-kanak tersebut.

⁴⁵ Lilik Siyaga, *Tindak Pidana Terhadap Nyawa Manusia Yang Dilakukan Oleh Anak (Tinjauan Yuridis Terhadap Putusan Pidana Nomor: 55/ Pid.Sus/ 2011/ PN.Pwt)*, Skripsi Sarjana Fakultas Hukum, Universitas Jenderal Soedirman, 2013, 79-113.

⁴⁶ Yusramizza Md Isa @Yusuff dan Anis Shuhaida Md Salleh, *Kewajaran Mahkamah bagi Kanak-Kanak di Malaysia*, Jurnal of Ethics, Legal and Governance, Universiti Utara Malaysia, Vol. 3, 2007, 62.

⁴⁷ Andana Muhammad, *Perlindungan Hukum dan Pertanggungjawaban Terhadap Anak dibawah Umur Sebagai Pelaku Tindak Pidana Pembunuhan Berencana*, Disertasi Universitas Islam Kalimantan Indonesia, 2021.

⁴⁸ Mohd Al Adib Samuri, and Noor Aziah Haji Mohd. Awal, *Hukuman Terhadap Pesalah Kanak- Kanak di Malaysia : Pencegahan atau Pemulihan?*, Jurnal Undang-undang Universiti Kebangsaan, Vol 13, 2009, 38-44.

Teori pencegahan akan diaplikasikan dalam bentuk hukuman bagi penjenayah untuk mewujudkan rasa takut dan mengelakkan jenayah itu berulang kembali. Teori ini turut berfungsi sebagai hukuman pencegahan untuk mereka yang berkemungkinan melakukan jenayah. Bagi Bentham, aspek hukuman dan jenayah amat berkaitrapat. Hukuman yang setimpal perlu dijatuhkan kepada pesalah tanpa memberikan sebarang pengurangan.

Manakala teori berikutnya adalah teori pemulihan iaitu usaha untuk mengubah personaliti pesalah ke arah mematuhi kehendak peruntukan undang-undang. Jenayah boleh dicegah dengan membantu pesalah menangani faktor yang memungkinkan jenayah tersebut berlaku. Dalam kes jenayah kanak-kanak, pihak mahkamah mengaplikasikan prinsip hukuman pencegahan untuk jenayah berat atas faktor umur dan juga kepentingan awam. Teori pemulihan digunakan untuk kes jenayah yang tidak dikategorikan berat.

Penelitian seterusnya oleh Sarirah Binti Che Rose⁴⁹ dimana beliau telah mengulas bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam memelihara hak keistimewaan seorang kanak-kanak. Akta Kanak-Kanak 2001 telah digubal dan dikuat kuasakan berikutan dengan penyertaan Malaysia dalam Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Selain itu, kaedah dan prosedur perbicaraan kes berkaitan di Mahkamah Tinggi juga dibahaskan. Hal ini adalah kerana Mahkamah Bagi Kanak-Kanak tiada bidang kuasa untuk membicarakan kes yang boleh membawa hukuman mati seperti membunuh. Kes sebegini akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi dengan prosedur tertentu yang khas untuk pesalah kanak-kanak.

Kesimpulannya, walaupun terdapat pelbagai jenis kajian yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan, namun tiada kajian yang menepati seratus peratus topik kajian

⁴⁹ Sarirah Che Rose, *Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-Kanak di Mahkamah Tinggi*, Jurnal Voice of Academia (VOA), Vol 6 No 2, Universiti Teknologi MARA, 2011, 112-119.

yang hendak dilakukan oleh pengkaji sekaligus masih belum mampu menyelesaikan isu atau kes jenayah kanak-kanak yang berlaku. Perbincangan yang dikemukakan bersifat konsep dan teori, namun tetap memberi sumbangan yang besar terhadap kajian ini. Oleh itu, penyelidikan ini akan memperhalusi lagi kajian berkenaan pengecualian hukuman tertentu terhadap pesalah kanak-kanak, yang dianalisis secara mendalam isu dan cabaran bersangkutan dengan perbandingan di antara hukuman menurut perundangan Islam dan konvensional.

1.9 Metodologi Kajian

Pemilihan dan penggunaan metod yang tepat amat penting dalam memastikan kebolehpercayaan kajian yang diperoleh serta menjamin objektif penyelidikan dapat dicapai. Maka beberapa kaedah kajian yang bersesuaian telah dirangka bagi memperoleh analisis data yang sah.⁵⁰

1.9.1 Metodologi Pengumpulan Data

Kajian yang pengkaji jalankan adalah kajian berbentuk kualitatif. Kaedah penyelidikan yang digunakan bagi memenuhi keperluan kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menggunakan metod dokumentasi dan kajian doktrin undang-undang (*black-letter methodology*). Selain itu, metod temu bual juga digunakan dalam kajian lapangan.

a) Metod Dokumentasi

Untuk memenuhi objektif kajian, pengumpulan data yang paling utama adalah dengan melakukan kajian kepustakaan. Penyelidikan kepustakaan ialah penelitian yang dilakukan untuk memperoleh maklumat-maklumat serta data berbentuk dokumentasi yang terdapat dalam buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal dan artikel. Pengkaji menggunakan

⁵⁰ Siti Aisyah Samudin, *Ganti Rugi Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya: Ke Arah Mengharmonisasikan Prinsip Diyat Ke Dalam Undang-Undang di Malaysia* (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Jabatan Syariah dan Undang-Undang Universiti Malaya, 2019), 13.

kajian kepustakaan bagi pengumpulan data dan maklumat mengenai konsep asas berkaitan kanak-kanak di bawah sistem keadilan jenayah dalam peruntukan perundangan konvensional. Pengkaji akan mengambil data-data daripada semua undang-undang yang berkaitan khususnya berkaitan definisi pesalah muda dan hukuman ke atas mereka. Pengkaji akan turut merujuk artikel jurnal, buku, kertas kerja persidangan, laman sesawang rasmi, penulisan yang tidak diterbitkan dan kes-kes yang dilaporkan di dalam jurnal untuk memenuhi keperluan bab ketiga iaitu penelitian terhadap peruntukan undang-undang dalam kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak di Malaysia.

Seterusnya, bagi mendapatkan data-data terhadap konsep kanak-kanak menurut perspektif hukum syarak, bahan-bahan rujukan merupakan kitab-kitab arab Fiqh bagi mazhab terkemuka iaitu mazhab Syafi'i. Rujukan terhadap ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah serta tafsir al-Quran dan syarah-syarah hadis berhubung kanak-kanak juga akan dilakukan. Hal ini adalah bagi memenuhi bab ketiga kajian iaitu berkenaan pengecualian hukuman terhadap pesalah kanak-kanak.

Segala data yang ingin diperoleh terdiri daripada bervariasi bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Kemudian, dalam kajian kepustakaan ini, pengkaji menggunakan metod dokumentasi di mana pengkaji akan mengkaji kesemua bentuk dokumen yang dijumpai sama ada buku, jurnal, tesis dan sebagainya yang bertepatan dengan tema, objektif dan skop kajian penyelidikan. Dokumentasi ini boleh diperoleh dalam bentuk penulisan seseorang, statistik, gambar atau karya seseorang. Pengkaji menggunakan metod ini bagi mendapatkan segala bahan dan data berkaitan dengan latar belakang masalah, konsep kanak-kanak dan hukuman yang dijatuhkan menurut peruntukan sistem perundangan Islam dan konvensional.

Pengkaji akan mendapatkan data untuk penelitian dan analisis, seterusnya membuat kesimpulan dan saranan yang berkaitan. Namun yang demikian, segala data

yang diperolehi adalah terhad berdasarkan kemampuan dan hasil carian pengkaji sepanjang melakukan kajian penyelidikan akan datang ini.

b) Metod Kajian Doktrin Undang-undang (*Black-Letter Methodology*)

Dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan metod kajian doktrin undang-undang bagi menganalisis kenyataan undang-undang. Setiap statut perundangan yang diperoleh akan dibincangkan dengan jelas seterusnya membuat kesimpulan sesuai dengan objektif kajian.⁵¹ Pelbagai statut digunakan sepanjang kajian ini yang melibatkan isu penetapan had umur kanak-kanak seperti Akta Kanak-Kanak 2001 dan enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri. Kes-kes jenayah pula diperoleh melalui pangkalan data secara atas talian yang berautoriti iaitu *Current Law Journal* (CLJ) dan *Malayan Law Journal* (MLJ) kerana data ini mudah diakses.

c) Metod Temu Bual Separa Berstruktur

Kaedah mewawancara atau temu bual adalah cara pengumpulan data yang diambil secara lisan bagi memperoleh sesuatu maklumat untuk mencapai suatu tujuan. Hasil temu bual ini akan membantu menyokong fakta yang diperoleh. Informasi yang diberikan oleh pihak informan boleh berkembang dengan mudah melalui data tersebut.

Pengkaji memilih kaedah temu bual sebagai salah satu metod dapatan data kajian. Temu bual separa berstruktur digunakan oleh pengkaji ketika mewawancara empat orang informan. Wakil pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, iaitu badan organisasi yang menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada kanak-kanak telah ditemu bual. Sekolah Tunas Bakti merupakan salah satu lokasi penahanan kanak-kanak diluluskan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.⁵² Temu bual jenis ini tidak berbentuk

⁵¹ Ibid., 15

⁵² Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, diakses pada 21 Oktober 2022, <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=T3YxrnRkV91cFvtRU9nOEPU5dz09>

rigid seperti temu bual berstruktur yang hanya bersandarkan kepada binaan soalan. Soalan yang diutarakan boleh diubah dan lebih fleksibel mengikut respon daripada responden, namun masih berpandukan kepada garis panduan soalan yang asal. Kemudian, ahli akademik dan pegawai Jabatan Pendakwaan Syariah turut diwawancara bagi tambahan maklumat berkenaan sistem perundangan Islam dan keistimewaan pengecualiannya terhadap kanak-kanak. Selain itu, temu bual juga dilakukan terhadap wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisation (NGO)*) untuk mendapatkan pendapat dan data sokongan berkenaan kerelevanan penetapan had umur kanak-kanak yang diguna pakai pada masa kini.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menemu bual informan yang telah disenaraikan, di mana mereka terkait secara langsung dan tidak langsung dengan isu penetapan had umur dan hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah kanak-kanak. Kesemua informan mempunyai pengalaman dan ilmu yang khusus dalam isu permasalahan kajian ini. Temu bual ini dibuat secara langsung iaitu pengkaji bersemuka dengan para responden.

1.9.2 Metodologi Analisis Data

Data yang diperoleh melalui metod dokumentasi, kajian doktrin undang-undang dan temu bual separa berstruktur seterusnya akan dianalisis. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis data melalui kaedah analisis deskriptif, kandungan dan tematik.

a) Analisis Deskriptif

Kaedah ini merupakan huraihan objektif terhadap segala mesej yang diperoleh sama ada yang telah dicetak, disiar atau digambarkan. Pengumpulan data melalui kaedah ini akan menghasilkan perolehan analisis yang betul dan relevan dengan perbahasan isu. Hal ini adalah kerana sumber yang digunakan itu tepat dan sukar berlaku

penyelewengan seperti jurnal dan kajian kes.⁵³

Setelah data-data dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi, kaedah kajian doktrin undang-undang dan temu bual bersama responden, proses penganalisisan maklumat dijalankan. Kaedah analisis deskriptif perlu dibuat bagi menghasilkan data kajian yang baik serta tepat seperti yang pengkaji rancangkan. Hal ini adalah kerana penyelidikan ini memerlukan pentafsiran dan penjelasan bagi konsep hukuman dalam kes jenayah oleh pesalah kanak-kanak dari perspektif syariah.

b) Analisis Kandungan

Kaedah analisis kandungan adalah suatu kaedah menganalisis bahan-bahan media seperti kitab dan jurnal. Dalam kajian ini, kaedah analisis kandungan merupakan signifikan bagi meneliti Hukum Syara' berpandukan kepada dalil *naqli* dan '*aqli* terhadap permasalahan hukum amali. Analisis dilakukan keatas tafsiran had umur kanak-kanak serta hukuman *hudud*, *qisas* dan *takzir* yang dijatuhkan ke atas seseorang yang melakukan jenayah berdasarkan daripada sumber al-Quran dan hadis. Info dapatan berkaitan hukuman semasa pula diperoleh bersumberkan kajian oleh para cendekiawan yang pakar dalam bidang undang-undang negara.

c) Analisis Tematik

Pendekatan tematik adalah merupakan kaedah untuk mengklasifikasikan input atau data yang diperoleh melalui temu bual bersama informan. Pengkaji mengguna pakai metod analisis tematik bagi mencapai objektif ketiga kajian iaitu isu dan cabaran dalam penetapan had umur kanak-kanak menurut undang-undang sivil dan syariah di Malaysia.

⁵³ Kamarul Azmi Jasmi, *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 2012, 11-12.

Analisis tematik telah dilakukan secara manual tanpa menggunakan sebarang aplikasi khas namun dilakukan dengan teliti melalui beberapa langkah. Hasil rakaman daripada temu bual bersama informan akan didengar dan ditranskrip di dalam komputer. Proses ini dilakukan berulang kali dan mengambil tempoh yang agak lama agar dapatan tersebut jelas untuk dianalisis. Transkrip tersebut seterusnya diidentifikasi melalui kod yang serupa dalam suatu aspek.

1.10 Susunan Kajian

Dalam kajian penelitian ini, pengkaji akan membahagikan kepada beberapa sub perbahasan. Pecahan bab dalam penulisan ini adalah seperti berikut:

Bab 1: Pendahuluan yang terdiri daripada latar belakang masalah, penyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian serta sorotan literatur. Selain itu, pengkaji juga menghuraikan metod yang digunakan dalam kajian ini seperti metod pengumpulan serta metod analisis data.

Bab 2: Pengkaji akan menerangkan teori dan konsep berkaitan pesalah dalam kalangan kanak-kanak khususnya dari aspek penetapan had umur. Tiada keseragaman di antara undang-undang sivil dan syariah dalam had umur kanak-kanak, maka isu yang akan ditelusuri ini adalah berdasarkan kedua-dua aspek iaitu dari aspek perundangan syariah dan juga undang-undang sivil.

Bab 3: Kajian secara menyeluruh terhadap peruntukan undang-undang dalam kesalahan jenayah oleh kanak-kanak di Malaysia akan dibahaskan. Hukuman undang-undang bagi kes jenayah akan ditelusuri dengan melihat kepada segala statut perundangan yang relevan bagi seorang kanak-kanak seperti Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak 2001. Hukuman yang dikenakan pada masa kini akan dilihat sama ada perundangan ini sudah memenuhi kesejahteraan pensyariatan Islam atau sebaliknya.

Bab 4: Penetapan had umur kanak-kanak tidak mempunyai penyelarasan di antara sistem peruntukan perundangan syariah dan sivil. Maka pengkaji akan menganalisis beberapa isu dan cabaran yang timbul berikutan dengan penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang konvensional. Proses pengendalian pesalah kanak-kanak turut pengkaji bentangkan.

Bab 5: Pengkaji akan membuat rumusan terhadap kajian penyelidikan yang dilakukan serta kesimpulan dan juga rekomendasi kajian. Kesimpulan dibuat berdasarkan huraian yang telah menjawab isu persoalan kajian serta data-data yang telah diperoleh agar dapat memberi gambaran keseluruhan kepada pembaca berdasarkan penelitian yang telah dilakukan. Seterusnya, pengkaji juga akan menyertakan sedikit cadangan kajian lanjutan yang berkaitan dengan tajuk kajian ilmiah ini.

1.11 Penutup

Kesimpulannya, statistik yang diberikan membuktikan bahawa kes jenayah masih berlaku di Malaysia. Pengkaji berpandangan bahawa isu kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak perlu diteliti sebaiknya. Peruntukan perundangan yang ditetapkan pada dunia moden kini perlu selari dengan landasan asas tujuan pensyariatan Islam khususnya buat negara-negara Islam termasuk Malaysia. Jenayah berat mahupun ringan perlu dibasmi sepenuhnya bagi memelihara norma masyarakat yang baik memandangkan kanak-kanak ini yang akan memimpin negara kelak.

Undang-undang berkaitan dengan hukuman terhadap pesalah kanak-kanak di Malaysia telah dipinda. Namun perlu ditinjau sama ada hukuman tersebut selari dengan perundangan yang digariskan Islam atau tidak. Malah, penetapan had umur seorang kanak-kanak juga tidak diselaraskan dalam sistem perundangan. Hal ini akan menjadi isu dan permasalahan dalam menjatuhkan hukuman yang sesuai ke atas pesalah kanak-kanak.

Kupasan dalam bab ini telah menyentuh berkenaan dengan latar belakang masalah, skop dan juga metolodologi kajian yang akan digunakan dalam penyelidikan berkaitan dengan hukuman bagi kes jenayah oleh pesalah kanak-kanak ini. Konsep dan tafsiran had umur kanak-kanak akan dikupas dalam bab seterusnya dari sudut syariah Islam dan undang-undang negara.

BAB 2: TAFSIRAN HAD UMUR KANAK-KANAK DARI SUDUT SYARIAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Di Malaysia, golongan kanak-kanak tidak terkecuali dari terjebak dalam salah laku jenayah. Salah laku ini termasuklah senarai kesalahan jenayah yang terkandung dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia seperti *khalwat* dan orang lelaki berlagak seperti orang perempuan. Bagi jenayah sivil pula, senarai kesalahannya boleh dirujuk dalam Kanun Keseksaan seumpama kes mencederakan orang lain atau mengedor dadah. Data yang membuktikan bahawa jenayah syariah dan jenayah sivil berlaku dalam kalangan kanak-kanak telah ditunjukkan dalam bab sebelumnya.

Seterusnya meneliti dari aspek perundangan negara, kajian ini menggesa agar pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang harus dilaksanakan dengan efisien agar tiada pesalah kanak-kanak yang tertindas. Dalam masa yang sama, mangsa turut mendapat keadilan sewajarnya. Sistem keadilan juvenil telah dilaksanakan di Malaysia lebih daripada 50 tahun. Para hakim lebih cenderung menggunakan teori pencegahan daripada pemulihan dalam berhadapan dengan kes melibatkan pesalah kanak-kanak.⁵⁴ Namun dalam menyelesaikan sesuatu kes, isu penetapan had umur yang berbeza dalam menentukan seseorang itu masih kanak-kanak seringkali timbul. Lantaran itu, bab ini akan mengkaji objektif pertama yang ingin dicapai dari kajian ini iaitu had umur kanak-kanak dari sudut syariah dan undang-undang jenayah di Malaysia. Penulis akan meneliti dan mengenal pasti faktor penetapan dan had umur kanak-kanak yang telah ditetapkan berdasarkan kedua-dua aspek, syariah serta undang-undang jenayah di Malaysia.

⁵⁴ Mohd Al Adib Samuri, and Noor Aziah Haji Mohd. Awal, *Hukuman Terhadap Pesalah Kanak- Kanak di Malaysia : Pencegahan atau Pemulihan?*, *Jurnal Undang-undang Universiti Kebangsaan*, Vol 13, 2009, 1.

2.2 Tafsiran Had Umur Kanak-Kanak Dari Sudut Syariah Islam

Tanggungan jenayah bergantung kepada niat dan daya keupayaan seseorang dalam perlakuan perbuatan jenayah tersebut.⁵⁵ Maka umur seorang pesalah amat terkait rapat dengan proses penetapan suatu hukuman. Dalam undang-undang jenayah Islam, tanggungan jenayah seseorang adalah berbeza mengikut perkembangan umur seseorang itu. Tiga peringkat perkembangan umur yang kebiasaannya dilalui oleh manusia adalah seperti yang berikut:

1. Umur kanak-kanak belum *mumaiyiz* (*sabiy ghayr mumaiyiz*) iaitu bermula daripada hari pertama bayi dilahirkan sehingga kanak-kanak tersebut berumur tujuh tahun. Pada peringkat awal ini, kanak-kanak tidak memiliki daya kefahaman yang baik. Golongan ini masih belum mampu membezakan perkara yang baik dengan perkara yang buruk. Para fuqaha membataskan usia tujuh tahun ini berdasarkan kebiasaan lumrah manusia bagi memudahkan para hakim membuat keputusan ketika penjatuhan hukuman buat pesalah.

Maka seorang pesalah kanak-kanak pada peringkat ini tidak akan dikenakan sebarang tanggungan jenayah. Namun yang demikian, kanak-kanak yang belum *mumaiyiz* tetap tidak dikecualikan daripada tanggungan sivil. Hal ini kerana prinsip perlindungan harta dan nyawa setiap individu dijamin dalam perundangan Islam.

2. Umur kanak-kanak telah *mumaiyiz* (*sabiy mumaiyiz*) dimana peringkat ini bermula pada usia tujuh tahun sehingga usia matang atau *baligh*. Kanak-kanak sudah mampu membezakan perkara yang baik dan buruk namun kefahaman yang dimiliki adalah kurang sempurna.

Kanak-kanak pada peringkat ini sudah boleh disabitkan kesalahan jenayah namun hukuman yang diterima tidak boleh disamakan dengan pesalah dewasa khususnya

⁵⁵ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 1.

kesalahan berkaitan dengan *hudud* atau *qisas*. Daya kefahaman kanak-kanak berkenaan keadaan suatu jenayah dan akibat buruk jenayah tersebut adalah masih lemah.

3. Umur *baligh* dan cerdik (*baligh wa rashid*) iaitu bermula usia 15 tahun mengikut majoriti fuqaha atau 18 tahun menurut Abu Hanifah. Seseorang sudah mampu membezakan perkara baik dan buruk serta memiliki daya kefahaman yang sempurna terhadap setiap perbuatan.

Individu yang melakukan kesalahan pada peringkat ini akan dikenakan hukuman seperti pesalah dewasa. Kelompok ini perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesalahan yang dilakukan.⁵⁶

Manakala juvana dalam undang-undang Islam pula dibahagikan kepada dua peringkat iaitu sebelum *mumaiyiz* dan selepas *mumaiyiz*. Sebelum *mumaiyiz*, kanak-kanak tidak akan dipertanggungjawabkan dengan kesalahan jenayah yang dilakukan kerana belum memiliki sifat *idrak* (keupayaan memahami) dan *ikhtiar* (kemampuan membuat pilihan). Kedua-dua elemen ini merupakan elemen dalam undang-undang Islam.⁵⁷

Di samping itu, *mukalaf* ialah seseorang yang dibebani untuk melaksanakan hukum taklif iaitu kewajiban menjalankan perintah Allah. Bagi al-Zarkashi pula, *mukalaf* ialah seseorang yang dituntut melakukan sama ada perintah mahupun larangan dan mempunyai pilihan atas perbuatan tersebut. *Mukalaf* ialah seorang yang *baligh*, berakal dan sampai dakwah serta mempunyai keahlian bagi melaksanakan sesuatu yang ditaklifkan keatasnya.⁵⁸ *Al-taklif* turut diterangkan dalam al-Quran. Ayat ini membuktikan bahawa Allah hanya akan memberi *al-taklif* atau bebanan ke atas seseorang

⁵⁶ Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman & Ahmad Jazlan Mat Jusoh, *Perundangan Islam Kontemporari di Malaysia* (Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2018), 89-91.

⁵⁷ Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya, *Pesalah Muda Dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihian Dari Perspektif Prinsip Syariah*, Current Legal Issues No 8, 2017, 4.

⁵⁸ Azman Ab Rahman et al., “Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf kepada Mukalaf dalam Konteks Malaysia”, *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol 7, No. 2 (2020), 42.

mengikut kemampuan dan keupayaannya sahaja. Berdasarkan surah al-Baqarah ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا هَلَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ هَرَبَنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ
نَسِينَا أَوْ أَخْطَلْنَا هَرَبَنَا وَلَا تَحْمِلْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْنَا عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا هَرَبَنَا وَلَا
تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا هَأْنَتْ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ
الْكَافِرِينَ

(Al-Baqarah 2: 286)

Terjemahan: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.

Majoriti ulama mazhab dan fuqaha kontemporari berpendapat bahawa syarat sah *mukalaf* ialah berakal, *baligh* dan mampu untuk memahami dalil sesuatu taklif⁵⁹ sama ada suruhan atau larangan Allah.⁶⁰ Hal ini turut dipersetujui oleh Syeikh Nawawi di mana taklifan ini ditentukan oleh *baligh*.⁶¹ *Baligh* merupakan salah satu indikasi bagi menentukan seseorang itu sempurna akalnya.⁶² Hanya golongan yang sempurna akal

⁵⁹ Penyerahan beban (tugas, pekerjaan) yang berat kepada seseorang. Kamus Komprehensif Bahasa Melayu (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2005), 751, entri "taklif".

⁶⁰ Ibid., 43.

⁶¹ Tihami, *Taklif dan Mukallaf Menurut Al-Syeikh Muhammad Nawawi Al-Bantani*, AlQalam No. 74/XIV (1998), 83.

⁶² Mohd Faizal Yusof, *Irsy d Al-Fatw Siri Ke-230: Umur Baligh Menurut 4 Mazhab Dan Had Umur Yatim*, portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 19 Ogos 2022,

sahaja akan ditaklifkan tanggungjawab dalam Islam kerana sudah dapat memahami taklifan tersebut seterusnya melaksanakannya. Seseorang dianggap *mukalaf* apabila beliau sudah *baligh*, mempunyai akal⁶³ yang sihat dan perbuatannya menjadi objek tuntutan syara'.⁶⁴ Umur seseorang menjadi *baligh* ini adalah penting dalam kehidupan seseorang dimana beliau akan dibebankan dengan tanggungjawab sepenuhnya. Maka, had umur seseorang digelar kanak-kanak sebelum bertukar menjadi dewasa amat penting untuk diketahui.

Seterusnya, seorang manusia yang sentiasa mengikut kehendak hawa nafsu, kadangkala akan kecundang juga di mana perkara yang tidak diingini akan berlaku. Kesalahan atau jenayah yang terjadi harus diselesaikan berlandaskan kepada penetapan hukuman fiqh yang telah digariskan dalam Islam. Penentuan hukuman ini juga terkait dengan umur seseorang iaitu dalam hukum Islam, hukuman bagi seorang *mukalaf* adalah berbeza dengan kanak-kanak. Oleh kerana itu, semua kitab fiqh empat mazhab utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali menerangkan hukum-hukum tersebut dalam perbahasan kitab mereka. Pendapat atau ijтиhad para ulama ini kadangkala berbeza antara satu sama lain menyebabkan perbahasan dalam asas mahupun isu ilmu fiqh itu juga mempunyai perbezaan.⁶⁵

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2460-irsyad-al-fatwa-siri-ke-230-umur-baligh-menurut-4-mazhab-dan-had-umur-yatim>

⁶³ Berakal adalah mencapai tahap *mumaiyiz* dalam pemikirannya iaitu ak-zuhul (tidak gelap) dan al-nisyān (tidak lupa).

⁶⁴ Wahbah az-Zuhail Fiqhul Islam Wa Adillatuhu (Damsyik: Darul Fikr, 1985), 1:17.

⁶⁵ Haji Sa'id Haji Ibrahim, *Al-Fiqh Al-Wadhih 'Ala Mazhab Al-Imam Asy-Sya'fi'i Rahimahullahu Ta'ala* (Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah, 2000), 46.

2.2.1 Pengertian *Baligh*

Baligh dertiikan sebagai suatu keadaan di mana rohani⁶⁶ dan jasmani⁶⁷ yang menentukan seorang itu mampu untuk melaksanakan taklif sepenuhnya.⁶⁸ Akil *baligh* turut didefinisikan sebagai cukup umur atau dewasa dan kebiasaannya apabila mencapai umur antara sembilan hingga 12 tahun bagi perempuan serta 12 hingga 15 tahun bagi seorang lelaki.⁶⁹ Perintah melaksanakan syariat perlu diikuti setelah seseorang sampai pada tempoh usia tertentu.⁷⁰

2.2.1.1 Had Umur *Baligh* Bagi Lelaki dan Perempuan

Tanda seseorang sudah *baligh* ditentukan oleh keluarnya air mani atau bermimpi (*al-ihtilam*) bagi lelaki, manakala keluar darah haid bagi perempuan. Namun, jika situasi ini tidak berlaku maka penentuan had umur kanak-kanak tersebut diukur berdasarkan umur yang ditetapkan oleh mazhab. Ulama mazhab walau bagaimanapun mempunyai pendapat yang berbeza mengenai usia *baligh*. Antara sebab wujud perselisihan pendapat adalah sunnah Nabi tidak menjelaskan keseluruhan dalil al-Quran dan dalil yang diperoleh bagi menyelesaikan suatu masalah adalah berbeza.⁷¹

Ulama berselisih pendapat dalam menentukan had umur seorang kanak-kanak. Namun tiada perbincangan secara *detil* mengenai faktor khusus perbezaan pandangan ulama mazhab. Kebarangkalian perbezaan muncul disebabkan oleh faktor situasi masyarakat setempat yang berbeza-beza. Ulama mazhab Syafi'i, Ahmad, Abu Yusuf

⁶⁶ Kewujudan sifat takwa untuk beribadah melakukan suruhan dan menghindari larangan Allah. Syarifah Nor Hazierah Syed Hassan & Burhanundin Abdullah, *Kepentingan Kewajipan Ibadah dan Qudwah Hasanah dalam Proses Perkembangan Remaja Akil Baligh*, *Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal*, Vol 1 No 2, 2018.

⁶⁷ Perubahan sifat fizikal pada diri seseorang.

⁶⁸ Azman Ab Rahman et al., *Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf kepada Mukalaf dalam Konteks Malaysia*, UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Vol 7, No. 2 (2020), 45.

⁶⁹ Kamus Dewan. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, entri “*baligh*”.

⁷⁰ Portal Rasmi Dr Zulkifli Bakri, diakses pada 13 Disember 2022, <https://zulkiflialbakri.com/umur-baligh/>

⁷¹ Muhammad Mushfique Ahmad Ayoub @ Ayub, *Irsyad Al-Hadith Siri Ke-252: Sebab Berlaku Perselisihan Pendapat*, portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 21 Ogos 2023, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/2316-irsyad-al-hadith-siri-ke-252-sebab-berlaku-perselisihan-pendapat>

daripada ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa umur *baligh* bagi lelaki dan perempuan adalah sempurna 15 tahun *qamariyyah*. Hal ini disandarkan kepada riwayat daripada Ibn Umar yang bermaksud,

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ سَعِيدٍ: حَدَّثَنَا أَبُو أَسَامَةَ قَالَ: حَدَّثَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ قَالَ: حَدَّثَنِي نَافِعٌ
قَالَ: حَدَّثَنِي ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرَضَهُ يَوْمَ
أُحُدٍ وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعَ عَشْرَةَ سَنَةً فَلَمْ يُجِزِّنِي، ثُمَّ عَرَضَنِي يَوْمَ الْخَنْدَقِ وَأَنَا ابْنُ خَمْسَ عَشْرَةَ
فَأَجَازَنِي. قَالَ نَافِعٌ: فَقَدِمْتُ عَلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ وَهُوَ خَلِيفَةً فَحَدَّثَنِي هَذَا الْحَدِيثُ
فَقَالَ: إِنَّ هَذَا لَحْدُ بَيْنَ الصَّغِيرِ وَالكَّبِيرِ، وَكَتَبَ إِلَى عَمَالِهِ أَنْ يَفْرِضُوا مِنْ بَلَغَ خَمْسَ
عَشْرَةَ.

Terjemahan: Aku menyerahkan diriku kepada Nabi pada peperangan Uhud ketika aku berusia 14 tahun dan Nabi tidak mengizinkanku kerana Baginda tidak menganggapku telah *baligh*. Aku juga menyerahkan diriku kepada Nabi pada peperangan Khandak ketika aku berusia 15 tahun dan Nabi mengizinkanku kerana Baginda menganggapku telah *baligh*.⁷²

Imam Syafi'i berkata, pada waktu itu Nabi telah menolak beberapa orang sahabat yang berumur 14 tahun dan menerima sahabat yang berusia 15 tahun kerana beranggapan bahawa mereka sudah pun mencapai usia *baligh*. Antara sahabat tersebut termasuklah Zaid bin Tsabit, Rafi' bin Khadij dan Ibn Umar. Status *baligh* ini menunjukkan bahawa seseorang itu berkemampuan secara fizikal dan rohani untuk mempraktikkan amalan syariat Islam sepenuhnya dan dengan sempurna.⁷³ Manakala ulama Maliki pula berpendapat bahawa umur *baligh* adalah 18 tahun, melalui persetubuhan atau bermimpi iaitu keluar air mani bagi lelaki dan keluar haid bagi perempuan. Selain itu, usia *baligh*

⁷² Imām Abū Abdullāh Muhammād ibn Ismā'īl al-Bukhārī, "Sahīh Bukhārī", 434 (Kitāb as-Siyah d. t., Bāb Bulugh al-Sibyān wa Syahdatihim, no. hadith 2664). Lafaz Hadith yang dinukilkikan adalah menurut Al-Bukhari.

⁷³ Tihāmi, *Taklif dan Mukallaf Menurut Al-Syeikh Muhammad Nawawi Al-Bantani*, AlQalam No. 74/XIV (1998), 83.

ini juga dapat ditunjukkan dengan keadaan mengandung bagi perempuan dan tumbuhnya bulu ari-ari di bawah perut.

حدثنا [محمد] بن المثنى، ثنا حجاج بن منهال، ثنا حماد، عن قتادة، عن محمد بن سيرين، عن صفية بنت الحمرث، عن عائشة، عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال ((لا يقبل الله صلاة حائض إلا بخمار)) قال أبو داود: رواه سعيد – يعني ابن أبي عروبة – عن قتادة عن الحسن عن النبي صلى الله عليه وسلم.

Terjemahan: Allah tidak akan menerima solat orang yang telah berhaid melainkan dengan menutup kepala.⁷⁴

Seterusnya, menurut Abu Hanifah, usia *baligh* bagi seorang lelaki adalah pada 18 tahun manakala 17 tahun bagi perempuan. Ibn Abbas RA telah menyatakan bahawa tidak ramai ahli ulama yang cenderung dan bersetuju dengan usia 18 tahun sebagai had umur *baligh* seorang kanak-kanak. Namun, ulama ini tetap berpendirian bahawa usia 18 tahun ini adalah umur yang paling tua bagi had *baligh* seorang lelaki. Perempuan pula lebih awal usia *baligh* maka dikurangkan satu tahun berbanding lelaki iaitu 17 tahun.⁷⁵

Namun, pendapat lain mengatakan bahawa ketiga-tiga mazhab iaitu mazhab Syafi'i, Hanbali dan sebahagian Maliki berpandangan bahawa umur matang seseorang adalah pada usia 15 tahun. Manakala Abu Hanifah pula menetapkan usia 18 tahun, riwayat lain menetapkan umur 19 tahun untuk lelaki dan 17 tahun untuk perempuan.⁷⁶

Manakala dari sudut perubatan, *baligh* adalah satu tahap dalam kehidupan seseorang di mana tubuh badan akan berubah dari seorang kanak-kanak menjadi dewasa.

⁷⁴ Ab D d Sulaim n Ibnu al-Asy'at as-Sijist n al-Azd , “ unan Ab D d,” 173 (Kitab Solat, Bab al-Mar’ah Tusalli bi Ghair Khimar, no. hadith 641). Lafaz Hadith yang dinukilkan adalah menurut Abi Daud.

⁷⁵ Mohd Faizal Yusof, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-230: Umur Baligh Menurut 4 Mazhab Dan Had Umur Yatim*, portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 19 Ogos 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2460-irsyad-al-fatwa-siri-ke-230-umur-baligh-menurut-4-mazhab-dan-had-umur-yatim>

⁷⁶ Pendapat oleh ‘Audah (1994) dalam kitab *al-Tashri’ al-Jina’i al-Islami*, dirujuk daripada Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman & Ahmad Jazlan Mat Jusoh, *Perundangan Islam Kontemporari di Malaysia* (Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2018), 90.

Hal ini disebabkan oleh hormon iaitu bahan kimia dalam badan. Ia boleh bermula seawal umur sembilan sehingga 16 tahun bagi lelaki dan perempuan bergantung kepada hormon dan faktor persekitaran juga.⁷⁷

Data yang berikut merupakan rumusan bagi usia *baligh* dan had umur seorang kanak-kanak menurut syariat mengikut majoriti ulama. Anggapan *baligh* ini hanya akan digunakan jika tiada kemunculan tanda fisiologi terhadap seorang kanak-kanak.⁷⁸

Jadual 2.1: Penetapan Had Umur Seseorang Digelar Kanak-Kanak dari Sudut

Syariah Islam

Mazhab	Lelaki	Perempuan
Syafi'i	Sempurna 15 tahun qamariyyah	Sempurna 15 tahun qamariyyah
Hanbali	Sempurna 15 tahun qamariyyah	Sempurna 15 tahun qamariyyah
Maliki	Sempurna 18 tahun	Sempurna 18 tahun
Hanafi	Sempurna 18 tahun	Sempurna 17 tahun

Sumber: Ilustrasi pengkaji berdasarkan hasil dapatan kajian

2.3 Tafsiran Had Umur Kanak-Kanak Dari Sudut Undang-Undang Syariah

Perundangan jenayah dan tatacara jenayah syariah di bawah bidang kuasa negeri memiliki kuasa yang terbatas, iaitu hanya terhad kepada individu yang beragama Islam termasuk golongan kanak-kanak. Kemudian Akta Kanak-Kanak 2001 yang merupakan satu-satunya statut perundangan eksklusif untuk kanak-kanak juga tidak dapat diguna pakai dalam kesalahan jenayah syariah.⁷⁹

⁷⁷ Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://www.myhealth.gov.my/akil-baligh/>, diakses pada 19 Ogos 2022.

⁷⁸ Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, Jurnal 24 KANUN (1) (2012), 10.

⁷⁹ Ibid., 2

Di samping itu, perundangan syariah hanya membahaskan istilah *baligh*.⁸⁰ Mufti Wilayah Persekutuan pula berpendapat bahawa usia *baligh* anak adalah pada usia 18 tahun secara umum.⁸¹ Perkataan *baligh* ditafsirkan dalam Seksyen 2(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 sebagai seseorang yang sudah cukup umur menurut hukum syarak. Peruntukan ini dianggap kurang jelas kerana tiada had umur yang khusus terhadap kanak-kanak yang boleh dikecualikan daripada tanggungan jenayah.

Peruntukan yang lebih khusus berkenaan pesalah kanak-kanak, selepas ini disebut pesalah muda bagi kanak-kanak yang melakukan jenayah syariah terkandung dalam Seksyen 2(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 iaitu pesalah muda adalah golongan yang berusia lebih daripada 10 tahun dan di bawah 16 tahun. Perundangan lain dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 juga memperuntukkan umur kanak-kanak seperti yang terkandung dalam Seksyen 88(4)⁸² dan Seksyen 79^{83,84}.

Secara keseluruhan, kesemua enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia mengistilahkan kata pesalah muda sebagai “seseorang pesalah yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun”.⁸⁵ Pada awalnya negeri Perlis

⁸⁰ Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita Nik MD Khalib, *Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017), 2017, 2-3.

⁸¹ Mohd Faizal Yusof, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-230: Umur Baligh Menurut 4 Mazhab Dan Had Umur Yatim*, portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 19 Ogos 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2460-irsyad-al-fatwa-siri-ke-230-umur-baligh-menurut-4-mazhab-dan-had-umur-yatim>

⁸² Seksyen 88(4) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 Bagi maksud jagaan ke atas diri dan harta, seseorang hendaklah disifatkan sebagai kanak-kanak melainkan dia telah genap umur 18 tahun.

⁸³ Seksyen 79 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 – perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur 18 tahun, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan oleh anak itu atau oleh seseorang lain, melanjutkan perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah, bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi.

⁸⁴ Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman & Ahmad Jazlan Mat Jusoh, *Perundangan Islam Kontemporari di Malaysia*, (Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2018), 91.

⁸⁵ Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2 daripada Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah

menggunakan istilah ‘remaja’ dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan mentakrifkannya sebagai seorang lelaki atau perempuan yang berumur di bawah 18 tahun.⁸⁶ Manakala negeri Kedah pula tidak memperuntukkan sebarang takrifan bagi perkataan pesalah muda mahupun remaja.⁸⁷ Namun kini kedua-dua negeri Perlis dan Kedah telah meminda undang-undang dengan memperuntukkan umur pesalah muda sama dengan negeri-negeri lain iaitu 10 tahun sehingga kurang daripada 16 tahun.⁸⁸

2.4 Tafsiran Had Umur Kanak-Kanak Dari Sudut Undang-Undang Sivil

Istilah kanak-kanak didefinisikan dalam *Black's Law Dictionary* sebagai seseorang yang belum mencapai usia 14 tahun menurut Undang-Undang Am (*Common Law*) walaupun kini usia tersebut sudah berbeza mengikut bidang kuasa yang pelbagai.⁸⁹ Dalam undang-undang Inggeris, istilah *juvenile* juga diguna pakai bagi merujuk kepada kanak-kanak. Dalam *Black's Law Dictionary*, *juvenile* ialah seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun dan terkecuali daripada layanan seperti pesalah dewasa menurut sistem keadilan jenayah.⁹⁰ Manakala *youthful offender* pula ialah seorang pesalah yang berada dalam lingkungan usia lewat remaja atau awal dewasa. Memetik kata dalam kamus tersebut:

“A youthful offender is often eligible for special programs not available to older offenders, including community supervision, the successful completion of which may lead to erasing the conviction from the offender's record.”⁹¹

Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pahang), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Sabah), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 dan Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Sarawak).

⁸⁶ Seksyen 2, Enakmen 7 Tahun 1993, Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak, 1991, Negeri Perlis.

⁸⁷ Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 adalah nama bagi undang-undang yang diguna pakai.

⁸⁸ Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2006 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014

⁸⁹ Bryan A. Garner, *Black's Law Dictionary Seventh Edition* (United States of America: West Publishing CO., 1999), 232.

⁹⁰ Ibid., 871

⁹¹ Ibid., 1108

Selain itu, menurut *Osborn's Concise Law Dictionary*, kanak-kanak ialah golongan yang berumur di bawah 14 tahun, dengan menggunakan rujukan undang-undang Inggeris iaitu *Children and Young Persons Act 1933*. Menurut *Children Act 1975* dan *Adoption Act 1976* pula, kanak-kanak ialah seseorang yang belum mencapai usia 18 tahun. Kemudian pesalah yang berumur di bawah 10 tahun masih belum mempunyai tanggungan jenayah dan pesalah berumur di antara 10 sehingga 14 tahun pula dianggap belum mampu membentuk niat jenayah namun hal ini dapat disangkal dengan kewujudan bukti lain.⁹² Seterusnya istilah *juvenile* menurut kamus ini pula ialah pesalah yang berumur di bawah 14 tahun atau orang muda iaitu di antara 14 sehingga tujuh belas tahun dimana kesalahan jenayah yang dilakukan perlu dibicara di mahkamah juvana.⁹³

Di samping itu, kanak-kanak juga dianggap sebagai golongan yang tidak mampu menguruskan diri sendiri dan masih berada di bawah tanggungan ibu bapa atau penjaga.⁹⁴ Kemudian, istilah “kanak-kanak” memiliki definisi yang berlainan mengikut statut perundangan yang berbeza di Malaysia. Malah terdapat juga statut perundangan yang tidak memberi sebarang pengertian terhadap istilah ini. Antara undang-undang yang diperuntukkan terhadap penetapan had umur kanak-kanak adalah:

a) Akta Kanak-Kanak 2001 (*Child Act 2001*)

Bahagian 1 subseksyen (2) Akta Kanak-Kanak 2001 menyebut bahawa kanak-kanak diistilahkan sebagai seseorang yang berada di bawah umur 18 tahun.⁹⁵

““kanak-kanak”-

- (a) ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan
- (b) berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan.”

⁹² Roger Bird, *Osborn's Concise Law Dictionary* (London: Sweet & Maxwell, 1983), 72.

⁹³ Ibid., 193

⁹⁴ Nurhidayah Binti Azahari & Zanariah Binti Dimon, *Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda Dan Wanita Menurut Undang-Undang Islam di Malaysia*, International conference On Syariah & Law (ICONSYAL 2021)-Online Conference, 2021, 50.

⁹⁵ Seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Peraturan-Peraturan, 2015 (Akta No. 2, 2015).

Sebelum kewujudan Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Mahkamah Juvana 1947 dikuat kuasakan. Kanak-kanak diistilahkan dalam akta ini sebagai seseorang yang berumur di bawah umur 14 tahun. Menurut seksyen 2 Akta Mahkamah Juvana 1947 yang telah dimansuhkan, terdapat tiga kategori bagi golongan yang berumur di bawah 18 tahun. Kanak-kanak berumur di bawah 14 tahun, orang muda ialah mereka yang berumur diantara 14 tahun sehingga 18 tahun manakala istilah juvana pula digunakan bagi mereka yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah mengikut seksyen 82 Kanun Keseksaan.⁹⁶

b) Akta Umur Dewasa 1971 (*Age Of Majority Act 1971*)

Pindaan berhubung umur dewasa dalam Seksyen 2 Akta 21 Akta Umur Dewasa 1971 adalah seperti berikut:

“Tertakluk kepada seksyen 4, umur belum dewasa bagi semua lelaki dan perempuan ialah dan adalah terhad kepada lapan belas tahun dan tiap-tiap lelaki dan perempuan yang mencapai umur itu ialah berumur dewasa di Malaysia.”

Seksyen ini menerangkan bahawa umur belum dewasa bagi kesemua masyarakat lelaki mahupun perempuan adalah terhad kepada 18 tahun. Mereka yang sudah mencapai usia ini digelar dewasa di Malaysia. Umur 18 tahun ini dicapai pada permulaan ulang tahun ke-18 seseorang itu seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 3.⁹⁷

c) Kanun Keseksaan Akta 574 (*Penal Code Act 574*)

Seksyen 82 dan Seksyen 83 Kanun Keseksaan turut memberi takrifan terhadap istilah kanak-kanak sebagaimana berikut:⁹⁸

“82. Perbuatan kanak-kanak yang berumur kurang daripada 10 tahun. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun.

83. Perbuatan kanak-kanak yang berumur lebih daripada 10 tahun tetapi kurang daripada 12 tahun yang belum cukup akal.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur lebih daripada sepuluh tahun tetapi kurang

⁹⁶ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 33-34.

⁹⁷ Seperti yang diperuntukkan dalam Akta 21 Akta Umur Dewasa 1971 (2006).

⁹⁸ Seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (Akta 574).

daripada dua belas tahun yang belum cukup akal untuk menimbangkan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu.”

Kedua-dua seksyen ini memberi pengecualian hukuman kepada kanak-kanak yang masih kecil, berusia kurang daripada 10 tahun atau kanak-kanak yang berusia di bawah 12 tahun tetapi belum cukup akal. Hukuman akan dikecualikan atau diberi peluang pengecualian walaupun jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut adalah berat.

(d) Kanun Prosedur Jenayah Akta 593 (*Criminal Procedure Code Act 593*)

Seksyen yang memperuntukkan istilah kanak-kanak atau disebut pesalah muda dalam Kanun Prosedur Jenayah Akta 593 ialah Seksyen 2, Tafsiran iaitu kanak-kanak berumur di antara 10 tahun dan 16 tahun dianggap sebagai pesalah muda dan boleh dikenakan hukuman tertentu. Peruntukan seksyen tersebut adalah seperti berikut:⁹⁹

““Pesalah muda” termasuklah mana-mana kanak-kanak yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang boleh dihukum denda atau penjara yang mana pada pendapat Mahkamah yang memutuskan salah, budak itu adalah berumur lebih daripada sepuluh tahun dan di bawah enam belas tahun, iaitu pada tiadaan bukti yang sah yang sebaliknya.”

Berdasarkan daripada statut yang diterangkan, dapat dirumuskan bahawa penetapan had umur seorang kanak-kanak menurut undang-undang sivil juga adalah pelbagai. Secara umum, kanak-kanak ialah mereka yang berumur di bawah 18 tahun menurut Akta Umur Dewasa 1971. Seterusnya peruntukan bagi penetapan had umur kanak-kanak ini turut pelbagai berdasarkan kepada undang-undang berkaitan jenayah iaitu 18 tahun,¹⁰⁰ 10 dan 12 tahun¹⁰¹ serta 16 tahun¹⁰².

Selain itu, definisi kanak-kanak menurut pihak kerajaan Malaysia secara umum ialah mereka yang berumur di bawah 18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan berdasarkan kepada Akta Kanak-Kanak 2001. Antara usaha Malaysia memelihara hak kanak-kanak adalah melalui peruntukan undang-undang

⁹⁹ Seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Prosedur Jenayah Akta 593.

¹⁰⁰ Seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001.

¹⁰¹ Seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan Akta 574.

¹⁰² Seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Prosedur Jenayah Akta 593.

Seksyen 74 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu kanak-kanak di bawah usia 14 tahun tidak boleh dihantar ke Henry Gurney¹⁰³. Kewujudan mahkamah bagi kanak-kanak sejak abad ke-19 juga membuktikan pemeliharaan kanak-kanak dengan membezakan bidang kuasa mahkamah dalam konteks jenayah dilakukan oleh kanak-kanak.¹⁰⁴

Kemudian kerajaan turut mengasingkan definisi kanak-kanak ini dengan warga remaja iaitu remaja diistilahkan sebagai golongan yang berumur diantara 13 sehingga 24 tahun dan masih belum berkahwin.¹⁰⁵ Oleh kerana had umur seseorang digelar kanak-kanak ini berbeza mengikut setiap statut perundangan, pihak mahkamah khususnya para hakim perlu cekap dalam mengaplikasikan had umur pesalah kanak-kanak yang relevan berdasarkan kepada kes yang dibicarakan.

2.5 Bidang Kuasa Mahkamah dalam Kes Jenayah di Malaysia

Kedatangan penjajah British di Malaysia mewujudkan sistem perundangan yang berunsurkan undang-undang Inggeris. Perlembagaan dan sistem perundangan di Malaysia tidak mengamalkan undang-undang Islam sepenuhnya. Hal ini adalah kerana pihak penjajah telah menaiktaraf institusi mahkamah sivil dengan begitu baik seperti pembinaan bangunan mahkamah yang dilengkapi pelbagai kemudahan. Masyarakat kemudiannya hanya menjadikan mahkamah syariah sebagai tempat untuk memperoleh nasihat agama.¹⁰⁶ Setelah berjaya mencapai kemerdekaan, Malaysia akhirnya memiliki dua bentuk statut perundangan di mana setiap kes yang berlaku perlu merujuk kepada undang-undang yang berbidang kuasa, undang-undang syariah atau undang-undang sivil.

¹⁰³ Henry Gurney adalah sebuah institusi pemenjaraan khusus buat pesalah kanak-kanak yang melakukan jenayah berat mengikut perundangan Malaysia.

¹⁰⁴ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 20.

¹⁰⁵ Portal Rasmi Direktori Perkhidmatan Keluarga, diakses pada 19 Ogos 2022, http://keluarga.lppkn.gov.my/direktori/?page_id=21

¹⁰⁶ Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhammad Hashim, *Keistimewaan Islam dan Undang-Undang Syariah di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2019), 55-56.

Penetapan had umur kanak-kanak menurut undang-undang sivil dan syariah yang berbeza adalah disebabkan faktor sumber penetapan undang-undang itu sendiri. Kedua-dua sistem melaksanakan hukuman berbentuk takzir, dengan bersumberkan badan perundangan yang berlainan. Undang-undang yang terpakai di mahkamah syariah diluluskan oleh badan perundangan setiap negeri. Manakala mahkamah sivil menggunakan pakai sistem perundangan yang ditetapkan oleh pemerintah dan diluluskan oleh parlimen di peringkat persekutuan.¹⁰⁷

Bagi kesalahan jenayah, kes tersebut akan berada di bawah bidang kuasa negeri jika kes itu melibatkan kesalahan berkaitan hukum syarak dan adat orang Melayu. Setiap negeri mempunyai enakmen negeri tersendiri kecuali Wilayah Persekutuan yang menggunakan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) serta negeri Sarawak yang menggunakan Ordinan Majlis Islam Sarawak.¹⁰⁸ Seterusnya, Agama Islam telah diiktiraf di Malaysia serta dinyatakan tanpa keraguan bahawa Islam adalah agama rasmi negara dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya adalah umat Islam, maka usaha-usaha ke arah itu seringkali dilakukan oleh pelbagai pihak di Malaysia. Contohnya, Seksyen Syariah ditubuhkan dalam Jabatan PEGUAM NEGARA bagi memantau aspek syariah dalam rang undang-undang yang ingin diluluskan di Parlimen.¹⁰⁹ Kedudukan mahkamah syariah dan sistem perundangannya juga semakin dimartabatkan.¹¹⁰

Selain itu, bidang kuasa persekutuan pula merangkumi segala bentuk jenayah yang lain termasuk jenayah mencederakan dan membunuh, merogol dan juga kes liwat. Kanun Keseksaan dirujuk bagi kes jenayah secara umum dan Akta Kanak-Kanak 2001

¹⁰⁷ Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Sivil vs Syariah? Penamat Bagi Polemik Domino Effect*, portal rasmi Al-Mawaqif, diakses pada 1 Jun 2024, <https://zulkiflialbakri.com/sivil-vs-syariah-penamat-bagi-polemik-domino-effect/>

¹⁰⁸ JAKIM, *Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah*, Laman Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, diakses pada 19 Disember 2022, [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/akta_enakmen/8](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/akta_enakmen/)

¹⁰⁹ Ibid., 8-11.

¹¹⁰ Ibid., 59.

digunakan dalam perbicaraan kes melibatkan golongan kanak-kanak. Undang-undang Persekutuan turut merangkumi hal ehwal luar negeri, keselamatan dalam negeri serta sistem kewangan negara.¹¹¹

Di samping itu, dalam Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang terkandung dalam Senarai Pertama dan Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan. Manakala Badan Perundangan Negeri pula boleh membuat undang-undang bagi perkara yang tersenarai dalam Senarai Kedua dan Senarai Bersama Jadual Kesembilan. Kuasa ini adalah tertakluk kepada syarat dan sekatan oleh Perlembagaan. Jika terdapat ketidakselarasian antara undang-undang yang dibuat oleh negeri dan persekutuan, maka undang-undang persekutuan akan mengatasi undang-undang negeri iaitu undang-undang negeri menjadi tidak sah setakat yang tidak selaras.¹¹²

2.6 Kriteria Bagi Penetapan Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak

Tanggungjawab jenayah merujuk kepada umur minimum seseorang itu boleh dipertanggungjawabkan ke atas setiap perbuatan yang dilakukan. Penentuan ini amat penting dilakukan oleh kerajaan negara kerana hal ini mencerminkan penilaian sistem keadilan jenayah terhadap kemampuan kanak-kanak dalam berhadapan dengan tanggungjawab jenayah.¹¹³ Penetapan had umur ini juga menunjukkan keprihatinan sesebuah negara dalam memelihara hak seorang kanak-kanak.¹¹⁴

¹¹¹ Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhammad Hashim, *Keistimewaan Islam dan Undang-Undang Syariah di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2019), 55-56.

¹¹² Seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

¹¹³ Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁴ Aminuddin Mustaffa, *Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak: Menilai Undang-Undang Malaysia Dari Perspektif Undang-Undang Antarabangsa*, Jurnal 28 KANUN (1), 2016, 44.

¹¹⁴ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 47.

Di Malaysia, pada awalnya kanak-kanak diadili berpandukan kepada sistem perundangan Barat sama seperti undang-undang yang diperuntukkan untuk pesalah dewasa. Hal ini berterusan sehingga ke penghujung abad ke-19, sistem keadilan jenayah yang berasingan untuk kanak-kanak telah mula ditubuhkan. Mahkamah Juvana mula diwujudkan dengan falsafah bahawa kematangan dan tahap keupayaan kanak-kanak adalah kurang serta lemah dibandingkan pesalah dewasa.¹¹⁵ Kini, sekolah agama juga telah ditubuhkan dalam penjara untuk pesalah yang berusia kurang daripada 21 tahun atau lebih.¹¹⁶

Seterusnya, untuk menjatuhkan suatu hukuman ke atas pesalah kanak-kanak, pihak mahkamah perlu memastikan bahawa kanak-kanak tersebut memahami perbuatan serta cakna bahawa perbuatan tersebut adalah salah di sisi undang-undang.¹¹⁷ Undang-undang antarabangsa telah mengeluarkan kerangka garis panduan dalam menetapkan umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak. Kemudian kebanyakan negara menjatuhkan hukuman bagi salah laku jenayah kanak-kanak dengan tujuan menghukum.¹¹⁸ Perkara ini telah mewujudkan perdebatan dalam menentukan kriteria terbaik dalam isu penentuan had umur minimum pesalah. Kriteria ini sekurang-kurangnya terbahagi kepada dua iaitu tanggungjawab jenayah kanak-kanak berdasarkan kepada keupayaan kanak-kanak itu sendiri serta prinsip kekebalan kanak-kanak daripada pendakwaan. Berikut merupakan penjelasan bagi kriteria yang digunakan dalam menetapkan had umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak:

¹¹⁵ Yusramizza Md Isa @ Yusuff dan Anis Shuhaida Md Salleh, *Kewajaran Mahkamah bagi Kanak-Kanak di Malaysia*, Journal of Ethics, Legal and Governance, Vol. 3, 2007, 62.

¹¹⁶ Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia, *Sekolah Agama Pertama Dalam Penjara*, diakses pada 23 Ogos 2022, <https://www.prison.gov.my/ms/galeri-media/46193-sekolah-agama-pertama-dalam-penjara>

¹¹⁷ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 26.

¹¹⁸ Ibid., 46.

(a) Keupayaan Kanak-Kanak

Beberapa orang sarjana undang-undang berpendapat bahawa had umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak perlu dilihat kepada kemampuan kanak-kanak tersebut.¹¹⁹ Konsep ini merujuk kepada kapasiti atau keupayaan seseorang dalam mengawal tindakannya dan memahami akibat daripada tindakannya menurut undang-undang negara. Hanya kanak-kanak yang mampu melakukan jenayah dan memahami keburukan perlakuan tersebut dengan baik akan mula dikenakan tanggungjawab jenayah.

Sains dan teknologi pada masa kini dapat membantu pihak kerajaan melihat tahap perkembangan kanak-kanak untuk menentukan umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak. Antaranya, kajian telah dilakukan dan menunjukkan bahawa hanya kanak-kanak berumur 11 tahun ke atas sahaja yang mempunyai kemampuan membuat hipotesis atau keputusan tanpa terikat dengan realiti fizikal. Fasa umur ini dinamakan fasa tahap operasi formal (*formal operations*).¹²⁰

Selain itu, Lawrence Kohlberg¹²¹ dalam kajiannya juga mendapati bahawa kanak-kanak akan menjalani enam tahap perkembangan moral yang diringkaskan kepada tiga peringkat yang utama iaitu fasa prakonvensional (*pre-conventional morality*), konvensional (*conventional morality*) dan pascakonvensional (*post-conventional morality*). Menurut Kohlberg, hanya kanak-kanak yang berada pada tahap konvensional iaitu berusia 11 tahun dan ke atas mampu membezakan perkara yang betul dan salah. Pada tahap ini, kanak-kanak sudah mencapai tahap keupayaan mental yang minimum dan boleh menjangkakan keinginan orang penting dalam kehidupan seperti ibu bapa seterusnya membezakan perkara baik dan buruk.

¹¹⁹ Thomas Crofts, *Catching Up With Europe: Taking the Age of Criminal Responsibility Seriously in England*, European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice 17, 2009, 268-273.

¹²⁰ Kajian dilakukan oleh Jean Piaget (1932), dirujuk daripada Aminuddin Mustaffa, *Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak: Menilai Undang-Undang Malaysia Dari Perspektif Undang-Undang Antarabangsa*, Jurnal 28 KANUN (1), 2016, 48.

¹²¹ Pengasas kepada teori perkembangan moral, Ibid., 28

Kemudian, penyelidikan lain boleh dibuat dengan menggunakan kaedah *magnetic resonance imaging (MRI)* bagi melihat perkembangan otak. Hasil kajian yang dilakukan oleh para saintis membuktikan bahawa perkembangan otak kanak-kanak akan mengalami perkembangan berterusan bermula sebelum era akil *baligh* sehingga usia awal 20-an. Dalam kajian lain, otak seseorang menunjukkan perkembangan ketara pada usia 14 tahun iaitu usia kematangan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa tiada penyelarasan umur spesifik dinyatakan dalam kajian para ilmuwan berkenaan dengan perkembangan otak kanak-kanak. Rumusan dilakukan di mana kanak-kanak di bawah usia 12 tahun mempunyai kematangan psikologi yang rendah jika dibandingkan dengan kanak-kanak berumur 12 hingga 18 tahun.

Namun, kebanyakan para psikologi bersetuju bahawa walaupun teori-teori ini menetapkan umur spesifik kanak-kanak yang sudah mampu berfikir dengan baik, perlu disedari dan diakui bahawa tahap perkembangan diri bagi setiap individu adalah berbeza.¹²² Ia tidak tetap dan bertindak sebagai rujukan bagi pihak penggubal undang-undang menentukan umur minimum tanggungan jenayah seorang kanak-kanak.

(b) Kekebalan Kanak-Kanak Daripada Pendakwaan

Sebilangan pakar undang-undang yang lain pula berpendapat bahawa had umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak perlu dilihat kepada kekebalan kanak-kanak daripada pendakwaan.¹²³ Kriteria ini tidak melihat kepada keupayaan kanak-kanak dalam melakukan jenayah namun memfokuskan kriteria ini kepada matlamat sistem keadilan juvenil iaitu sama ada kanak-kanak tersebut sudah cukup matang ataupun tidak untuk dipertanggungjawabkan dengan pendakwaan jenayah. Hal ini bermakna kanak-kanak yang berumur melebihi daripada had umur kekebalan daripada pendakwaan yang

¹²² John Thomas Dalby, *Criminal Liability in Children*, Canadian Journal of Criminology 27(2), 1985, 143.

¹²³ Barry Goldson, ‘Unsafe, Unjust and Harmful to Wider Society’: *Grounds for Raising the Minimum Age of Criminal Responsibility in England and Wales*, Sage Journals, 2013.

ditetapkan, secara automatik akan dipertanggungjawabkan jenayah yang dilakukan iaitu sama seperti pesalah dewasa. Tanggungjawab jenayah tidak boleh dinilai berdasarkan kepada pertimbangan psikologi dan moral kanak-kanak, tetapi dirujuk kepada nilai dan matlamat sistem keadilan juvenil.

Kedua-dua kriteria yang berbeza ini membawa kepada kesimpulan yang sama iaitu tanggungjawab jenayah perlu ditetapkan pada usia yang bersesuaian iaitu tidak terlalu rendah atau muda. Malah kriteria ini juga tidak perlu dirujuk jika pihak keadilan negara mendapatkan alasan lebih wajar yang boleh menjamin keharmonian negara.¹²⁴ Kanak-kanak yang terlalu muda tidak boleh dihukum sehingga pesalah sudah matang atau mencapai usia *baligh*. Kanak-kanak berumur tujuh tahun ke bawah dianggap terlalu muda manakala kanak-kanak berusia kurang daripada 14 tahun pula perlu dibuktikan terlebih dahulu kemampuannya membezakan perkara baik dan buruk serta memahami dengan baik jenayah yang dilakukan.¹²⁵ Pertimbangan sewajarnya perlu diambil oleh sistem juvenil setiap negara menggunakan segala hasil yang diperoleh daripada kajian terhadap kemampuan seorang kanak-kanak yang pernah dilakukan.

2.7 Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak Berdasarkan Penetapan Perundangan Antarabangsa

Dua instrumen perundangan antarabangsa berkaitan umur minimum kanak-kanak telah diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) pada tahun 1989¹²⁶ iaitu Konvensyen Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child (CRC)*)¹²⁷,

¹²⁴ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 30.

¹²⁵ Ibid., 43-44

¹²⁶ Portal rasmi UNICEF, Convention on the Rights of the Child, diakses pada 20 Mei 2024, <https://www.unicef.org/child-rights-convention>

¹²⁷ United Nations mengisyiharkan dan berpendapat bahawa semua orang mempunyai hak tersendiri dan kebebasan tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama dan pandangan politik. Dalam Universal Declaration of Human Rights, United Nations menegaskan bahawa kanak-kanak khususnya perlu menerima jagaan yang istimewaan justeru terhasilnya kewujudan Convention on the Rights of the Child (CRC) yang akan membahaskan dan menetapkan garis panduan berkaitan pemeliharaan kanak-kanak. Laman sesawang utama Convention on the Rights of the Child, diakses pada 25 Ogos 2022, <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/convention-rights-child>

selepas ini disebut CRC dan Peraturan Piawaian Minimum bagi Pentadbiran Keadilan Juvenil (*Standard Minimum Rules for the Administration of Juvenile Justice (Beijing Rules)*)¹²⁸. Malaysia menyertai konvensyen berkenaan kanak-kanak ini pada tahun 1955.¹²⁹ Antara asas utama yang digariskan dalam undang-undang antarabangsa berkaitan isu ini adalah seperti yang berikut:

Pertama, dalam *Beijing Rules* yang mempunyai enam bahagian, hanya Bahagian I yang membicarakan isu had umur bagi tanggungan jenayah. Fokus utama konvensyen ini adalah berkenaan dengan pesalah kanak-kanak atau juvana di mana Fasal 4 *Beijing Rules* telah menetapkan had umur kanak-kanak tidak boleh ditetapkan pada peringkat umur yang terlalu rendah dengan menggunakan faktor emosi, mental dan kematangan intelektual seorang kanak-kanak.¹³⁰ Namun tidak disebutkan umur yang spesifik terhadap kanak-kanak yang akan dipertanggungjawabkan kesalahan jenayahnya. Setiap negara diberi peluang untuk mengaplikasikan kebijakan para ahli hukum dalam menetapkan umur tanggungjawab jenayah kanak-kanak dengan menggunakan perkara yang telah digariskan dalam *Beijing Rules*. Hal ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung peruntukan undang-undang di bawah *Beijing Rules* digunakan sebagai asas penentuan had umur kanak-kanak dalam sistem keadilan negara-negara lain. Penetapan had umur kanak-kanak ini perlu wujud dalam setiap negara walau berbeza atas faktor latar belakang sejarah, politik, sosial dan ekonomi.

Selain itu, CRC sebagai salah satu rujukan utama dalam hal pemeliharaan kanak-kanak turut memperuntukkan dasar khusus berkaitan had umur iaitu usia 18 tahun, tetapi

¹²⁸ Instumen ini mengkhususkan penjagaan terhadap pesalah muda kanak-kanak atau juvenil, berbeza dengan Convention on the Rights of the Child (CRC) yang membahaskan berkaitan pemeliharaan kanak-kanak secara umum. Laman sesawang utama United Nations Standard Minimum Rules for the Administration of Juvenile Justice (Beijing Rules), diakses pada 25 Ogos 2022, <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/united-nations-standard-minimum-rules-administration-juvenile>

¹²⁹ Sarirah Che Rose, *Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-Kanak di Mahkamah Tinggi*, Voice of Academia, Vol 6 No 2, 2011, 110.

¹³⁰ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 52-55.

tiada umur spesifik terhadap permulaan tanggungan jenayah. Perkara 40(3)(a) CRC mewajibkan setiap negara anggota untuk tidak memandang enteng dan perlu menetapkan had umur kanak-kanak. Kanak-kanak yang menerima tuduhan melakukan jenayah juga perlu dipelihara maruah dan ditangani dengan sebaik mungkin. Hal ini adalah bagi memastikan perlindungan dan kebajikan diri seorang kanak-kanak pada usia muda sentiasa terpelihara seterusnya bagi mengelakkan berlaku kecenderungan persamaan dengan pesalah dewasa berkenaan hukuman yang dijatuhkan.¹³¹ Namun, segelintir pihak mengkritik peruntukan CRC yang turut tidak menetapkan had umur yang spesifik. Keengganinan CRC dalam meletakkan umur yang spesifik adalah atas beberapa faktor, antaranya berikutan kerana ketiadaan persepakatan dalam kalangan negara anggota serta bagi mengelakkan konflik isu agama dan tradisi budaya antara pelbagai sistem undang-undang di dunia.

Walau bagaimanapun, CRC telah menegaskan beberapa kali bahawa kanak-kanak yang berusia di bawah 12 tahun tidak sesuai dipertanggungjawabkan salah laku jenayah. Rujukan dapat dilihat dalam laporan umum terhadap hak kanak-kanak yang dikeluarkan pada tahun 2007 serta laporan daripada jawatankuasa yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan perundangan di negara lain. Jawatankuasa CRC konsisten melakukan pemantauan terhadap negara-negara anggota termasuk Malaysia¹³² bagi memastikan pemeliharaan had umur kanak-kanak.

Contohnya, Jawatankuasa pemantau bagi *International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)* dalam laporan pemantauan terhadap Kenya menyatakan bahawa usia lapan tahun sebagai had umur tanggungjawab jenayah di negara Kenya itu terlalu rendah. Cadangan juga dikemukakan oleh pihak pemantau iaitu sistem

¹³¹ Ibid., 56-59

¹³² Malaysia merupakan antara negara yang memperjuangkan dan memelihara hak kanak-kanak. Maka isu penetapan had umur seorang kanak-kanak ini tidak boleh dipandang ringan. Negara Malaysia mula mengambil langkah meratifikasi instrumen antarabangsa berkaitan hak kanak-kanak khususnya CRC pada 13 Februari 1995. Instrumen antarabangsa telah menetapkan garis penentuan dalam penetapan had umur kanak-kanak.

perundangan Kenya perlu meningkatkan had umur ini selaras dengan kehendak Perkara 24 ICCPR. Selain negara Kenya, negara England juga turut menetapkan had umur yang terlalu rendah iaitu *European Charter Justice* meletakkan usia 10 tahun sebagai had umur minimum kanak-kanak. Perkara ini bertentangan dengan hal disebutkan dalam Fasal 17 Piagam¹³³ tersebut.

Kedua, sistem perundangan antarabangsa turut memerintahkan supaya penetapan had umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak diselaraskan dan seragam dalam setiap negara. Tiada sebarang faktor boleh mengakibatkan had umur minimum ini berubah, contohnya had umur minimum kanak-kanak akan berubah mengikut jenis atau keseriusan kes jenayah yang dilakukan. Hal ini dapat membuka ruang berlakunya ketidakadilan dalam penjatuhan hukuman. Antara negara yang tiada penyelarasan dalam had umur kanak-kanak ini adalah New Zealand dan Mexico. Jawatankuasa CRC turut mencadangkan supaya India dan Nepal tidak mengecualikan pemakaian undang-undang berkenaan had umur ini bagi kesalahan antikeganasan dan darurat seterusnya memansuhkan peruntukan tersebut.

Ketiga, umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak ini mestilah diambil kira pada saat jenayah tersebut berlaku. Tarikh yang dirujuk sepanjang perbicaraan kes adalah tarikh perlakuan jenayah, bukan tarikh-tarikh lain seperti tarikh kanak-kanak itu ditahan atau didakwa di mahkamah. Hal ini bermaksud, jika seseorang masih berada di bawah umur minimum tanggungjawab jenayah maka kanak-kanak tersebut tidak boleh dikenakan sebarang hukuman jenayah di mahkamah dan layak menerima tindakan lain seperti amaran dan juga kaunseling daripada pihak penguatkuasa. Pihak pendakwaan juga tidak boleh menunggu sehingga kanak-kanak tersebut cukup umur untuk dijatuhkan hukuman ke atasnya dan perkara ini amat ditegah kerana dapat menimbulkan

¹³³ Fasal 17 European Charter Justice menyebutkan bahawa umur minimum tanggungjawab jenayah pesalah muda adalah pada usia 18 tahun. *European Social Charter European Committee of Social Rights*, 2016, 27

penganiayaan ke atas pesalah kanak-kanak tersebut. Mahkamah Agung India berpendapat bahawa penentuan bahawa seseorang itu seorang juvenil atau tidak adalah tiada perkaitan dengan tarikh perlakuan jenayah. Jawatankuasa CRC khuatir akan isu ini dan mencadangkan agar pindaan undang-undang dilakukan.¹³⁴

2.8 Penutup

Pengetahuan berkenaan umur seorang kanak-kanak diwajibkan ke atasnya taklifan dalam syariat Islam ini penting untuk diketahui dan difahami. Setiap individu beragama Islam perlu bertanggungjawab ke atas setiap perbuatannya setelah mencapai usia *baligh*. Jika perlakuan jenayah dilakukan, maka perbuatan tersebut akan dibalas dengan hukuman yang telah digariskan oleh undang-undang. Oleh yang demikian, fahaman yang sempurna daripada ibu bapa atau penjaga akan membantu anak-anak ini membuat keputusan yang tepat sesuai dengan situasi dan keadaan.¹³⁵

Seterusnya, dalam menjatuhkan hukuman atas kesalahan jenayah yang dilakukan, usia pesalah perlu diteliti berikutan adalah tidak relevan bagi kanak-kanak pada usia terlalu muda untuk menerima hukuman berat. Hal ini dapat dikaitkan dengan hasil kajian yang menunjukkan bahawa penetapan usia *baligh* bagi lelaki dan perempuan menurut para ulama mengandungi perselisihan di antara satu sama lain. Begitu juga dalam penentuan had umur kanak-kanak menurut perundangan syariah yang berpandukan kepada pegangan mazhab serta undang-undang sivil di Malaysia tidak mempunyai penyelarasan. Perbincangan selanjutnya berkenaan ketidakselarasan had umur kanak-kanak ini akan dianalisis dalam Bab 4.

¹³⁴ Aminuddin Mustaffa, *Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak: Menilai Undang-Undang Malaysia Dari Perspektif Undang-Undang Antarabangsa*, Jurnal 28 KANUN (1), 2016, 45-54.

¹³⁵ Mohd Fauzi Mohd Amin dan Aziah Mohd Jesan, *Matlamat Pembelajaran Ilmu Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh Serta Kedudukannya Dalam Pendidikan Negara Malaysia* (Negeri Sembilan: Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), 73.

Selain itu, dapat disimpulkan bahawa had umur kanak-kanak di Malaysia adalah 18 tahun bagi kes jenayah seperti yang terkandung dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Walaupun garis panduan diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*), namun had umur ini adalah berdasarkan kepada kebijakan penggubal undang-undang. Penyelarasan dalam penetapan had umur kanak-kanak ini perlu ditinjau kembali seiring dengan peredaran zaman.

Walaupun para hakim memiliki kuasa kebijakan untuk berijtihad, namun demi keadilan banyak pihak iaitu pesalah, mangsa dan masyarakat awam maka lebih utama dan efisien jika negara ini memiliki satu peruntukan umur yang selaras. Peredaran zaman dan teknologi juga menjadi salah satu faktor kanak-kanak pada zaman kini menjadi lebih cepat matang dan mahir membuat hipotesis tersendiri. Seterusnya, perbincangan terperinci berkenaan peruntukan undang-undang yang digunakan dalam menghadapi kes jenayah oleh kanak-kanak dikupas dalam bab selanjutnya.

BAB 3: HUKUMAN BAGI PESALAH KANAK-KANAK MENGIKUT SYARIAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

3.1 Pengenalan

Kanak-kanak yang melakukan jenayah tidak wajar dipersalahkan sepenuhnya kerana kejadian yang berlaku melibatkan pelbagai faktor.¹³⁶ Pengaruh sosial memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Kanak-kanak yang melakukan salah laku jenayah ini pada umumnya kurang memiliki pengawalan diri yang baik.¹³⁷ Ibu bapa yang akan memberi banyak impak dalam kehidupan anak-anak diberi tanggungjawab utama dalam pembentukan keperibadian mereka. Selain itu, kebanyakan negara kini menitikberatkan kemaslahatan kanak-kanak maka undang-undang khas untuk golongan ini telah diperuntukkan, begitu juga di Malaysia. Jenayah oleh kanak-kanak perlu dipandang serius dan ditangani sebelum menjadi lebih parah.

Seterusnya peninjauan terhadap hukuman jenayah dari sudut syariat Islam turut dilakukan. Melihat kepada pengaplikasian di Malaysia, kes melibatkan jenayah berat seperti mencederakan dan merogol, akan dibicarakan di bawah penguatkuasaan mahkamah sivil mengikut tatacara dan prosedur undang-undang sivil. Penentuan dan pelaksanaan hukuman berlandaskan undang-undang sivil boleh dianggap sebagai satu bentuk hukuman *takzir* sementelah ia mempraktikkan hukum dari pemerintah. Sebagai contoh, Akta Kanak-Kanak 2001 digunakan bagi mengadili kes melibatkan penjenayah dalam kalangan kanak-kanak. Manakala jenayah melibatkan akidah atau tatasusila akan diadili di mahkamah syariah menggunakan enakmen negeri masing-masing. Justeru, kupasan mendalam berkenaan peruntukan undang-undang bagi jenayah sivil dan jenayah syariah oleh pesalah kanak-kanak di Malaysia dibahaskan dalam bab ini bagi memenuhi

¹³⁶ Jal Zabdi Mohd Yusoff dan Zulazhar Tahir, *Akta Kanak-Kanak 2001: Penguatkuasaan Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa atau Penjaga?*, Journal of Malaysian and Comparative Law 6, 2005.

¹³⁷ Niken Candra Lupita, Disertasi “*Analisis Kriminologis Pembunuhan Yang Dilakukan Oleh Anak*”, (Indonesia: Universitas Lampung, 2017).

objektif kedua kajian. Penjelasan dari sudut historikal diterangkan terlebih dahulu berkenaan mahkamah dan akta yang digunakan di mahkamah sivil bagi memberi gambaran perbezaan sistem perundangan yang digunakan terhadap pesalah kanak-kanak berbanding pesalah dewasa.

3.2 Peruntukan Hukuman Dalam Kesalahan Jenayah Menurut Syariat Islam

Kebanyakan fuqaha mentakrifkan bahawa istilah jenayah merupakan perbuatan yang dilakukan terhadap jiwa seorang insan atau sekeliling yang bersangkutan dengan insan tersebut seperti membunuh.¹³⁸ Kesalahan yang boleh menerima hukuman oleh pemerintah melalui peruntukan undang-undang dianggap sebagai suatu jenayah menurut syariat Islam. Tiga pembahagian utama jenayah berdasarkan undang-undang Islam adalah *qisas* dan diat, *hudud* serta *takzir*.

1. Hukuman *Hudud*

Hudud merupakan kesalahan melibatkan hak Allah dan ditetapkan perintah larangan perbuatan tersebut dengan jelas dalam al-Quran. Hukuman ini merupakan hukuman paling berat menurut syariat Islam.¹³⁹ *Hudud* juga merupakan suatu bentuk hukuman bagi memelihara dan melindungi hak masyarakat dan bersifat menghukum.¹⁴⁰

Hudud adalah perkataan *jama'* bagi had yang bermaksud milarang dari segi bahasa. Kemudian dari sudut syariat Islam, *hudud* diistilahkan sebagai sejumlah hukuman yang dikenakan kepada pelaku kesalahan jenayah agar beliau tidak mengulang jenayah tersebut dan sebagai pencegahan daripada jenayah terus berleluasa.

Sehubungan itu, enam jenis kesalahan jenayah yang akan dihukum *hudud* adalah zina, qazaf, mencuri, meminum minuman yang memabukkan, meragut dan murtad.

¹³⁸ Abdul Qadir Audah, *At-Tasyr 'al-Jin e al-Isl miy Muq ranan bi al-Q n n al-Wadhe*, Jilid 1 (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi), 2005, 67-68.

¹³⁹ Wahbah az-Zuhaili Al-Mu'tamad fil Fiqh al-Syafi' (Damsyiq: Darul Qalam, 1967), 5:145-156.

¹⁴⁰ Nurhidayah Binti Azahari & Zanariah Binti Dimon, *Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda Dan Wanita Menurut Undang-Undang Islam di Malaysia*, International conference On Syariah & Law (ICONSYAL 2021)-Online Conference, 2021, 44.

Setiap jenayah ini sudah diperuntukkan bentuk hukuman yang tersendiri seperti hukuman rejam atas kesalahan zina serta sebatan bagi seseorang yang minum arak atau minuman lain yang memabukkan.¹⁴¹ Tiada peluang untuk menggugurkan pelaksanaan hukuman ini atau kemaafan diberikan seperti hukuman *qisas* jika seseorang berjaya disabitkan atas suatu kesalahan kerana *hudud* adalah hak Allah.¹⁴²

2. Hukuman *Qisas*

Islam amat menitikberatkan nilai penjagaan nyawa dan tegahan mengambil nyawa seseorang melalui cara yang tidak benar seperti pembunuhan yang dilakukan dengan sengaja. Hal ini telah dibuktikan melalui nas dalam al-Quran mahupun hadis Nabi. Hukuman *qisas* iaitu hukuman mati terhadap pembunuhan jelas dinyatakan dalam surah al-Baqarah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصاصُ فِي الْفَتْنَىٰ إِلَّا مَنْ يُحْكَمُ بِالْحُكْمِ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنْثَىٰ

بِالْأُنْثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدِمِّ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ۖ ذَلِكَ تَحْفِيفٌ

مِنْ رِبِّكُمْ وَرَحْمَةً ۚ فَمَنِ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

(Al-Baqarah 2: 178)

Terjemahan: Allah berfirman: Wahai orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu (melaksanakan) *qisas* berkenaan dengan orang yang dibunuh. Orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barang siapa yang memperolehi suatu kemaafan dari saudaranya, hendaklah (yang memaafkan) mengikuti dengan cara yang baik dan hendaklah (yang diberi maaf) membayar (diat) kepada yang memberi maaf dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu

¹⁴¹ Abu Mazaya al-Hafiz & Abu Izzat al-Sahafi, *Fiqh Jenayah Islam* (Selangor: Al-Hidayah Publications, 2015), 453.

¹⁴² Ibid., 162-163, 174

rahmat. Barang siapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya seksa yang pedih.

Hukuman *qisas* bermaksud melakukan perbuatan yang sama berbentuk serangan fizikal seperti yang dilakukan oleh pesalah jenayah tersebut terhadap orang lain. Hukuman *qisas* merangkumi *qisas* bukan jiwa iaitu kecederaan anggota tubuh badan mahupun *qisas* jiwa yang melibatkan pembunuhan¹⁴³ dan hukuman *qisas* telah ditetapkan oleh Allah di dalam al-Quran.¹⁴⁴ Selain itu, hukuman *qisas* ini juga hanya akan dijatuhkan ke atas perbuatan membunuh dan mencederakan secara sengaja.

Oleh itu, penjenayah akan dihukum mati atau diberi kecederaan yang sama nilainya berpandukan kepada syariat Islam. Hukuman *qisas* akan dijatuhkan terhadap anggota yang mempunyai sendi, serta diat perlu dilaksanakan jika kecederaan yang dilakukan melibatkan anggota lain. *Qisas* ini adalah hak keluarga mangsa dan hukuman *qisas* dijatuhkan bagi memelihara jiwa dan keselamatan seseorang daripada dicederakan.¹⁴⁵ Mangsa atau waris mangsa boleh memilih untuk mengekalkan hukuman mati ke atas pembunuh atau bayaran diat atau memberi kemaafan. Hak kemaafan ini diberikan bagi menjernihkan semula hubungan daripada hasad dengki dan dendam.

Sehubungan itu, *diat* adalah sejumlah harta yang diwajibkan ke atas seorang penjenayah terhadap mangsa jenayah atau waris mangsa atas perlakuan yang telah dilakukan menyebabkan mangsa cedera atau kehilangan nyawa. *Diat* merupakan hukuman gantian utama jika hukuman *qisas* tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu. Misalnya, *diat* bagi jenayah pembunuhan yang disengajakan adalah 100 ekor unta dan cara pembayaran berbeza mengikut nilai harga semasa emas. Harta yang

¹⁴³ Muhammad Az-Zuhaili, *Al-Mu'tamad- Fiqh Imam Syafi'i Jilid 5*, terj. HM, Yusuf Sinaga MA & Muhammad Harun Zain (Selangor: Berlian Publications, 2009), 325.

¹⁴⁴ Ahmad Muhammad Husni & Amin Muhammad Husni, *Qisas dalam Syariah Islamiah antara Pengakuan dan Pembatalan*, Journal of Education and Social Sciences, Vol 19, Issue 1, 2022, 15-16.

¹⁴⁵ Abu Mazaya al-Hafiz & Abu Izzat al-Sahafi, *Fiqh Jenayah Islam* (Selangor: Al-Hidayah Publications, 2015), 188-189.

digunakan mesti berasal daripada pesalah sendiri dan dibayar langsung kepada waris mangsa tanpa sebarang penangguhan. Hikmah bagi pembayaran *diyat* ini adalah supaya kelangsungan hidup waris mangsa terjamin selain memberi didikan kepada masyarakat.¹⁴⁶

Realitinya, konsep asas *diyat* telah diaplikasikan dalam perundangan sivil di Malaysia melalui tuntutan bayaran pampasan seperti yang terkandung dalam Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67)¹⁴⁷ dan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)¹⁴⁸ tetapi masih kurang pengharmonian antara sistem pampasan sivil serta *diyat*.¹⁴⁹ Tuntutan pampasan ini perlu dilaksanakan tanpa deskriminasi kaum¹⁵⁰ dan proses permohonan yang lebih lancar. Namun yang demikian, Wan Junaidi¹⁵¹, bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri berpandangan bahawa bayaran diyat mempunyai kekurangan kerana ia memberi kelebihan kepada pesalah kaya berbanding pesalah yang miskin.

Sementara itu, pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia adalah berikutan daripada kejadian kelewatan dalam proses mahkamah, kes salah hukum, bukti yang tidak mencukupi atau palsu seperti pengakuan yang diberikan ketika perbicaraan kes. Seterusnya, pihak kerajaan juga berhasrat untuk mengimarahkan pensyariatan Islam dengan memberi pilihan kepada keluarga mangsa bunuh untuk memaafkan atau menerima bayaran diyat daripada pembunuh.¹⁵² Selain itu, hukuman mati mandatori juga

¹⁴⁶ Zulkifli Mohamad Al-Bakri, #3 Ke Arah Perlaksanaan Diyat dalam Sistem Perundangan Malaysia, portal rasmi Al-Mawaqif, diakses pada 28 Disember 2022, https://zulkiflialbakri.com/3-ke-arah-pelaksanaan-diyat-dalam-sistem-perundangan-malaysia/#_ftn1

¹⁴⁷ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 7 Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67)

¹⁴⁸ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)

¹⁴⁹ Siti Aisyah Samudin & Siti Zubaidah Ismail, *Pembelaan Hak Mangsa Kemalangan Jalan Raya Berdasarkan Insurans dan Diat*, Jurnal Syariah, Vol 26, No 2, 2018, 197

¹⁵⁰ Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Bayan Linnas Siri Ke-185: Cadangan Pelaksanaan Diyat Dalam Sistem Keadilan di Malaysia*, diakses pada 28 Disember 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3534-bayan-linnas-siri-ke-185-cadangan-pelaksanaan-diyat-dalam-sistem-keadilan-di-malaysia>

¹⁵¹ Amree Ahmad, *Konsep Diyat Sebagai Ganti Banduan Hukuman Mati Sedia Ada*, laman rasmi Utusan Malaysia, diakses pada 28 Disember 2022, <https://www.utusan.com.my/berita/2022/06/konsep-diyat-sebagai-ganti-banduan-hukuman-mati-sedia-ada/>

¹⁵² Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Bayan Linnas Siri Ke-185: Cadangan Pelaksanaan Diyat Dalam Sistem Keadilan di Malaysia*, diakses pada 27 Disember 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3534-bayan-linnas-siri-ke-185-cadangan-pelaksanaan-diyat-dalam-sistem-keadilan-di-malaysia>

dianggap bercanggahan dengan prinsip keadilan jenayah Islam yang meletakkan hak penetapan hukuman ke atas waris mangsa sebagai individu paling terkesan atas perlakuan jenayah tersebut¹⁵³ namun sebilangan pihak pula berpendapat bahawa hak ini perlu dihadkan bagi mengelakkan kes salah guna kuasa daripada berlaku.¹⁵⁴

3. Hukuman *Takzir*

Takzir dari sudut bahasa adalah menolak atau sebagai suatu pengajaran. Manakala dari sudut istilah syarak, *takzir* dapat didefinisikan sebagai suatu bentuk hukuman yang tiada peruntukan tertulis dalam nas bertujuan bagi memelihara *maq sid al-shar 'ah*. *Takzir* adalah hukuman selain daripada *hudud* dan *qisas* yang melanggar hak Allah dan hak awam. Malah kesalahan bagi hukuman *takzir* juga merangkumi kesalahan *hudud* dan *qisas* iaitu jika syarat pelaksanaan *hudud* dan *qisas* tidak dapat dijalankan, hukuman *takzir* akan diguna pakai.

Jenis kesalahan hukuman *takzir* telah ditetapkan dalam syarak tetapi bentuk hukuman ditetapkan oleh pemerintah atau hakim sesebuah negara¹⁵⁵ berdasarkan pertimbangan mereka sendiri. Empat bentuk hukuman utama yang dilaksanakan adalah sebatan atau pukulan, penjara, rampasan harta dan hukuman bunuh. Hukuman ini perlu dilaksanakan secara berperingkat iaitu bermula daripada nasihat¹⁵⁶ dan bertujuan untuk pemulihan selari dengan matlamat perundangan syarak. Elemen akhlak amat berkait rapat dengan kehidupan seseorang.¹⁵⁷ Pembentukan akhlak ini amat penting untuk menunjukkan kekuatan penghayatan etika masyarakat dalam sesebuah negara.¹⁵⁸

¹⁵³ Ibid.

¹⁵⁴ Ibid.

¹⁵⁵ Muhammad Fathi Yusof, *Kesesuaian Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur, KUIZM Publication, 2014), 5-6.

¹⁵⁶ Abu Mazaya al-Hafiz & Abu Izzat al-Sahafi, *Fiqh Jenayah Islam* (Selangor: Al-Hidayah Publications, 2015), 221-224.

¹⁵⁷ Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita Nik MD Khalib, *Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017), 2017, 2.

¹⁵⁸ Nurhidayah Binti Azahari & Zanariah Binti Dimon, *Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda Dan Wanita Menurut Undang-Undang Islam di Malaysia*, International conference On Syariah & Law (ICONSYAL 2021)-Online Conference, 2021, 45, 48.

Kesimpulannya, Islam amat memelihara kemaslahatan seseorang individu. Hak Allah dan hak manusia perlu dijaga dan seseorang akan dihukum *hudud*, *qisas* dan diat atau *takzir* jika menganiaya mana-mana jenis hak ini. Ketiga-tiga bentuk hukuman ini adalah berbentuk keduniaan iaitu seseorang yang melakukan jenayah akan dihukum di dunia.

Namun seperti yang disebut dalam al-Quran, penjenayah tersebut juga akan diberi balasan di akhirat kelak. Sebagai contoh, seorang pembunuhan akan dihukum di akhirat sama ada mangsa adalah beragama Islam atau tidak. Hal ini telah disebutkan dalam firman Allah:

وَمَنْ يُعْتَلِّنْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزِاؤهُ جَهَنَّمُ حَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَأَعْدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا

(An-Nisa 4: 93)

Terjemahan: Allah berfirman: Dan barang siapa membunuhan seorang yang beriman dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka Jahannam, dia kekal di dalamnya. Allah murka kepadanya, dan melaknatnya serta menyediakan azab yang besar baginya.

3.2.1 Hukuman Terhadap Kanak-kanak Bagi Kesalahan Jenayah Menurut Syariat Islam

Kesalahan jenayah oleh kanak-kanak tidak diambil kira sebagai suatu kesalahan jenayah menurut syariat Islam. Peruntukan pengecualian ini turut disebutkan dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri kecuali Kedah, Kelantan, Perlis dan Pahang. *Baligh* merupakan petunjuk bahawa kanak-kanak tersebut sudah sempurna fizikal dan matang akal fikiran. Seterusnya, *baligh* telah menjadi aspek utama disepakati oleh jumhur ulama sebagai syarat yang perlu ada pada seorang penjenayah untuk dijatuhkan hukuman.

Namun yang demikian, segilintir ulama mazhab Syafi'i berpandangan bahawa kanak-kanak yang melakukan kesalahan tetap dianggap sebagai suatu jenayah. Walaupun begitu, perlakuan kanak-kanak ini tidak akan dihukum dengan hukuman *hudud* atau *qisas* tetapi hanya hukuman berunsur *ta'dib* iaitu didikan dan hukuman sivil seperti bayaran diat kerana kanak-kanak ini belum digelar *mukalaf*. Hukuman *hudud* dan *qisas* hanya boleh dijatuhkan ke atas seseorang yang sudah *baligh* menurut empat mazhab utama¹⁵⁹ selain mazhab Hanafi dan sebahagian ulama mazhab Syafi'i.

Had umur *baligh* berdasarkan empat mazhab adalah di antara 15 sehingga 18 tahun. Kemudian beberapa ulama¹⁶⁰ berpendapat bahawa usia *baligh* adalah 15 tahun iaitu kanak-kanak sudah matang dan boleh membezakan baik buruk sesuatu perkara seterusnya membuat pilihan di antara kedua-dua hal tersebut. Imam Syafi'i juga memegang pendapat yang sama iaitu umur maksimum *baligh* ialah 15 tahun.¹⁶¹ Oleh yang demikian, penetapan undang-undang sivil mahupun syariah terhadap tanggungan jenayah kanak-kanak seawal usia 10 tahun turut dilihat bertentangan dengan pegangan mazhab. Perlakuan jenayah yang telah dilakukan perlu diadili sewajarnya.

Sehubungan itu, pesalah kanak-kanak dalam konteks fiqh tidak mengguna pakai istilah pesalah muda. Seorang kanak-kanak sudah perlu bertanggungjawab dengan setiap tindakan yang dilakukan sebaik sahaja dia memenuhi dua kriteria iaitu *mumaiyiz* dan mencapai usia *baligh*. Kedua-dua aspek ini merupakan antara syarat melayakkan seseorang untuk memiliki keahlian melakukan yang sempurna (*ahliyyatu al-ada' al-kamilah*). Hukuman perlu dilaksanakan sepertimana pesalah dewasa kerana sudah melengkapi syarat keahlian dalam hukuman (*ahliyyatu al-'ukubah*).¹⁶²

¹⁵⁹ Mazhab ahl Sunnah wal Jamaah iaitu Syafi'i, Hanafi, Hanbali dan Maliki.

¹⁶⁰ Abdul Qader Audah, Abu Zahrah dan Al-Zala'i dan Imam Nawawi. Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, Jurnal 24 KANUN (1), 2012, 12.

¹⁶¹ Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, Jurnal 24 KANUN (1), 2012, 18.

¹⁶² Ibid., 7-16

Justeru, hanya mereka yang belum *mumaiyiz* serta belum *baligh* sahaja layak digelar sebagai kanak-kanak. Namun perselisihan pendapat timbul dalam kalangan fuqaha berkaitan umur kanak-kanak yang boleh dikategorikan sebagai pesalah menurut fiqh berdasarkan sistem perundangan yang berkaitan sama ada menurut undang-undang sivil atau syariah.¹⁶³

3.3 Mahkamah dan Undang-Undang Khas bagi Jenayah Sivil Kanak-Kanak

Laporan daripada *Malayan Union Report* menunjukkan bahawa kenakalan kanak-kanak sudah lama wujud iaitu sebelum kedatangan penjajah Jepun. Namun tiada laporan kes jenayah daripada pihak polis atau mahkamah berkenaan jenayah kanak-kanak. Perbuatan nakal kanak-kanak pada waktu itu tidak terlalu serius sehingga memerlukan kewujudan statut perundangan. Perlakuan jenayah melibatkan pesalah kanak-kanak ini menjadi semakin berat setelah kedatangan penjajah Jepun.

Faktor yang menyumbang kepada jenayah ini antaranya adalah kehidupan yang susah dan penutupan sekolah. Hal ini telah membawa kepada penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti yang tidak bermoral.¹⁶⁴ Daripada kes kanak-kanak ini menyeluk saku secara persendirian sehingga kes pencerobohan rumah beramai-ramai. Kajian dirumuskan melalui penyelidikan bahawa cara dan keadaan situasi seorang kanak-kanak itu dibesarkan akan mempengaruhi keperibadian diri mereka. Selain itu, kanak-kanak yang kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa lebih cenderung untuk terlibat dalam kes sosial dan jenayah. Malah, sekiranya anak-anak terlibat dengan perlakuan jenayah dan didakwa di mahkamah, ibu bapa sebagai penjaga tetap tidak akan terlepas dari tanggungjawab memelihara kemaslahatan anak tersebut.¹⁶⁵

¹⁶³ Syazwan Mohd Yusof dan Ramalinggam Rajamanickam, *Hukuman Penjara Pesalah Muda Jenayah Syariah Menurut Akta Kanak-Kanak 2001* (Selangor: UiTM International Conference on Law & Society, 2021), 176.

¹⁶⁴ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 35.

¹⁶⁵ Jal Zabdi Mohd Yusoff dan Zulazhar Tahir, *Akta Kanak-Kanak 2001: Penguatkuasaan Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa atau Penjaga?*, Journal of Malaysian and Comparative Law 6, 2005.

Ekoran daripada kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak, Jawatankuasa Delinkuens dan Kebajikan Juvana (*The Juvenile Delinquency and Juvenile Welfare Committee*) ditubuhkan pada 18 November 1946. Penubuhan jawatankuasa ini adalah bagi memberi cadangan kepada kerajaan dalam menghadapi kes jenayah dalam kalangan kanak-kanak. Ahli jawatankuasa ini berpendapat bahawa pemulihan kanak-kanak merupakan langkah paling penting. Kanak-kanak juga perlu belajar memahami dan mematuhi undang-undang. Rang undang-undang turut dikemukakan dengan menjadikan United Kingdom sebagai negara contoh dan penubuhan Mahkamah Juvana khas untuk membicarakan kes jenayah kanak-kanak turut ditubuhkan.¹⁶⁶

Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menangani kesalahan jenayah oleh kanak-kanak dengan pembentukan statut perundangan yang pelbagai. Di Malaysia, undang-undang awal berkenaan perlindungan terhadap anak-anak adalah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991, dapat dilihat bahawa statut ini telah wujud seawal tahun 1947.¹⁶⁷

Mahkamah khusus buat perbicaraan kanak-kanak telah diwujudkan sejak diperuntukkan Ordinan Mahkamah 1947 dan tertubuhnya Mahkamah Juvana. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak pula ditubuhkan melalui Akta Kanak-Kanak 2001 sebagai ganti kepada Akta Mahkamah Juvana 1947 bagi memberikan perlindungan kepada kanak-kanak sama ada sebagai pesalah maupun mangsa kejadian.

Akta Kanak-Kanak 2001 diguna pakai setelah terhapusnya Akta Mahkamah Juvana 1947¹⁶⁸ pada tahun 2001. Namun kebanyakan peruntukan asal yang terkandung dalam Akta Mahkamah Juvana 1947 tetap dimasukkan ke dalam Akta Kanak-Kanak 2001

¹⁶⁶ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 36-37.

¹⁶⁷ Jal Zabdi Mohd Yusoff dan Zulazhar Tahir, *Akta Kanak-Kanak 2001: Pengaruhnya Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa atau Penjaga?*, *Journal of Malaysian and Comparative Law* 6, 2005.

¹⁶⁸ Akta Mahkamah Juvana 1947 dikanunkan pada tahun 1947 sebagai Ordinan No. 38 Tahun 1947 dan mula berkuatkuasa di seluruh negara Malaysia pada 1 November 1972.

dengan penambahbaikan perundangan khususnya dalam aspek jenayah kanak-kanak. Akta Kanak-Kanak 2001 ini merangkumi keseluruhan hal ehwal kanak-kanak, dan tidak memfokuskan kepada isu jenayah sahaja. Hal ini kerana akta perundangan ini merupakan gabungan tiga akta yang bersangkutan dengan kanak-kanak iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106)¹⁶⁹ dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (Akta 468).¹⁷⁰

3.4 Peruntukan Undang-Undang di Bawah Kesalahan Jenayah Sivil di Malaysia

Kanun Keseksaan merupakan statut perundangan utama diperuntukkan bagi kesalahan jenayah sivil di Malaysia. Setiap kesalahan jenayah yang dilakukan akan dihukum berdasarkan akta perundangan dalam Kanun Keseksaan termasuk hukuman mati iaitu hukuman paling berat bagi jenayah sivil. Sebagai contoh, jenayah berat seperti membunuh atau mengedar dadah boleh dijatuhkan hukuman mati menurut Kanun Keseksaan.

Hukuman mati didefinisikan sebagai hukuman yang dijalankan dengan membunuh orang yang bersalah.¹⁷¹ Hukuman ini bermatlamatkan pembalasan atau hukuman yang setimpal dengan jenayah yang dilakukan.¹⁷² Dari sudut sejarah, hukuman mati ini telah wujud di Malaysia sebelum kemasukan penajah British, terbukti melalui statut dalam Hukum Kanun Melaka. Hukuman mati tergolong dalam hukuman *qisas* menurut Islam iaitu hukuman sama ke atas pesalah seperti hukuman bunuh bagi perbuatan membunuh seseorang. Menurut Hukum Kanun Melaka, peruntukan ini selari dengan

¹⁶⁹ Akta ini meminda dan menyatukan undang-undang berkaitan dengan perlindungan wanita dan gadis yang terlibat dengan jenayah maksiat atau terdedah dengan bahaya moral, dipetik dari Portal Rasmi Jabatan Perlindungan Data Peribadi, diakses pada 14 November, https://www.pdp.gov.my/jpdv2/akta_akta/akta-perlindungan-wanita-dan-gadis-1973-akta-106/?lang=en

¹⁷⁰ Ibid., 38-39.

¹⁷¹ Portal Rasmi Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 22 November 2022, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari?keyword=hukuman+mati>

¹⁷² Rahmath Nisa dan Jal Zabdi, *Hukuman Mati: Satu Tinjauan Dari Sudut Sejarah Perundangan di Malaysia* (Kuala Lumpur: International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS), 2014), 6.

undang-undang Islam dan ia membuktikan bahawa pengaruh Islam kuat pada zaman tersebut.¹⁷³ Namun berdasarkan Pasal 5.2 Hukum Kanun Melaka, hukuman ini akan dikecualikan kepada pembunuhan yang terlibat dalam salah satu keadaan seperti si pembunuhan membunuhan seorang pencuri yang lari, membunuhan orang yang memberi aib atau membunuhan orang yang membuat angkara. Pembunuhan yang memenuhi syarat-syarat tertentu bagi keadaan-keadaan tersebut tidak akan dihukum mati namun akan dikenakan denda.¹⁷⁴

Kekerapan pergaduhan di antara kumpulan kongsi gelap di Pulau Pinang dan Singapura semasa penjajahan British mendorong kepada pembentukan *Indian Penal Code* yang digunakan sebagai undang-undang jenayah. Malah kebanyakan peruntukan yang wujud masih digunakan dan ditambah baik sesuai dengan era zaman kini.¹⁷⁵

Namun yang demikian, kerajaan telah bersetuju untuk memansuhkan hukuman mati mandatori kepada pesalah yang melakukan jenayah pembunuhan di Malaysia.¹⁷⁶ Menurut Ramizah Wan Muhammad¹⁷⁷, keputusan ini adalah baik sebagai suatu bentuk transformasi dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia untuk memberi peluang kepada pesalah yang telah insaf dan lebih bersifat kemanusiaan. Walau yang demikian, pemansuhan ini turut menimbulkan perasaan tidak puas hati sebilangan pihak khususnya keluarga mangsa jenayah pembunuhan iaitu hal ini dianggap sebagai tidak adil. Malah mereka berpendapat bahawa hukuman lebih berat daripada hukuman mati perlu dilaksanakan.¹⁷⁸ Hukuman mati diperlukan di negara ini bagi melindungi masyarakat

¹⁷³ Ibid., 3

¹⁷⁴ Ali Abu Bakar, *Undang-Undang Melaka* (Aceh Indonesia: Sahifah & UIN Ar-Raniry, 2018), 68.

¹⁷⁵ Ibid., 6

¹⁷⁶ Afiezy Azaman, *Keputusan Kerajaan Hanya Libatkan Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori Sahaja-Wan Junaidi*, laman sesawang Astro Awani, diakses pada 22 Disember 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keputusan-kerajaan-hanya-libatkan-pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-sahaja-wan-junaidi-366024>

¹⁷⁷ Ramizah Wan Muhammad, *Hukuman Mati dalam Undang-undang Jenayah Islam: Mandatori atau Pilihan*, portal rasmi Malaysia Gazette, diakses pada 22 Disember 2022, <https://malaysiagazette.com/2022/07/04/hukuman-mati-dalam-undang-undang-jenayah-islam-mandatori-atau-pilihan/>

¹⁷⁸ Azhar Abu Samah, *Hukuman Mati, Qisas dan Diyat*, portal rasmi Berita Harian, diakses pada 22 Disember 2022, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/10/485913/hukuman-mati-qisas-dan-diyat>

awam daripada dibelenggu ketakutan atas peningkatan kes jenayah berat. Perbelanjaan menjaga banduan di penjara juga akan meningkat jika hukuman mati mandatori ini dimansuhkan.¹⁷⁹

Oleh itu, sebagai ganti kepada hukuman mati mandatori, hukuman akan dijatuhkan berdasarkan kepada budi bicara pihak mahkamah dengan meninjau kepada faktor penting seperti keseriusan jenayah serta keadaan mangsa.¹⁸⁰ Selain itu, kerajaan turut berpendapat untuk melaksanakan hukuman bayaran diat¹⁸¹ atau pampasan ke atas pesalah yang layak menerima hukuman mati dan sedang menunggu giliran termasuk golongan bukan Islam.¹⁸² Manakala menurut Tan Sri Abu Talib¹⁸³, hukuman alternatif bagi hukuman mati adalah penjara dan sebat. Hukuman penjara sepanjang hayat juga dianggap lebih teruk daripada hukuman mati kerana bercanggah dengan hak asasi kemanusiaan. Secara keseluruhan, hukuman perlu sesuai dengan keadaan semasa. Namun isu berkenaan dengan hukuman gantian ini masih berada dalam perbincangan pihak penggubal undang-undang.

Selain hukuman mati, penjenayah sivil juga boleh dijatuhkan hukuman-hukuman lain iaitu amaran lisan oleh mahkamah, bayaran denda, ikat jamin, pengawasan polis, pampasan dan kos, hukuman penjara serta hukuman sebatan. Penentuan hukuman ini adalah berdasarkan kepada jenis jenayah dan kearifan hakim dalam membuat keputusan menjatuhkan hukuman.

¹⁷⁹ Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Bayan Linnas Siri Ke-185: Cadangan Pelaksanaan Diat Dalam Sistem Keadilan di Malaysia*, diakses pada 27 Disember 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3534-bayan-linnas-siri-ke-185-cadangan-pelaksanaan-diat-dalam-sistem-keadilan-di-malaysia>

¹⁸⁰ Ibid.

¹⁸¹ Diat adalah sejumlah harta yang perlu dibayar dipertanggungjawabkan atas perlakuan jenayah terhadap nyawa seseorang atau setaraf dengannya. Zulkifli Bakri, *Ke Arah Perlaksanaan Diyat dalam Sistem Perundangan Malaysia*, diakses pada 22 Disember, https://zulkiflialbakri.com/3-ke-arah-pelaksanaan-diyat-dalam-sistem-perundangan-malaysia/#_ftn1

¹⁸² Laman Rasmi Utusan Malaysia, *Konsep Diyat Sebagai Ganti Banduan Hukuman Mati Sedia Ada*, diakses pada 22 Disember 2022, <https://www.utusan.com.my/berita/2022/06/konsep-diyat-sebagai-ganti-banduan-hukuman-mati-sedia-ada/>

¹⁸³ Bekas peguam negara. Mohamad Hafiz Yusoff Bakri, *Hukuman Mati Mandatori Wajar Jika....*, portal rasmi Utusan Malaysia, diakses pada 22 November 2022, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/06/hukuman-mati-mandatori-wajar-jika/>

3.4.1 Pengecualian Hukuman Bagi Kanak-Kanak

Di Malaysia, kanak-kanak tidak boleh dijatuhkan hukuman mati walau seberat mana kesalahan yang telah dilakukan. Hal ini selari dengan prinsip yang ditetapkan oleh Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Kanak-Kanak (*United Nations Convention on the Rights of the Child atau UNCRC*) terhadap hak perlindungan kanak-kanak.¹⁸⁴ CRC telah dipersetujui dan diratifikasi oleh setiap negara termasuk Malaysia kecuali dua negara dan konvensyen hak kanak-kanak merupakan triti hak kemanusiaan terbesar diiktiraf oleh negara-negara pihak. Empat prinsip asas dalam konvensyen hak kanak-kanak ini adalah kelangsungan hidup, tumbesaran hidup, perlindungan dan penyertaan oleh kanak-kanak.¹⁸⁵

Artikel 40 (1) UNCRC menyebutkan bahawa kanak-kanak yang menerima pertuduhan telah melakukan kesalahan atau melanggar sebarang akta undang-undang jenayah perlu ditangani berdasarkan peranan dan usianya sebagai seorang kanak-kanak. Maruah mereka sebagai kanak-kanak perlu dipelihara iaitu kanak-kanak mempunyai hak terhadap jaminan atas pembelaan dirinya. Selain itu Artikel 37 UNCRC¹⁸⁶ juga telah menjelaskan bahawa kanak-kanak di bawah usia 18 tahun tidak boleh diseksa dengan layanan dan hukuman kejam atau ditarik kebebasan mereka.¹⁸⁷ Tangkapan, tahanan dan pemenjaraan kanak-kanak juga hanya boleh diberikan sebagai jalan terakhir dalam tempoh yang bersesuaian dan paling singkat.

¹⁸⁴ Anita Abdul Rahim dan Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, *Kesalahan Mengedar Dadah oleh Kanak-Kanak dan Hukumannya di Malaysia*, Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, Vol 18, 2014, 27.

¹⁸⁵ Booklet Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, diakses pada 28 Disember 2022, <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dokumen%20CRC/Booklet%20Konvensyen%20CRC%20-%20BM.pdf>

¹⁸⁶ Laman rasmi United Nations Human Rights Office of the High Commissioner, diakses pada 6 Oktober 2022, <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/convention-rights-child>

¹⁸⁷ Booklet SUHAKAM Hak Asasi Untuk Semua Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Kuala Lumpur: Maziza Sdn Bhd, 2018), 38.

3.4.1.1 Kanak-Kanak Berumur di bawah 10 Tahun

Kanak-kanak yang berusia di bawah 10 tahun dianggap masih belum matang untuk bertanggungjawab ke atas perlakuan jenayah mereka serta dibawa ke mahkamah bagi pendakwaan. Golongan ini perlu diberi perlindungan oleh pihak kerajaan.¹⁸⁸

“Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun.”¹⁸⁹

Frasa *berumur kurang daripada sepuluh tahun* dalam Seksyen 82 Kanun Keseksaan adalah sangat signifikan sebagai penanda aras had umur tanggungjawab jenayah seorang kanak-kanak. Seksyen ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun dikecualikan sepenuhnya daripada tanggungjawab jenayah. Mereka tidak akan dikenakan sebarang hukuman atau dakwaan jika melakukan perbuatan jenayah pada usia seawal ini kerana dianggap tidak memiliki keupayaan melakukan jenayah.¹⁹⁰

Walaupun terdapat sebilangan kecil kes jenayah melibatkan pesalah dalam golongan ini seperti kes kanak-kanak di bawah umur 10 tahun menjadi pengedar dan penagih dadah¹⁹¹, namun mereka tetap menerima perlindungan dan tidak menerima sebarang pendakwaan atas kesalahan yang dilakukan. Turut diperuntukkan dalam undang-undang bahawa kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak boleh dihantar ke asrama akhlak, sekolah yang diluluskan mahupun Sekolah Henry Gurney serta dipenjarakan.¹⁹²

¹⁸⁸ Menteri Kebajikan Am, Puan Hajah Aishah binti Haji Abdul Ghani dipetik daripada Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 80-81.

¹⁸⁹ Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 82 Kanun Keseksaan.

¹⁹⁰ Ibid., 81-83.

¹⁹¹ Rosli Ilham, *Kanak-Kanak Bawah 10 Tahun Jadi Pengedar, Penagih Dadah*, laman rasmi Berita Harian, diakses pada 24 November, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2016/02/125092/kanak-kanak-bawah-10-tahun-jadi-pengedar-penagih-dadah>

¹⁹² Seksyen 62 Akta Kanak-Kanak 2001, Seksyen 66 Akta Kanak-Kanak 2001, Seksyen 74 Akta Kanak-Kanak 2001 dan Seksyen 96 Akta Kanak-Kanak 2001.

3.4.1.2 Kanak-Kanak Berumur di antara 10-12 Tahun

Usia 10 tahun merupakan penentu kepada bermulanya tanggungjawab jenayah dalam undang-undang di Malaysia berdasarkan kepada Seksyen 82 dan Seksyen 83 Kanun Keseksaan. Namun Seksyen 83 ini diwujudkan bagi memberi pengecualian atau perlindungan bersyarat kepada golongan kanak-kanak yang berusia genap 10 tahun tetapi belum mencapai usia 12 tahun. Berbeza dengan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun yang secara automatik dikecualikan daripada sebarang pendakwaan, golongan ini hanya akan dikecualikan jika pihak mahkamah mendapati bahawa kanak-kanak tersebut masih belum cukup matang untuk mengetahui akibat daripada jenayah yang telah dilakukan.¹⁹³

“Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa juar yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur lebih daripada sepuluh tahun tetapi kurang daripada dua belas tahun yang belum cukup akal untuk menimbangkan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu.”¹⁹⁴

Pesalah kanak-kanak dalam lingkungan umur 10 sehingga 12 tahun yang telah didakwa akan diberi peluang untuk membela diri dan membuktikan bahawa pesalah belum matang untuk memahami akibat daripada jenayah tersebut. Konsep ini adalah berasaskan kepada prinsip *doli incapax* yang bermaksud bahawa tiada upaya untuk melakukan suatu kesalahan.¹⁹⁵ Seksyen 83 Kanun Keseksaan ini merupakan salah satu kecualian am dalam undang-undang jenayah di Malaysia dan pembuktian bagi kes pembelaan sebegini adalah di atas pihak tertuduh. Walaupun menurut undang-undang umur 10 sehingga 12 tahun ini sudah matang, jika pihak tertuduh dapat membuktikan bahawa pesalah belum cukup matang, maka pesalah akan dikecualikan daripada

¹⁹³ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 87.

¹⁹⁴ Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 83 Kanun Keseksaan.

¹⁹⁵ Kanak-kanak pada usia tertentu akan dikecualikan daripada dihukum kerana dianggap tidak mampu untuk membentuk niat jahat untuk melakukan kesalahan. Aminuddin Mustaffa, *Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak: Menilai Undang-Undang Malaysia Dari Perspektif Undang-Undang Antarabangsa*, Jurnal 28 KANUN (1), 2016, 60.

hukuman. Perlindungan yang diberikan di Malaysia ini persis dengan sistem perundangan yang telah dimansuhkan di England terhadap pesalah berumur 10 sehingga 14 tahun.¹⁹⁶

Perundangan di England yang mengguna pakai *common law* memiliki satu statut di mana kanak-kanak yang berumur di antara 10 sehingga 14 tahun yang pada asalnya dianggap tidak mampu melakukan jenayah boleh disangkal dengan pembuktian *mischievous discretion*¹⁹⁷. Kanak-kanak akan menjalani satu ujian bagi membuktikan sama ada dia sudah matang atau tidak untuk mengetahui bahawa kesan jenayah yang dilakukan adalah serius. Pihak pendakwa akan mengemukakan pelbagai jenis bukti iaitu dari sudut latar belakang keluarga, pendidikan, keadaan psikologi dan bukti fizikal seperti tahap kecerdasan kanak-kanak tersebut. Pihak mahkamah juga akan melihat perbuatan pesalah sebelum dan selepas jenayah dilakukan, perlakuan pesalah semasa disoal siasat, rekod kes jenayah terdahulu jika ada serta meneliti sedalam mungkin tahap kekejaman pembunuhan yang dilakukan. Apabila terbukti kanak-kanak tersebut memahami perbuatannya dengan baik, hanya demikian kanak-kanak tersebut akan menerima pendakwaan seterusnya dihukum menurut undang-undang negara.¹⁹⁸

Namun sistem ini akhirnya dimansuhkan pada tahun 1998 kerana terbukti perundangan sedemikian telah menimbulkan ketidakadilan dalam undang-undang. Sebagai contoh, pesalah kanak-kanak yang berasal daripada keluarga yang dihormati akan lebih kerap dijatuhkan hukuman berbanding pesalah yang hadir daripada keluarga yang miskin. Mereka yang hidup dalam kesusahan akan dikecualikan terus daripada hukuman, dan tidak diberi peringanan hukuman kerana dianggap bahawa mereka kurang menerima pendedahan untuk mengetahui perlakuan baik dan buruk.

Selain itu, sistem ini turut dianggap kejam kerana menyamaratakan bentuk hukuman terhadap pesalah kanak-kanak dan dewasa. Kini, undang-undang jenayah telah

¹⁹⁶ Ibid., 154.

¹⁹⁷ Pembuktian *mischievous discretion* adalah pembuktian bahawa kanak-kanak tersebut mengetahui dengan pasti bahawa perbuatan yang dilakukan adalah salah.

¹⁹⁸ Ibid., 98.

diperuntukkan khusus untuk pesalah dalam golongan kanak-kanak serta had umur tanggungjawab jenayah di England ialah 10 tahun berdasarkan Seksyen 34 *Crime and Disorder Act 1998* dan tiada sebarang pengecualian diberikan kepada kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas.¹⁹⁹

Perbezaan di antara Seksyen 83 Kanun Keseksaan di Malaysia dan Seksyen 53 *Children and Young Persons Act 1933* di England adalah umur maksimum bagi kanak-kanak yang diberi perlindungan di Malaysia ialah 12 tahun manakala 14 tahun di England. Kedua, beban pembuktian perlindungan menurut perundangan di Malaysia adalah ke atas pihak tertuduh atau pihak pembelaan dan di England pula, tanggungjawab ini dibebani oleh pihak pendakwaan.²⁰⁰

Seterusnya, pengecualian hukuman terhadap kanak-kanak di Malaysia yang berusia 10 sehingga 12 tahun berpandukan kepada tahap kematangan pesalah tersebut. Dalam menilai tahap kematangan, pihak mahkamah turut merujuk kepada elemen-elemen yang diaplikasikan dalam *mischievious discretion* di England walaupun ia tidak dianggap sebagai kepututan muktamad. Berbeza dengan prinsip di England, seksyen 83 Kanun Keseksaan memberi erti bahawa kanak-kanak sudah dianggap bersalah namun pihak tertuduh sendiri diberi peluang untuk berlindung di bawah perundangan dengan membuktikan bahawa mereka masih belum matang dalam menentukan akibat daripada perbuatan jenayah tersebut.

Walaupun seksyen ini diwujudkan di Malaysia, namun pengaplikasiannya masih dianggap kabur dan masih tiada bukti pelaksanaannya.²⁰¹ Malah, sesetengah pihak berpendapat bahawa seksyen 83 ini perlu dimansuhkan kerana konsep kematangan ini dianggap tidak masuk akal kerana kanak-kanak yang berumur melebihi 12 tahun juga ada yang belum cukup matang namun tiada pengecualian hukuman diberikan.²⁰²

¹⁹⁹ Ibid., 131-152.

²⁰⁰ Ibid., 154.

²⁰¹ Ibid., 175-177.

²⁰² Sarirah Che Rose, *Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-Kanak di Mahkamah Tinggi*, Voice of

3.4.1.3 Kanak-Kanak Berumur Lebih 12 Tahun Sehingga Kurang Daripada 18

Tahun

Di Malaysia, beberapa bentuk hukuman pesalah dewasa dikecualikan untuk pesalah kanak-kanak dan digantikan dengan hukuman lain. Bentuk hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah kanak-kanak telah diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001.

Kanak-kanak yang berumur lebih daripada 12 tahun sehingga kurang daripada 18 tahun merupakan golongan kanak-kanak yang sudah layak menerima hukuman tanpa sebarang pertimbangan tahap kematangan mengikut statut perundangan di Malaysia. Keistimewaan pengecualian hukuman dalam seksyen 82 dan seksyen 83 Kanun Keseksaan sudah tidak terpakai bagi kes jenayah melibatkan golongan ini. Walaupun begitu, mereka masih termasuk dalam golongan kanak-kanak maka akan menerima pengecualian dari segi jenis hukuman berdasarkan seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), berbeza dengan hukuman buat pesalah dewasa yang berpandukan kepada peruntukan terkandung dalam Kanun Keseksaan.

Sehubungan itu, Seksyen 11(5) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk membicarakan semua kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak kecuali kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman mati jika disabitkan kesalahan seperti membunuh, mengedar dadah dan memiliki senjata api.²⁰³ Selain itu, kesalahan yang dilakukan bersama dengan orang dewasa juga tidak akan dibicarakan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.²⁰⁴ Kes jenayah berat dan kes melibatkan tertuduh dewasa akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi²⁰⁵ dan mahkamah boleh

Academia, Vol 6 No 2, 2011, 112.

²⁰³ Norazla Abdul Wahab, Nur Zulfah Md Abdul Salam & Hammad Mohamad Dahalan, *Kedudukan dan Peranan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak di Malaysia: Isu dan Cabaran*, International Journal of law, Government and Communication (IJLGC), Vol 6 Issue 24, 2021, 84-86, 89.

²⁰⁴ Sarirah Che Rose, *Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-Kanak di Mahkamah Tinggi*, Voice of Academia, Vol 6 No 2, 2011, 113.

²⁰⁵ Ibid., 109.

mengguna pakai peruntukan dalam Kanun Acara Jenayah dan Akta Kanak-Kanak 2001 ketika mendengar kes melibatkan pesalah kanak-kanak.²⁰⁶

3.4.2 Hukuman Diperuntukkan Bagi Pesalah Kanak-Kanak

Lapan bentuk hukuman boleh dikenakan ke atas pesalah kanak-kanak yang berusia 12 sehingga 18 tahun. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berkuasa untuk menjatuhkan hukuman kepada kanak-kanak setelah kesalahan mereka berjaya dibuktikan.²⁰⁷ Berikut adalah senarai hukuman bagi kanak-kanak mengikut Seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001:

“91. Kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak apabila kesalahan dibuktikan.

(1) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dibuktikan Mahkamah itu hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa lain yang boleh dijalankan menurut Akta ini, mempunyai kuasa untuk –

- (a) memberikan amaran kepada dan melepaskan kanak-kanak itu;
- (b) melepaskan kanak-kanak itu apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik dan untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (c) memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dan sesuai –

- (i) selama apa-apa tempoh yang hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah; dan

- (ii) dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah;
 - (d) memerintahkan supaya kanak-kanak itu membayar denda, pampasan atau kos;

- (e) membuat suatu perintah percubaan di bawah Seksyen 98;
 - (f) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dihantar ke suatu sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney;

- (g) memerintahkan supaya kanak-kanak itu, jika seorang lelaki, disebat tidak lebih daripada sepuluh kali sebatan dengan rotan yang ringan –
 - (i) di premis Mahkamah itu; dan

- (ii) di hadapan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu jika dia hadir;

- (h) mengenakan ke atas kanak-kanak itu, jika dia berumur empat belas tahun ke atas dan kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan dan tertakluk kepada subseksyen 96(2), apa-apa tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen.”

²⁰⁶ Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 117 Akta Kanak-Kanak 2001.

²⁰⁷ Zabdi Mohd Yusoff dan Zulazhar Tahir, *Akta Kanak-Kanak 2001: Penguatkuasaan Semula Tugas dan Tangungjawab Ibu Bapa atau Penjaga?*, Journal of Malaysian and Comparative Law 6, 2005, 137.

1. Amaran dan pelepasan

Hukuman berbentuk amaran ini hanya akan diberikan jika kes jenayah tersebut adalah ringan. Malah jika tiada bukti yang kukuh dan jelas, kanak-kanak tersebut akan terlepas daripada sebarang bentuk hukuman.

2. Pelepasan setelah berjaya menyempurnakan bon

Hukuman ini bergantung kepada laporan akhlak kanak-kanak tersebut dimana pesalah ini perlu menyelesaikan bon berkelakuan baik serta mematuhi setiap syarat yang dikemukakan oleh pihak mahkamah. Selain itu, ibu atau bapa atau pihak penjaga²⁰⁸ juga diperuntukkan untuk menyelesaikan bon berkelakuan baik kanak-kanak itu berdasarkan seksyen 93 Akta Kanak-Kanak 2001.

Peruntukan berkaitan dengan penyempurnaan bon berkelakuan baik ini merupakan tambahan kepada setiap hukuman di bawah seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001. Ibu atau bapa atau penjaga dan kanak-kanak perlu melaporkan diri di mana-mana jabatan kebijakan atau balai polis yang berhampiran dengan tempat kediaman. Mereka perlu menghadiri bengkel interaktif yang dijalankan untuk tujuan berkenaan bon. Malah, jika kanak-kanak tersebut dihukum dan berada di institusi pendidikan, ibu atau bapa atau penjaga perlu berjumpa dengan pengetua sebulan sekali sepanjang tempoh bon serta menziarahi kanak-kanak itu secara tetap seperti yang telah ditentukan oleh pihak mahkamah jika kanak-kanak berada di sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney. Kegagalan dalam mengerjakan perintah-perintah ini dengan konsisten boleh menyebabkan ibu atau bapa atau penjaga didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan jaminan dilucutahkan. Hak didengar akan diberikan terlebih dahulu kepada mereka.²⁰⁹

Perintah menziarahi kanak-kanak ini mula diwujudkan setelah lawatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ke Sekolah Henry Gurney.

²⁰⁸ Penjaga ialah mana-mana orang yang mengambil perhatian terhadap kes berhubung kanak-kanak itu menurut Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan mereka mempunyai penjagaan atau kawalan ke atas kanak-kanak itu. Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001.

²⁰⁹ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 93(1)(2) Akta Kanak-Kanak 2001.

Laporan menunjukkan bahawa ibu atau bapa atau penjaga kurang melawat anak-anak atas alasan wang yang tidak mencukupi untuk perjalanan ke sekolah tersebut yang jauh lokasinya dari kediaman mereka. Pihak SUHAKAM kemudiannya mencadangkan kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk memberi subsidi atau bantuan perjalanan dan tempat penginapan kepada mereka. Kerajaan akhirnya memutuskan untuk menjadikan lawatan ini sebagai salah satu kewajipan kerana sokongan daripada ibu atau bapa atau penjaga ini amat membantu dalam pemulihan kanak-kanak ini.²¹⁰

3. Diletakkan dalam pemeliharaan orang yang layak

Pihak mahkamah boleh meletakkan kanak-kanak di bawah pemeliharaan orang yang layak dan sesuai bagi kes ringan dan tidak serius jika ibu atau bapa atau penjaga atau pelindung²¹¹ atau pegawai akhlak²¹² memohon sedemikian berdasarkan seksyen 105 dan seksyen 106 Akta Kanak-Kanak 2001. Namun jika pihak mahkamah mendapati bahawa kanak-kanak tersebut tidak dididik dengan baik mengikut agamanya maka perintah tersebut dibatalkan dan diubah kembali.

Seksyen 106 Akta Kanak-Kanak 2001 pula menjelaskan bahawa kanak-kanak yang lari daripada jagaan ini akan terus ditangkap tanpa waran dan dibawa kehadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang memberi perintah jagaan tersebut atau Mahkamah Pengawas. Kes akan disiasat dengan serta-merta. Jika orang layak tersebut masih ingin menjaga kanak-kanak ini maka kanak-kanak tersebut akan kembali ke sana atau perintah lain akan dibuat dengan menganggap bahawa kanak-kanak itu tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga.

²¹⁰ Jal Zabdi Mohd Yusoff dan Zulazhar Tahir, *Akta Kanak-Kanak 2001: Penguatkuasaan Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa atau Penjaga?*, Journal of Malaysian and Comparative Law 6, 2005, 138-139.

²¹¹ Pelindung ialah Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian bagi Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap Negeri atau mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik di bawah seksyen 8. Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001.

²¹² Pegawai akhlak dilantik di bawah seksyen 10 iaitu Pembantu Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Kebajikan Masyarakat dan tertakluk dalam kawalan Mahkamah Pengawas. Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 2 dan seksyen 10 Akta Kanak-Kanak 2001.

4. Bayaran denda, pampasan atau kos

Hukuman ini kebanyakannya dijatuhkan apabila kes jenayah tersebut melibatkan kerugian harta benda seperti kes mencuri komputer riba. Menurut akta yang diperuntukkan dalam seksyen 94(1) Akta Kanak-Kanak 2001, ibu atau bapa atau penjaga yang dipertanggungjawab untuk membayar denda atau pampasan atau kos yang diawardkan ke atas jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut melainkan dalam situasi tertentu seperti mereka tidak dapat ditemui²¹³. Malah jika pihak mahkamah mendapati bahawa kanak-kanak tersebut bersalah atau mengaku bersalah, mahkamah boleh memerintahkan ibu atau bapa atau penjaga untuk membayar denda dan jaminan kelakuan baik kanak-kanak tanpa sebarang rekod kesalahan.²¹⁴ Syarat penyempurnaan bon mesti dipatuhi bagi menerima jaminan ini.

5. Perintah percubaan

Seksyen 98 Akta Kanak-Kanak 2001 telah menyebutkan bahawa perintah percubaan hanya boleh dijatuhkan kepada kanak-kanak yang melakukan kesalahan tertentu. Jenayah yang boleh dikenakan hukuman ini ialah jenayah berat, merogol, melakukan sumbang *mahram* atau mencabul kehormatan, sengaja menyebabkan kecederaan parah atau kesalahan di bawah seksyen 377B²¹⁵, 377C²¹⁶, 377D²¹⁷ atau 377E²¹⁸ Kanun Keseksaan.²¹⁹

Tempoh perintah percubaan ini adalah tidak kurang daripada satu tahun sehingga tiga tahun dari tarikh perintah itu dikeluarkan. Kanak-kanak akan diawasi oleh seorang pegawai akhlak sepanjang tempoh ini berlaku dan tidak boleh melakukan sebarang kesalahan jenayah lain kerana boleh dihukum atas jenayah asal dan jenayah yang

²¹³ Denda, pampasan atau kos ditanggung oleh ibu atau bapa atau penjaga melainkan mereka tidak ditemui atau tidak membantu menyebabkan jenayah tersebut atas kecuaian menjaga kanak-kanak. Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 94(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

²¹⁴ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 94(2) Akta Kanak-Kanak 2001.

²¹⁵ Kesalahan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i.

²¹⁶ Kesalahan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i tanpa kerelaan dsb.

²¹⁷ Kesalahan melanggar kesopanan seperti melakukan apa-apa perbuatan kelucuan melampau.

²¹⁸ Kesalahan merangsang seorang kanak-kanak untuk melakukan suatu perbuatan kelucuan melampau.

²¹⁹ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 98(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

dilakukan. Pihak mahkamah juga perlu memastikan bahawa tempat kediaman kanak-kanak tersebut adalah sesuai untuk menjalani perintah percubaan atau perlu dihantar ke asrama akhlak, dalam tempoh tidak lebih daripada 12 bulan daripada tarikh perintah.²²⁰ Kanak-kanak yang didapati tidak mematuhi mana-mana syarat perintah percubaan boleh disaman atau ditangkap atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau lain-lain hukuman yang wajar diberikan oleh pihak mahkamah.²²¹

6. Dihantar ke sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney

Situasi kanak-kanak dihantar ke sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney akan berlaku jika kesalahan yang dilakukan adalah berat atau kesalahan berulang, tiada lagi harapan pemulihan dalam komuniti serta ibu atau bapa atau penjaga bersetuju untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah ini atau pihak mahkamah berpendapat bahawa pemulihan akhlak di sekolah adalah paling berfaedah. Keadaan ini disebut dalam seksyen 67(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

Kanak-kanak hanya boleh dihantar ke sekolah yang diluluskan selama tiga tahun dan boleh dikurangkan tempoh tersebut oleh Lembaga Pelawat²²² dengan syarat-syarat tertentu²²³. Kemudian kanak-kanak yang lari dari sekolah yang diluluskan boleh ditangkap tanpa waran dan dihadapkan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Jika kanak-kanak tersebut berumur kurang daripada 14 tahun, dia akan dihantar semula ke sekolah tersebut atau sekolah diluluskan yang lain manakala jika beliau berumur lebih daripada 14 tahun maka pihak mahkamah boleh menghantarnya ke Sekolah Henry Gurney.²²⁴

²²⁰ Seksyen 98(3) dan seksyen 98(4)(a)(b)(c)(i) Akta Kanak-Kanak 2001.

²²¹ Seksyen 99(1) dan seksyen 100(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

²²² Dilantik oleh menteri di bawah seksyen 82 untuk melaksanakan fungsi ditetapkan oleh menteri. Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001.

²²³ Lembaga Pelawat boleh melepaskan terus kanak-kanak atau selama tempoh dan syarat tertentu. Namun dalam 12 bulan pertama, pelepasan perlu mendapat keizinan bertulis menteri. Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 67 (3)(4) Akta Kanak-Kanak 2001.

²²⁴ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 71 Akta Kanak-Kanak 2001.

Seterusnya kanak-kanak di bawah umur 14 tahun tidak boleh sama sekali dihantar ke Sekolah Henry Gurney.²²⁵ Tempoh maksimum penahanan pesalah di sekolah ini ialah tiga tahun dan hanya sehingga pesalah berumur 21 tahun. Pesalah kanak-kanak hanya boleh dihantar ke Sekolah Henry Gurney jika terlibat dalam mana-mana keadaan atau situasi seperti di bawah peruntukan seksyen 75 Akta Kanak-Kanak 2001 yang berikut:

- “(a) seseorang kanak-kanak didapati bersalah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan;
- (b) laporan akhlak yang dikemukakan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak menunjukkan bahawa –
 - (i) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu tidak dapat lagi menjalankan atau tidak berupaya menjalankan apa-apa kawalan yang sepatutnya ke atasnya;
 - (ii) kanak-kanak itu pada lazimnya ada bersama-sama dengan orang yang berwatak tidak baik; dan
 - (iii) kanak-kanak itu tidak sesuai dipulihkan di sekolah diluluskan; dan
- (c) pada hemat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak –
 - (i) kesalahan yang dilakukan ialah daripada jenis serius; dan
 - (ii) oleh sebab jenis tabiat dan kecenderungan jenayah kanak-kanak itu adalah suaimanfaat kanak-kanak itu ditahan selama apa-apa tempoh dan diletakkan di bawah apa-apa ajaran dan tatatertib yang didapati paling berfaedah untuk memulihkan akhlaknya dan untuk membanteras jenayah.”

7. Sebatan

Kebanyakan kes melibatkan hukuman sebatan adalah kes yang berat dan serius seperti kes rogol dan dadah. Hanya pesalah dalam golongan lelaki sahaja yang boleh dikenakan hukuman sebatan. Sebatan akan dilakukan di hadapan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut jika ada serta berpandukan kepada peruntukan dalam seksyen 92 Akta Kanak-Kanak 2001 seperti penggunaan rotan yang ringan dan kanak-kanak akan dirotan tidak lebih daripada 10 kali. Kebajikan kanak-kanak dipelihara dimana pesalah perlu memakai pakaian serta diperiksa oleh pegawai kesihatan sebelum sebatan dan akan diberhentikan sebatan secara muktamad jika pesalah tidak dapat lagi menerimanya.²²⁶

²²⁵ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 74 Akta Kanak-Kanak 2001.

²²⁶ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 92 Akta Kanak-Kanak 2001.

8. Hukuman pemenjaraan

Seksyen 96 Akta Kanak-Kanak menetapkan bahawa kanak-kanak boleh dihukum penjara dimana pemenjaraan ini merupakan hukuman paling berat yang dapat dijatuhkan ke atas pesalah dalam kalangan kanak-kanak, berumur 18 tahun ke bawah. Penempatan banduan kanak-kanak turut diasingkan daripada banduan dewasa di penjara. Namun hukuman ini hanya tertakluk kepada kanak-kanak yang berumur 14 tahun ke atas. Tiada situasi yang membenarkan hukuman pemenjaraan dibenarkan ke atas kanak-kanak berumur 14 tahun ke bawah walaupun jenayah yang dilakukan adalah serius atau pesalah ingkar untuk membayar denda.

Malah, sekiranya terdapat bentuk hukuman lain yang sesuai dan setimpal dengan kesalahan seperti menghantar pesalah ke Sekolah Henry Gurney, pihak mahkamah perlu mengelak daripada memenjarakan pesalah kanak-kanak.²²⁷ Menurut Seksyen 293(e) Kanun Prosedur Jenayah, kanak-kanak ini juga boleh dihukum melakukan aktiviti khidmat masyarakat tidak melebihi 240 jam seperti yang ditetapkan oleh mahkamah. Perintah Khidmat Masyarakat bertujuan untuk memulihkan serta membantu pesalah kembali kepada masyarakat.²²⁸ Malah bentuk hukuman ini dianggap sebagai hukuman alternatif terbaik dalam membantu kanak-kanak yang melakukan jenayah sivil dan syariah.²²⁹ Aktiviti yang dilakukan ini juga boleh melibatkan bayaran kepada penjara atau pihak berkuasa tempatan.²³⁰

Kesimpulannya, kanak-kanak berumur 10 sehingga di bawah 14 tahun yang disabitkan mana-mana kesalahan hanya boleh dihukum amaran, bon berkelakuan baik,

²²⁷ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 96 Akta Kanak-Kanak 2001.

²²⁸ Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, diakses pada 2 Februari 2023, <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ekc5a1dLWWpmRWFTQW1VVmI5ZkxVQT09>

²²⁹ Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita Nik MD Khalib, *Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017), 2017, 5.

²³⁰ Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 293(e)(ii) Kanun Prosedur Jenayah, diakses pada 6 Disember 2022 <https://www.easylaw.com.my/statutes/criminal/criminal-procedure-code>

diletakkan di bawah jagaan orang yang layak, denda atau perintah percubaan iaitu jika melibatkan kesalahan ringan bagi tujuan membimbing dan mendidik. Manakala kanak-kanak berumur 14 tahun sehingga di bawah 18 tahun pula boleh dihukum sebat, ditahan di Sekolah Henry Gurney atau dipenjarakan. Selain itu jika kes berat dibicarakan di mahkamah selain Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, kanak-kanak juga boleh dihukum lebih daripada satu jenis hukuman berdasarkan umur, jenis hukuman atau kes berulang.

3.4.3 Pengecualian Hukuman Mati Bagi Pesalah Kanak-Kanak

Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 97(2) Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak tidak boleh dihukum mati walau seberat mana jenayah yang telah dilakukan. Sebagai ganti kepada hukuman mati ini, pihak mahkamah akan menjatuhkan hukuman penjara ke atas pesalah selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong²³¹ atau Raja atau Yang Dipertua Negeri²³². Sepanjang tempoh tahanan di penjara, Hakim Pelawat perlu menilai kembali kes kanak-kanak tersebut sekali setahun dan boleh mengesyorkan untuk memendekkan tempoh tahanan.

Kesalahan berkaitan dengan keselamatan negara, jenayah dadah serta jenayah bunuh adalah merupakan kategori kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati menurut undang-undang jenayah. Bagi jenayah mengedar dadah contohnya, golongan kanak-kanak tidak terlepas daripada turut terjebak dan jenayah dadah ini boleh membawa kepada hukuman mati mandatori jika disabitkan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Namun status kanak-kanak akan melindungi pesalah daripada hukuman mengerikan ini. Dalam menjatuhkan hukuman kepada kanak-kanak, faktor kebijakan seperti pengakuan salah dan latar belakang kanak-kanak serta faktor kepentingan umum

²³¹ Tempoh diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong jika kesalahan dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan.

²³² Tempoh diperkenan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri jika disabitkan kesalahan di mana-mana negeri selain Kuala Lumpur dan Labuan.

akan dipertimbangkan. Penetapan hukuman ini tidak boleh dipandang terlalu remeh kerana ia dapat dijadikan pengajaran buat kanak-kanak di luar.

Undang-undang jenayah kanak-kanak dikuat kuasakan di Malaysia bukan sekadar untuk menghukum pesalah tetapi juga untuk mencegah jenayah daripada terus berlaku.²³³ Realiti teori hukuman pemulihan di Malaysia diaplikasikan bagi kesalahan ringan melibatkan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun. Manakala teori pencegahan lebih banyak digunakan terhadap pesalah yang hampir berusia 18 tahun dan melakukan jenayah berat. Teori pencegahan ini tidak sesuai dijalankan kerana tidak mendatangkan hasil yang baik. Hal ini dibuktikan melalui statistik kadar jenayah dalam golongan ini yang tidak berkurangan.²³⁴

Pengecualian hukuman mati ini sesuai dengan peruntukan perundangan antarabangsa yang digariskan oleh Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Kanak-Kanak (*United Nations Convention on the Rights of the Child atau UNCRC*) iaitu kanak-kanak yang dituduh bersalah perlu dilayan sebaik mungkin dengan memelihara maruah mereka sebagai kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak juga tidak boleh dihukum tanpa perikemanusiaan, dipenjara seumur hidup dan menerima hukuman untuk tempoh masa terpendek yang sesuai.²³⁵ Sebagai contoh, dua orang kanak-kanak berumur 13 tahun telah memukul dan mencampak seorang pelajar tahniz berusia 6 tahun di asrama madrasah, Lanchang sehingga menyebabkan kematian. Kedua-dua tertuduh telah dihadapkan di mahkamah tertutup dan dirahsiakan identiti daripada masyarakat awam²³⁶, dan dihadiri oleh ibu bapa masing-masing. Walaupun didapati bersalah, pesalah kanak-

²³³ Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 214-283.

²³⁴ Mohd Al Adib Samuri, and Noor Aziah Haji Mohd. Awal, *Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-Kanak di Malaysia : Pencegahan atau Pemulihan?*, Jurnal Undang-undang Universiti Kebangsaan, Vol 13, 2009, 54.

²³⁵ Artikel 37 dan 40(1) Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Kanak-Kanak (*United Nations Convention on the Rights of the Child atau UNCRC*).

²³⁶ PP lawan Pesalah Kanak-kanak 1 & Satu Lagi (2023) 4 CLJ.

kanak tidak akan dijatuhkan hukuman mati tetapi diletakkan dalam tahanan penjara selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.²³⁷

3.5 Peruntukan Undang-Undang Dalam Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia

Undang-undang kesalahan jenayah syariah hanya melibatkan kesalahan berkaitan dengan isu agama Islam sahaja. Orang Islam yang melakukan kesalahan jenayah syariah akan dibicarakan di mahkamah syariah negeri tersebut.²³⁸

Secara umum, seseorang yang melanggar undang-undang syariah akan dihukum berdasarkan kepada Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Merujuk kepada akta ini, mahkamah syariah di setiap negeri boleh menjatuhkan hukuman maksimum penjara enam bulan, denda dengan nilai maksimum satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali. Kemudian, bidang kuasa mahkamah ini diperluas pada tahun 1984²³⁹ iaitu pesalah boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit, sebatan tidak melebihi enam kali atau mana-mana gabungan hukuman ini.²⁴⁰ Hukuman ini terpakai bagi kesemua jenis kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam akta, enakmen dan ordinan syariah. Berikut merupakan jadual ringkasan kepada pelaksanaan Akta 355 dalam akta, enakmen atau ordinan kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia.

²³⁷ Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz, *Dua Remaja Didakwa Membunuh Pelajar Tahfiz*, portal rasmi Harian Metro, diakses pada 27 Disember 2022, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/517414/dua-remaja-didakwa-membunuh-pelajar-tahfiz>

²³⁸ Siti Aisyah Samudin, *Ulasan Buku Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*, Journal of Shariah Law Research, Vol. 7, No 1, 2022, 147, 150.

²³⁹ Mohamed Azam bin Mohamed Adil, *Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana?*, Jurnal Syariah Vol 8 No 2, 2000, 109.

²⁴⁰ Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2 Akta 355.

Jadual 3.1: Ringkasan Peruntukan Hukuman dalam Perundangan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

Undang-undang Jenayah Syariah	Jenis Kesalahan		
	Bahagian II – Kesalahan yang Berhubung dengan ‘Aqidah (Pemujaan Salah)	Bahagian IV – Kesalahan yang Berhubung dengan Kesusilaan (Perbuatan Sumbang <i>Mahram</i>)	Bahagian V – Kesalahan Pelbagai (<i>Qazaf</i>)
Peruntukan Hukuman			
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997	<u>Seksyen 3</u> ◊ RM3000/ Penjara 2 tahun/ Kedua-duanya	<u>Seksyen 20</u> ◊ RM5000/ Penjara 3 tahun/ 6 kali sebatan/ Manama kombinasi	<u>Seksyen 41</u> ◊ RM5000/ Penjara 3 tahun/ Kedua-duanya
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	<u>Seksyen 3</u> ◊ RM3000/ Penjara 2 tahun/ Kedua-duanya	<u>Seksyen 18</u> ◊ RM5000/ Penjara 3 tahun/ 6 kali sebatan/ Manama kombinasi	<u>Seksyen 37</u> ◊ RM5000/ Penjara 3 tahun/ Kedua-duanya
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor	<u>Seksyen 3</u> ◊ RM3000/ Penjara 2 tahun/ Kedua-	<u>Seksyen 20</u> ◊ RM5000/ Penjara 3 tahun/ 6 kali	<u>Seksyen 41</u> ◊ RM5000/ Penjara 3 tahun/ Kedua-

	duanya	sebatan/ Mana- mana kombinasi	duanya
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 Pahang	<u>Seksyen 4</u> <u>(Penyembahan Salah)</u> ◇ RM5000/ Penjara 3 tahun/ 6 kali sebatan/ Mana-mana kombinasi	-	<u>Seksyen 50</u> <u>(Tuduhan Melakukan Maksiat)</u> ◇ RM3000/ Penjara 2 tahun/ Kedua- duanya
Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982	-	<u>Seksyen</u> <u>147</u> <u>(Sumbang)</u> ◇ Lelaki: RM5000, Penjara 3 tahun/ Kombinasi Keduanya/ 6 kali sebatan ◇ Perempuan: RM2000/ Penjara 1 tahun/ Kedua- duanya	-
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 Negeri Sarawak	<u>Seksyen 3</u> ◇ RM3000/ Penjara 2 tahun/ Kedua- duanya	<u>Seksyen 17</u> ◇ RM5000/ Penjara 3 tahun/ 6 kali sebatan/ Mana- mana kombinasi	<u>Seksyen 38</u> ◇ RM5000/ Penjara 3 tahun/ Kedua- duanya

Sumber: Ilustrasi pengkaji berdasarkan rujukan peruntukan undang-undang.

Mahkamah syariah negeri-negeri berbidang kuasa dalam memperuntukkan hukuman tersendiri berdasarkan batas hukuman maksimum yang telah ditetapkan dalam

Akta 355. Hal ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam peruntukan hukuman di antara undang-undang jenayah syariah negeri-negeri. Berbeza dengan jenayah sivil yang memperuntukkan hukuman khusus untuk pesalah kanak-kanak, pesalah muda jenayah syariah akan menerima bentuk hukuman yang sama seperti pesalah dewasa. Justeru peruntukan undang-undang yang tidak seragam ini boleh mewujudkan ketidakadilan kepada diri pesalah.

Sebahagian jenis kesalahan telah memperuntukkan hukuman yang sama. Namun merujuk kepada jadual yang dilampirkan, bagi kesalahan berhubung dengan pemujaan salah, Pahang memperuntukkan hukuman yang lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain dan hukuman lebih rendah bagi kesalahan *qazaf* atau tuduhan melakukan maksiat. Manakala bagi kesalahan sumbang, negeri Pahang mengasingkan hukuman bagi pesalah lelaki dan perempuan, berbeza dengan negeri-negeri lain.

Bagi kesalahan di bawah Bahagian II dan beberapa jenis kesalahan melibatkan pesalah perempuan di bawah Bahagian IV juga boleh diperintahkan untuk ditahan di pusat pemulihan yang diluluskan selama 6 bulan sebagai ganti kepada hukuman asal.²⁴¹ Manakala bagi hukuman sebatan, hanya enam jenis kesalahan yang telah diperuntukkan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah. Jumlah maksimum sebatan bagi zina adalah 100 kali, *qazaf* 80 kali dan 40 kali bagi kesalahan meminum minuman memabukkan. Walaupun hukuman sebatan diperuntukkan dalam undang-undang jenayah syariah, namun pengaplikasiannya amat sedikit berikutan dengan aturan hukuman jenayah syariah. Hakim lebih cenderung untuk menjatuhkan hukuman denda diikuti dengan penjara dan sebatan. Justeru, cadangan untuk menambah jumlah kesalahan yang boleh dihukum sebat dan jumlah maksimum sebatan telah diusulkan.²⁴²

²⁴¹ Siti Zubaidah Ismail, “Contohi Selangor ada Pusat Pemulihan Akidah”, Utusan Malaysia, 12 Ogos 2023.

²⁴² Siti Zubaidah Ismail, “Jadikan Sebat Hukuman Utama Jenayah Syariah”, Utusan Malaysia, 4 Ogos 2023.

Di samping itu, sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah sivil, undang-undang syariah juga memperuntukkan pengecualian dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah muda. Malah, kanak-kanak yang belum *baligh* akan dilindungi daripada sebarang pertuduhan kesalahan jenayah dan dikecualikan daripada hukuman²⁴³ bagi memelihara *maq sid al-shar 'ah*.²⁴⁴ Seksyen 128 Akta 560 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyenaraikan hukuman terhadap pesalah muda seperti yang berikut:

“(1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemenjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan-

(a) Memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau

(b) Memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu dan bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahkannya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130(a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.

(2) Mahkamah yang di hadapannya seorang pesalah muda disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti menghukum pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mengenakan ke atas ibu dan bapa atau penjaganya denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit dalam mana-mana kes yang Mahkamah itu, selepas siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu telah, dengan sebab mereka cuai dalam menjaganya dengan sepatutnya atau selainnya, menyumbang kepada salah laku pesalah itu:

Dengan syarat bahawa tiada ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tanpa dia diberi peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan untuk membela dirinya.”

²⁴³ Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 51 Akta 559 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

²⁴⁴ Suhaizad Saifuddin, *Perlindungan Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid al-Shari'ah dan Undang-Undang Syariah di Malaysia*, International Conference on Family Law, 2020, 14.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kesemua akta jenayah syariah negeri-negeri memperuntukkan pengecualian hukuman pemenjaraan kepada pesalah kanak-kanak. Kebanyakan pesalah muda akan diberi hukuman bon berkelakuan baik tidak melebihi dua tahun dengan ibu bapa sebagai penjamin untuk tidak melakukan kesalahan atau meletakkan sejumlah wang jaminan. Selain itu, terdapat juga pesalah muda yang akan dihantar ke pusat pemulihan akhlak tidak lebih daripada enam bulan terutamanya pesalah wanita²⁴⁵ dan bayaran denda.²⁴⁶ Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak akan diberi hukuman yang lebih ringan berbanding pesalah dewasa iaitu tiada hukuman penjara.

Merujuk kepada bidang kuasa dan trend penetapan hukuman ini, kajian ini mendapati bahawa peruntukan hukuman yang diaplikasikan kini dilihat gagal untuk memberi impak positif kepada pesalah dan masyarakat.²⁴⁷ Hukuman ini menjadi semakin tidak digeruni kerana kebanyakan kes menjadikan hukuman berbentuk material seperti bayaran denda sebagai hukuman keutamaan. Hukuman yang berbentuk bayaran denda sahaja dilihat tidak akan memberi keinsafan kepada penjenayah syariah.²⁴⁸

3.6 Penutup

Hukuman diperuntukkan dalam sistem perundangan negara bagi mendidik dan menghukum penjenayah yang melanggar undang-undang khususnya dalam kategori jenayah serta membimbang masyarakat untuk menghormati hak-hak orang lain dalam komuniti masyarakat.²⁴⁹ Sehubungan dengan itu, hukuman terhadap kanak-kanak yang

²⁴⁵ Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu) 2001.

²⁴⁶ Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya, *Pesalah Muda Dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan Dari Perspektif Prinsip Syariah*, Current Legal Issues No 8, 2017, 3-6.

²⁴⁷ Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita Nik MD Khalib, *Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017), 2017, 5.

²⁴⁸ Nurhidayah Binti Azahari & Zanariah Binti Dimon, *Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda Dan Wanita Menurut Undang-Undang Islam di Malaysia*, International conference On Syariah & Law (ICONSYAL 2021)-Online Conference, 2021, 45, 51.

²⁴⁹ Ramizah Wan Muhammad, *Hukuman Mati dalam Undang-undang Jenayah Islam: Mandatori atau Pilihan*, portal rasmi Malaysia Gazette, diakses pada 22 Disember 2022, <https://malaysiagazette.com/2022/07/04/hukuman-mati-dalam-undang-undang-jenayah-islam-mandatori->

melakukan jenayah kriminal sivil diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 manakala Seksyen 128 Akta 560 dirujuk bagi jenayah syariah. Selari dengan prinsip asas yang digariskan oleh Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Kanak-Kanak (*United Nations Convention on the Rights of the Child atau UNCRC*), pesalah dalam kalangan kanak-kanak tidak akan dihukum mati meskipun jenayah yang dilakukan adalah berat. Bagi jenayah sivil, mereka juga akan dihadapkan di mahkamah asing iaitu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, namun terkecuali bagi kes berat seperti pembunuhan.

Sementara itu, undang-undang jenayah mengikut syariat Islam iaitu *hudud* dan *qisas* lebih mengutamakan aspek pencegahan seperti hukuman rejam dan sebat di hadapan khalayak ramai serta membunuh seorang pembunuhan.²⁵⁰ Hal ini berbeza dengan undang-undang sivil di mana peruntukan hukuman adalah lebih ke arah menghukum dan memberi balasan ke atas jenayah yang dilakukan.²⁵¹ Seterusnya, pengecualian diberikan terhadap pesalah kanak-kanak iaitu kesalahan yang dilakukan tidak akan dianggap sebagai jenayah melainkan kanak-kanak tersebut sudah mencapai usia *baligh* kecuali menurut segelintir ulama mazhab Syafi'i.

Penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang sivil iaitu 18 tahun sebagai umur maksimum mempunyai sedikit percanggahan dengan had usia *baligh* menurut pendapat majoriti mazhab utama iaitu seawal usia 15 tahun. Had umur maksimum kanak-kanak menurut undang-undang syariah pula adalah 16 tahun. Perbezaan penetapan had umur ini secara tidak langsung telah menimbulkan beberapa isu dan cabaran dalam sistem perundangan di Malaysia. Justeru itu, penetapan had umur kanak-kanak dalam pensabitan kes jenayah akan dinilai dan dibahaskan dalam bab

atau-pilihan/

²⁵⁰ Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Bayan Linnas Siri Ke-104: Sebatan di Khalayak: Mencegah Jenayah, Memulihkan Pesalah*, diakses pada 27 Disember 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/741-bayan-linnas-siri-ke-104-sebatan-di-khalayak-mencegah-jenayah-memulihkan-pesalah>

²⁵¹ Muhammad Fathi Yusof, *Kesesuaian Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur, KUIZM Publication, 2014), 9.

seterusnya. Seiring dengan perkembangan pesat teknologi, peruntukan undang-undang perlu ditinjau kembali agar masyarakat dapat hidup dalam keadaan stabil dan sejahtera.

Universiti Malaya

BAB 4: ANALISIS ISU DAN CABARAN PENETAPAN HAD UMUR KANAK-KANAK DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SIVIL DAN SYARIAH

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan objektif ketiga yang merupakan objektif terakhir kajian iaitu menganalisis isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak yang diguna pakai dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah. Dalam kajian ini pengkaji telah menemu bual empat orang informan terpilih yang mempunyai kepakaran atau berpengalaman dalam mengendalikan kanak-kanak yang melakukan jenayah di Malaysia²⁵² iaitu seorang ahli akademik bidang undang-undang, pegawai daripada badan bukan kerajaan (NGO), pegawai daripada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang (JPSP) serta pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).

Melihat kepada statistik jenayah dilakukan oleh pesalah kanak-kanak yang membimbangkan, tujuan temu bual diadakan adalah bagi menelusuri dengan teliti isu serta cabaran yang relevan dengan permasalahan ini. Soalan temu bual telah dibuat berdasarkan kerangka teori had umur kanak-kanak dalam Bab 2 dan asas hukuman diperuntukkan untuk pesalah kanak-kanak dalam Bab 3. Bab ini akan menilai secara terperinci berkaitan dengan isu dan cabaran dalam penetapan had umur kanak-kanak bagi kesalahan jenayah sivil dan syariah. Hasil daripada temu bual mendapati bahawa terdapat banyak isu dan cabaran bersangkutan dengan umur seorang kanak-kanak yang boleh dipertanggungjawabkan dengan jenayah. Kemudian data daripada hasil temu bual yang diperoleh turut dianalisis untuk mengenal pasti usaha yang boleh diambil bagi mengurangkan kadar statistik jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak.

²⁵² Jenis kepakaran akan diletakkan dalam bahagian lampiran kajian.

4.2 Isu dan Cabaran Penetapan Had Umur Kanak-Kanak dalam Undang-Undang Jenayah

Malaysia mengamalkan sistem dwi mahkamah. Hal ini bermaksud, badan kehakiman di Malaysia secara umum terbahagi kepada dua iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Kedua-dua undang-undang sivil dan syariah ini memberikan takrifan yang berbeza dalam penetapan had umur seorang kanak-kanak iaitu 10 sehingga 18 tahun bagi perundangan sivil dan 10 sehingga 16 tahun menurut perundangan syariah. Hal ini secara tidak langsung telah menjadi satu isu yang penting dibahaskan seiring dengan arus pemodenan dan kemampuan kanak-kanak melakukan jenayah.

Semangat ingin mencuba sesuatu yang baru dalam diri seorang kanak-kanak adalah tinggi dan boleh mendatangkan konflik jika tiada pengawasan yang baik daripada masyarakat di sekelilingnya. Hal ini boleh mendorong kepada berlakunya kesalahan jenayah yang tidak diingini. Namun, jenayah sivil di Malaysia memperuntukkan hukuman bagi kanak-kanak yang berumur 10 tahun dan 17 tahun yang sama. Kenyataan ini turut disokong oleh Informan A sebagaimana berkata:

“Itu isunya, kita ada kanak-kanak dan dewasa sahaja. Kita *treat* 17 sama dengan kita *treat* 12. Sad.”²⁵³

Oleh itu penetapan had umur seorang kanak-kanak perlu ditinjau kembali untuk memastikan keadilan kanak-kanak dan kebajikan orang awam terjamin. Segala isu perlu dititikberatkan dengan mempertimbangkan setiap kebaikan dan keburukan yang akan berlaku. Hasil analisis yang dilakukan mendapat terdapat lima isu utama berkenaan dengan penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah iaitu ketidakseragaman had umur pesalah kanak-kanak, ketiadaan peruntukan khas bagi kesalahan syariah oleh pesalah kanak-kanak, percanggahan jenis kesalahan dan bentuk hukuman jenayah sivil dan syariah, limitasi peruntukan jenayah syariah di Malaysia serta

²⁵³ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

kematangan akal kanak-kanak. Isu-isu ini akan dibahaskan dalam subtopik berikutnya. Ketidakseragaman had umur kanak-kanak menurut sistem perundangan di Malaysia dan garisan fiqh Islam turut dilampirkan terlebih dahulu bagi menjelaskan lagi objektif awal yang membawa kepada dapatan objektif ketiga ini.

4.2.1 Ketidakseragaman Had Umur Pesalah Kanak-kanak

Garis panduan yang ditetapkan dalam *Beijing Rules* dan *United Nation* diakui telah menjadi faktor bagi penetapan had umur seorang kanak-kanak di Malaysia dalam undang-undang sivil²⁵⁴ selain peruntukan dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan juga proses perkembangan otak seseorang.²⁵⁵ Kanun Keseksaan turut memperuntukkan bahawa kanak-kanak di bawah usia 10 tahun tidak akan dihukum jika melakukan kesalahan. Manakala mereka yang berumur di antara 10 sehingga 12 tahun tidak boleh dipertanggungjawabkan atas jenayah yang dilakukan jika mereka didapati tidak matang.²⁵⁶

Seterusnya usia 18 tahun menjadi takat had umur bagi seorang kanak-kanak menurut sistem perundangan sivil di Malaysia. Hal ini bermaksud, mana-mana kanak-kanak yang melakukan sebarang tingkah laku jenayah di bawah usia 18 tahun boleh dikenakan hukuman seperti mana yang tertakluk di bawah seksyen 82 dan 83 Kanun Keseksaan serta seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001. Misalnya, kes berkenaan seorang remaja berumur 16 tahun telah dipertuduhkan melakukan kesalahan amang seksual fizikal di bawah seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Pihak mahkamah telah memberi perintah bon berkelakuan baik kepada pesalah.²⁵⁷

²⁵⁴ Semua informan kecuali pegawai daripada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang (JPSP).

²⁵⁵ Informan D, Pegawai Cawangan Rehabilitasi dan Keadilan Kanak-kanak Bahagian Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam temu bual bersama pengkaji pada 8 Mac 2023.

²⁵⁶ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

²⁵⁷ Pendakwa Raya lawan Muhammad Danial Zikri Abdullah (2022) 5 LNS 214.

Seterusnya bagi perundangan syariah, Al-Quran, hadis dan hukum syarak adalah merupakan dasar utama penetapan suatu peruntukan. Dasar perundangan syariah di Malaysia ini telah diperuntukkan dalam seksyen 230 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002:

“(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang tak konsisten itu.

(2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.”

Seterusnya, peruntukan had umur seorang pesalah muda berdasarkan undang-undang jenayah syariah negeri adalah pada usia lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dan ketidakselarasan terhadap had umur kanak-kanak di Malaysia iaitu di antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Kenyataan ini turut diakui oleh pegawai JPSP seperti berikut:

“Syariah sampai 16 tahun je. Ha cuma kalau kita tengok, dia ada ni sikit lah. Bila 16 tahun dia tak sama dengan syariah, eh tak sama dengan sivil, sedangkan sivil dia tak benarkan penjara. Kata lah, 18 tahun, so dia dah 2 lagi tahun kat situ kan. Kalau ikut kena penjara kan. Tapi dekat mahkamah syariah dibenarkan. Ha tu dia konflik sikit lah, dekat situ. Jadi kita jelas dah tadi. Nak kata selari dengan tak selari had umur tu, yang kita nampak dasarnya tak selari lah. 18 dengan 16 kan.”²⁵⁸

Selain itu menurut pensyariatan Islam, *baligh* dijadikan sebagai takat kepada gelaran kanak-kanak. Namun usia *baligh* mempunyai perbezaan pendapat oleh ulama mazhab iaitu usia 15 tahun, 17 tahun, 18 tahun dan 19 tahun. Kebanyakan fuqaha berpegang kepada usia *baligh* 15 tahun, merujuk kepada dalil yang telah dibahaskan dalam Bab 2. Kebanyakan fuqaha menetapkan umur *baligh* seseorang pada usia 15 tahun melihat kepada kesempurnaan akal. Namun Abu Hanifah dan Malik mengatakan 18 tahun dan terdapat satu pandangan berpendapat bahawa usia *baligh* ialah 19 tahun. Selain itu

²⁵⁸ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

terdapat juga pandangan mengatakan bahawa usia *baligh* bagi lelaki ialah 19 tahun dan 17 tahun untuk kanak-kanak perempuan.²⁵⁹

حدثنا ابن السرح، أخبرنا ابن وهب، أخبرني ابن وهب، أخبرني جرير بن حازم، عن سليمان بن مهران، عن أبي طبيان، عن ابن عباس، قال: مر على علي بن أبي طالب رضي الله عنه، بمعنى عثمان، قال: أوما تذكر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ((رفع القلم عن ثلاثة: عن الجنون المغلوب على عقله حتى يفيق، وعن النائم حتى يستيقظ، وعن الصبي حتى يختلم))؟ قال: صدقت، قال: فخلى عنها.

Terjemahan: Diangkat pena pada tiga perkara: Antaranya daripada budak sehingga dia bermimpi.²⁶⁰

Informan C turut menjelaskan faktor penetapan usia *baligh* 18 tahun menurut minoriti mazhab iaitu dengan berpegang kepada hadis di atas. Berbeza dengan majoriti mazhab yang berpandangan bahawa kanak-kanak sudah mencapai kematangan pada usia 15 tahun, mazhab Maliki dan Hanafi lebih berpendapat untuk terus menunggu dan benar-benar yakin tiada tanda *baligh* sehingga usia 18 tahun. Dalam mengutarakan pandangannya, beliau menyatakan:

“Tidak terangkat hukum kanak-kanak tadi lah sehingga dia ni kita yakin bahawa dia memang takda *ihtilam*. Ataupun kita dah putus asa lah nak tunggu dia haid ke..sebab ada orang mungkin dia memang tak haid kan. Yang laki tu *wallahu alam* dalam keadaan fizikal dia kalau tak sihat ke apa. Jadi maksudnya nak tunggu tu sampai tahap yakin, jadi dia lewatkhan lah umur tu 18 tahun. Sebab 15 tahun dia takda lagi. Kalau ikut *jumhur* tadi 15 tahun, dia takda pun. Yang ni tunggu 18 tahun sebab nak tunggu lah biar betul-betul tidak terangkat lagi hukum yang dorang ni terkecualikan hingga lah yakin, memang takda haid. Dah putus asa memang takda dah, baru lah terangkat hukum yang tadi. Tidak boleh hukum terus selepas 15 tahun, jadi tunggu dulu. Yang ni pandangan

²⁵⁹ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

²⁶⁰ Ab D d Sulaim n Ibnu al-Asy'at as-Sijist n al-Azz , “ unan Ab D d,” 140 (no. hadith 4401). Lafaz Hadith yang dinukilkan adalah menurut Abi Daud.

kedua lah. Jadi dia amik “sehingga dia bermimpi”. Jadi 15 tahun belum mimpi lagi, tunggu dulu.”²⁶¹

Jika ditelusuri keselarian had umur kanak-kanak bagi undang-undang sivil iaitu 18 tahun dengan syariat Islam yang menetapkan usia *baligh* sebagai had umur kanak-kanak, usia 18 tahun sudah selari dengan pensyariatan Islam di mana khilaf para ulama juga dianggap sebagai suatu rahmat. Perkara tersebut dinyatakan seperti berikut:

“Tapi kalau pandangan ana, ana rasa khilaf para fuqaha ini adalah satu rahmah, sebenarnya. Jadi kita boleh ambik umur 15 atau boleh jugak kita ambik umur 18 atau 19. Jadi pada pandangan ana, selari.”²⁶²

Di samping itu, informan turut berpandangan bahawa keselarian ini boleh dinilai mengikut tahap kematangan seorang kanak-kanak. Malah penetapan had umur kanak-kanak dilihat pada kematangan dan keupayaan seorang kanak-kanak dalam menanggung tanggungjawab jenayah. Kedua-dua sistem perundangan sivil dan syariah di Malaysia juga mempunyai persamaan dalam meletakkan pengecualian daripada tanggungjawab jenayah apabila seseorang itu tidak mempunyai daya fikir.

Kemudian tiga asas tanggungjawab jenayah dalam Islam ialah pelaku melakukan jenayah, pelaku mestilah seorang yang *mudrik* iaitu memiliki daya fikir yang baik dan jenayah yang dilakukan adalah di atas pilihan sendiri tanpa sebarang unsur paksaan. Kemampuan daya fikir ini turut dibahaskan dalam surah An-Nisa ayat 6:

وَابْتُلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آتَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوهُ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تُأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ يَكْبُرُوا وَمَنْ كَانَ عَيْنًا فَلِيَسْتَعْفِفْنَ فَوَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيُأْكُلْنَ بِالْمَعْرُوفِ هَذِهِ دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ هَذِهِ بِاللهِ حَسِيبًا

(An-Nisa 4: 6)

²⁶¹ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

²⁶² Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

Terjemahan: Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum *baligh*) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan).

Had umur yang dimaksudkan di dalam ayat ini bukan melibatkan hal jenayah sahaja tetapi juga diguna pakai dalam hal usul fiqh berkenaan keadaan seseorang memiliki *ahliyyatul ada'* iaitu dianggap layak untuk dipertanggungjawabkan. *Baligh* dan berakal menjadi pertimbangan utama dalam menentukan kelayakan seseorang menanggung taklifan.

Seterusnya melihat kepada seksyen 83 Kanun Keseksaan, kanak-kanak berusia 10 tahun sehingga 12 tahun hanya akan dihukum apabila terbukti bahawa mereka sudah cukup matang dan faham keadaan akibat daripada perbuatan yang dilakukan. Kefahaman pesalah bukan dilihat kepada pengetahuan pesalah terhadap hukuman yang akan diterima tetapi kefahaman terhadap akibat terjadinya suatu perbuatan kesalahan. Selari dengan pensyariatan Islam, seseorang yang sudah *baligh* hanya akan dihukum jika beliau tetap melakukan suatu jenayah yang sudah jelas diketahui dan difahami pengharamannya. Kesempurnaan daya kognitif si pelaku akan dinilai sebaiknya oleh pihak-pihak yang

berkaitan seperti pihak perubatan dan pakar kanak-kanak yang akan mengemukakan bukti sains.²⁶³

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa keempat-empat informan memberi pendapat yang berbeza terhadap kefahaman berkenaan konsep penetapan had umur seorang kanak-kanak di Malaysia. Syariah Islam menjadikan *baligh* atau had umur seawal 15 tahun sebagai umur maksimum seorang kanak-kanak. Manakala undang-undang sivil memperuntukkan usia kanak-kanak di bawah 18 tahun dan undang-undang syariah meletakkan had umur maksimum 16 tahun. Ketidakseragaman had umur kanak-kanak ini perlu dikaji dengan teliti.

4.2.2 Ketiadaan Peruntukan Khas bagi Kesalahan Syariah oleh Pesalah Kanak-kanak

Kanak-kanak yang melakukan jenayah sivil seperti mencuri adalah tertakluk di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Berbeza dengan perundangan sivil, undang-undang syariah negeri-negeri tidak mempunyai sebarang pengasingan peruntukan khas terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pesalah kanak-kanak. Kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang melakukan jenayah sivil mempunyai pengecualian ketika perbicaraan. Mereka akan dibicarakan di Mahkamah Bagi Kanak-kanak dengan konsep tertutup iaitu orang awam tidak dibenarkan untuk masuk atau diadili di Mahkamah Tinggi dengan menggunakan prosedur sepertimana di Mahkamah Bagi Kanak-kanak.²⁶⁴ Perintah yang diberikan oleh pihak mahkamah juga adalah berdasarkan kepada peruntukan khas di bawah Seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001, berbeza dengan pesalah dewasa.

Namun yang demikian, pesalah muda bagi jenayah syariah tidak mempunyai peruntukan khas seperti di peringkat sivil selain definisi pesalah muda dan bentuk

²⁶³ Ibid.

²⁶⁴ Mahaizura Abd Malik, “Tidak Boleh Dihukum Mati”, portal rasmi Harian Metro, diakses pada 4 Julai 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/264627/tidak-boleh-dihukum-mati>

hukuman. Kanak-kanak akan dipertuduh seperti pesalah dewasa dengan tempat perbicaraan terbuka. Tiada perbezaan atau pengecualian diberikan kepada kanak-kanak selain terdapat hanya satu peruntukan bagi bentuk hukuman iaitu kanak-kanak tidak boleh dipenjarakan.

“(1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemenjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan-

- (a) memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau
- (b) memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahnya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130(a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.

(2) Mahkamah yang di hadapannya seorang pesalah muda disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti menghukum pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mengenakan ke atas ibu atau bapa atau penjaganya denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit dalam mana-mana kes yang Mahkamah itu, selepas siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu telah, dengan sebab mereka cuai dalam menjaganya dengan sepatutnya atau selainnya, menyumbang kepada salah laku pesalah itu:

Dengan syarat bahawa tiada ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tanpa dia diberi peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan untuk membela dirinya.”²⁶⁵

²⁶⁵ Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 128 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pahang), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2006 (Perlis), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Sabah), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Sarawak), Seksyen 129 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 dan Seksyen 132 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Menurut Informan B, pesalah muda kanak-kanak bagi jenayah syariah tertakluk kepada bentuk kesalahan dan dibicarakan seperti pesalah dewasa di mahkamah terbuka. Perbezaan bagi pesalah kanak-kanak dan pesalah dewasa hanya kanak-kanak tidak boleh diberi perintah penjara dan perlu diganti dengan perintah lain. Informan B dalam mengutarakan pandangannya turut menyatakan:

“Denda tidak lebih 5000 ringgit, penjara tidak lebih tiga tahun, 6 kali sebatan. Jadi di situ, dia pemenjaraan tu je..contoh dia kena denda, gagal bayar, berapa bulan penjara tu kan. Penjara tu tak boleh untuk pesalah muda tu. Ha kat sini dia kena tukar. Untuk denda dengan penjara tu kan? Dia kalau ada penjara tu dia kena tukar kepada jika gagal bayar, atau gini gini, haa boleh? Dia kata dengan hukuman denda atau pemenjaraan, hendaklah gantikan tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan tu.”²⁶⁶

Walaupun begitu, hal ini menunjukkan bahawa pesalah kanak-kanak telah diberi sedikit peringangan dalam aspek bentuk hukuman. Bagi jenayah sivil, kanak-kanak turut diberi pengecualian seperti hukuman pemenjaraan yang tidak panjang dan tidak bercampur dengan pesalah dewasa²⁶⁷. Hukuman perlu berbentuk didikan dan ke arah rehabilitasi. Informan A dalam temu bual telah mengatakan:

“Kalau hukum tu, *I think* sebab macam satu dunia pun sekarang tengah ke arah rehabilitation *instead of* menghukum sebab dia macam kalau tengok dalam *sentencing*, maksudnya dalam menjatuhkan hukuman, *judge* akan tengok 4 *factor*. Sama ada untuk membalaik balik hukuman tu kalau dia *involve two parties*, atau menghukum, mendidik atau membaikpulih orang tu.”²⁶⁸

Selain itu, konsep “*innocent until proven guilty*” turut diaplikasikan dalam kesemua pertuduhan sama ada jenayah ringan maupun jenayah berat.²⁶⁹ Malah, istilah dihukum juga tidak boleh diaplikasikan kepada pesalah kanak-kanak tetapi digunakan

²⁶⁶ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

²⁶⁷ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

²⁶⁸ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

²⁶⁹ Bernama, “Pesalah Juvana: Pelbagai Punca Jadi Pencetus, Pertimbang Hukuman Wajar”, laman sesawang Astro Awani, diakses pada 2 Jun 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesalah-juvana-pelbagai-punca-jadi-pencetus-pertimbang-hukuman-wajar-396735>

istilah diperintahkan di mahkamah.²⁷⁰ Pesalah kanak-kanak tidak boleh dipanggil orang kena tuduh (OKT) ketika perbicaraan dan sebarang jenayah yang dilakukan tidak dikira sebagai rekod jenayah seperti pesalah dewasa.²⁷¹


Seterusnya, melalui pengumpulan data yang dijalankan, didapati bahawa kes jenayah yang melibatkan pesalah dalam kalangan kanak-kanak masih berlaku walaupun undang-undang bagi perintah hukuman telah dikuat kuasakan. Dalam usaha bagi mengurangkan kadar statistik kanak-kanak yang melakukan jenayah, pihak berkuasa seperti Jabatan Pendakwaan Syariah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) giat berusaha membuat pantauan dan pengawasan terhadap pesalah kanak-kanak. Jenayah melibatkan kanak-kanak perlu ditangani secara komprehensif agar pesalah tidak terus terpesong seterusnya mampu untuk kembali dalam masyarakat. Kemudian segala prosedur dalam pengurusan kes adalah berpandukan kepada dasar tertentu seperti dasar kanak-kanak negara, Akta Kanak-kanak 2001 serta peraturan dan panduan yang telah digariskan dalam organisasi kebajikan tersebut.

Seperti yang sudah dibahaskan, proses pengendalian pesalah kanak-kanak yang melakukan jenayah syariah adalah sama seperti pesalah dewasa. Bagi peringkat sivil, pihak JKM akan membuat laporan akhlak demi menjaga kemaslahatan kanak-kanak. Berikut dilampirkan rajah yang menunjukkan ringkasan bagi proses pengendalian pesalah kanak-kanak bagi kes melibatkan penangkapan dalam peringkat syariah dan sivil.

²⁷⁰ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023 dan Informan D, Pegawai Cawangan Rehabilitasi dan Keadilan Kanak-kanak Bahagian Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam temu bual bersama pengkaji pada 8 Mac 2023.

²⁷¹ Harian Metro, “Tidak boleh dihukum mati”, portal rasmi Harian Metro, diakses pada 4 Julai 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/264627/tidak-boleh-dihukum-mati>

Rajah 4.2.2.1: Ringkasan Prosedur Pengendalian Pesalah Kanak-kanak di Peringkat Syariah dan Sivil



Sumber: Ilustrasi pengkaji berdasarkan dapatan temu bual

Walaupun kedua-dua jenayah sivil dan syariah dilakukan oleh golongan yang sama iaitu kanak-kanak, namun di peringkat sivil pihak JKM perlu menyelidik diri dan kehidupan kanak-kanak dengan amat terperinci. Merujuk kepada rajah di atas, laporan akhlak perlu disediakan oleh pihak JKM bagi setiap kes jenayah sivil melibatkan pesalah kanak-kanak di mana mereka akan meninjau empat aspek utama sebagai panduan pihak mahkamah membuat perintah. Pertama; aspek biologi tubuh badan kanak-kanak. Kedua; aspek psikologi iaitu kesihatan emosi dan mental mereka. Ketiga; aspek sosial kanak-kanak ditinjau kepada perhubungan mereka dengan sistem persekitaran seperti keluarga, jiran dan rakan-rakan di sekolah. Keempat; aspek kerohanian dan didikan amalan agama kanak-kanak. Kemudian, penilaian risiko akan dibuat untuk menentukan kesalahan ringan dan kesalahan berat. Hal ini bagi memudahkan pegawai akhlak untuk menumpukan masa yang lebih kepada kes yang berat.

Selain itu, penilaian keperluan juga perlu dibuat dengan mengenal pasti keperluan kanak-kanak sama ada mereka memerlukan pemulihan, penjagaan daripada keluarga, program atau pendidikan yang bersesuaian. Bagi kesalahan ringan, pihak mahkamah kebiasaannya akan menggunakan konsep pemulihan berasaskan keluarga. Kanak-kanak yang melakukan kesalahan serius akan dihantar ke sekolah diluluskan atau sekolah Henry Gurney manakala bagi kesalahan berat, mereka juga boleh dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Jika berlaku pelanjutan hukuman bagi kesalahan berat, mereka boleh dimasukkan ke penjara. Kemudian jika berlaku sebarang ketidakpatuhan ketika berada di bawah penjagaan JKM, perintah yang lebih berat boleh dikenakan. Sebagai contoh, jika kanak-kanak hanya diberi pengawasan oleh pegawai akhlak, kes seterusnya boleh diperintah untuk masuk ke institusi sekolah yang diluluskan seperti Sekolah Tunas Bakti.²⁷²

²⁷² Informan D, Pegawai Cawangan Rehabilitasi dan Keadilan Kanak-kanak Bahagian Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam temu bual bersama pengkaji pada 8 Mac 2023.

Rajah di atas jelas membuktikan bahawa terdapat perbezaan bagi proses pengendalian pesalah kanak-kanak di peringkat syariah dan sivil. Kedua-dua proses pengendalian jenayah sivil dan syariah memperuntukkan pihak berkuasa untuk menyediakan laporan menyeluruh berkenaan pesalah itu sendiri serta jenis jenayah yang telah dilakukan. Namun bagi proses pengendalian jenayah syariah, dapat dilihat bahawa pesalah kanak-kanak tidak mempunyai sebarang pengecualian atau peruntukan yang berbeza daripada pesalah dewasa. Berbeza dengan jenayah sivil, kanak-kanak akan didakwa seperti yang telah diperuntukkan dalam undang-undang khas kanak-kanak iaitu Akta Kanak-kanak 2001.

Maka dapat disimpulkan bahawa isu perbezaan di antara undang-undang sivil dan syariah di Malaysia berisiko mewujudkan lakuna dalam sistem perundangan. Tiada peruntukan khas bagi proses perbicaraan, pendakwaan dan bentuk hukuman terhadap kesalahan syariah oleh pesalah kanak-kanak seperti di mahkamah sivil. Pesalah muda bagi jenayah syariah dilayan sama seperti pesalah dewasa dan hal ini boleh memberi ketidakadilan kepada pesalah itu sendiri. Isu ini perlu dititikberatkan oleh pihak kerajaan bagi memelihara kesejahteraan seorang kanak-kanak.

4.2.3 Percanggahan Jenis Kesalahan dan Bentuk Hukuman Jenayah Sivil dan Syariah

Sistem perundangan syariah negeri-negeri adalah merangkumi kes berkaitan hukum syarak dan adat orang Melayu. Badan Perundangan Negeri mempunyai hak dan kuasa untuk membuat undang-undang terhadap hal yang terkandung dalam Senarai Kedua dan Senarai Bersama Jadual Kesembilan.²⁷³ Hal ini bermaksud mahkamah negeri-negeri hanya boleh mengadili dua aspek kes ini. Manakala bidang kuasa persekutuan pula adalah kes-kes selain isu hukum syarak dan adat seperti membunuh dan merogol.

²⁷³ Perkara 74 Perlumbagaan Persekutuan.

Namun yang demikian, timbul isu apabila sesebuah kesalahan itu bertindan di antara bidang kuasa syariah dan sivil atau turut digelar “*double jeopardy*”. Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan, seorang pesalah tidak boleh dibicarakan semula atas kesalahan yang sama. Oleh itu pendakwaan dan pensabitan kes hanya boleh berlaku dalam satu badan perundangan iaitu mahkamah sivil atau mahkamah syariah. Isu ini boleh memberi implikasi terhadap kesahan peruntukan kedua-dua bidang kuasa tersebut. Sebagai contoh, kesalahan melibatkan perlakuan seks di luar *tabi'i* berada di bawah Kanun Jenayah Syariah dan hukuman bagi kesalahan ta'zir ini ditentukan oleh mahkamah syariah negeri-negeri. Namun kes terbaru melibatkan seorang lelaki telah didakwa di mahkamah syariah atas kesalahan meliwat. Beliau kemudiannya mencabar peruntukan negeri di Mahkamah Persekutuan atas alasan kesalahan tersebut turut termaktub dalam Kanun Keseksaan.²⁷⁴

Selain itu, keadaan di mana seorang lelaki dan seorang perempuan yang bukan *mahram* melakukan persetubuhan akan dikategorikan sebagai kesalahan zina atau persetubuhan di luar nikah dalam undang-undang syariah. Jika kedua-dua pihak terbukti bersalah, pihak mahkamah syariah boleh menjatuhkan hukuman ke atas mereka. Kemudian bagi perundangan sivil, kesalahan ini dianggap sebagai jenayah rogol apabila lelaki dan perempuan bukan *mahram* yang masih bergelar kanak-kanak melakukan persetubuhan. Oleh itu, hanya pesalah lelaki yang akan diberi perintah hukuman. Walaupun perbuatan tersebut dilakukan atas persetujuan kedua-dua belah pihak, kes tersebut tetap dikategorikan sebagai jenayah rogol.²⁷⁵ Hal ini kerana seorang kanak-kanak di bawah 18 tahun tidak layak dan tiada hak kuasa untuk memberi pendapat dalam sesebuah kontrak. Informan A berpandangan bahawa:

“Kadang-kadang bukan rogol. Tapi suka sama suka, tapi sebab kita punya undang- undang kata kalau budak bawah umur dia terus jadi rogol. So kesian lah jugak. Itu pun ada isu jugak. NGO tengah *it's..dia*

²⁷⁴ Iki Putra Mubarok v. Kerajaan Negeri Selangor & Anor (2021) 3 CLJ.

²⁷⁵ Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 375 (g) Kanun Keseksaan.

panggil *sweetheart defense*. Maksudnya *defense* lelaki tu adalah dia adalah *sweetheart* saya. Kita suka sama suka, *consent to do it*. Tapi yelah macam kita belajar, orang..apa..*below 18* tak mampu bagi *consent* kan. Dari undang-undang dia tak boleh, dia tak mampu bagi *consent*. Dia takda power untuk bagi *consent*. Dia tak boleh *entitled to contract, anyone below 18*.²⁷⁶

Penentuan bidang kuasa mahkamah ini ditentukan oleh pihak berkuasa yang telah membuat tangkapan. Isu ini jelas menunjukkan kepincangan dalam sistem perundangan negara. Had umur maksimum yang diperuntukkan bagi seorang kanak-kanak terhadap jenayah persetubuhan adalah sama iaitu 16 tahun. Namun, jika kesalahan disabitkan di mahkamah syariah, kedua-dua pihak dianggap bersalah. Manakala jika kes diadili di mahkamah sivil, perbuatan tersebut dianggap jenayah rogol dan hanya pesalah lelaki yang akan menerima hukuman. Walaupun peruntukan umur adalah sama, namun penentuan jenayah dan hukuman adalah berbeza.

Kemudian jika terdapat kes “*double jeopardy*” sebegini, kebiasaannya pihak mahkamah syariah akan mengundurkan diri seterusnya mengkaji isu kesalahan tersebut sama ada peruntukan undang-undang kesalahan tersebut perlu dimansuhkan atau dipinda semula.²⁷⁷ Peruntukan undang-undang syariah yang bertindan dengan undang-undang sivil akan diadili mengikut prosedur sivil. Contohnya kes seorang penghibur yang melanggar peraturan tidak rasmi atau etika seorang penghibur iaitu untuk tidak menyentuh isu kaum, agama dan institusi diraja (*3R race, religion, and royalty*). Beliau telah membuka tudung dan baju kurung ketika persempahan selepas memperkenalkan diri sebagai seseorang yang menghafal 15 juzuk al-Quran. Kes tersebut berkaitan dengan agama seseorang namun dibicarakan mengikut prosedur undang-undang sivil.²⁷⁸

Informan B mengatakan:

²⁷⁶ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

²⁷⁷ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

²⁷⁸ Hidir Reduan Abdul Rashid, *Saksi: Siti Nuramira Langgar ‘3R’ Ketika Buat Persembahan*, portal rasmi Malaysia Kini, diakses pada 5 Julai 2023, <https://www.malaysiakini.com/news/659334>

“Sekarang ni kita ada masalah..orang kata macam kesalahan bertindan dengan sivil so mana..*double jeopardy* orang panggil kan. *Double jeopardy*. Kita akan mengundur lah. Biasanya yang syariah ni kita takleh berlawan dengan Wilayah Persekutuan. So mana kita nampak *double jeopardy*, biasanya kita akan *hold* benda tu akan masuk pada peringkat undang-undang untuk di..sama ada dikaji balik ataupun dimansuhkan ataupun dipinda. Ha tengoklah mana yang sesuai pada.. Ha contoh kalau kita tengok kesalahan yang berlaku baru-baru ini di Wilayah Persekutuan iaitu menghina agama. Yang *stand up comedy* tiba-tiba dia boleh tanggal baju. Pendakwaan tak buat. Wilayah keluar statement kan. Itu kata, bertindan dengan aa sivil punya. Jadi, kita banyak benda kita kena kaji balik lah dari segi undang-undang.”²⁷⁹

Oleh itu, percanggahan dari segi kesalahan ini boleh mendorong kepada ketidakadilan dalam sistem perundangan dan prosedur penghakiman di Malaysia. Masa depan seorang kanak-kanak juga boleh terjejas di mana hukuman yang diberikan adalah berbeza di antara undang-undang sivil dan syariah. Justeru isu ini perlu dikaji semula kerana kesalahan bertindan boleh mendorong pesalah untuk mengambil kesempatan dalam pemilihan bidang kuasa mahkamah²⁸⁰ seterusnya menimbulkan kecelaruan dalam kalangan masyarakat awam.

4.2.4 Limitasi Peruntukan Jenayah Syariah di Malaysia

Sistem perundangan di Malaysia secara umumnya terbahagi kepada dua iaitu undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Perundangan yang berbeza ini mengguna pakai sistem prosedur dan peruntukan yang berbeza mengikut bidang kuasa mereka yang berlainanan. Berikut merupakan beberapa isu yang timbul seiring dengan perbezaan kedua-dua sistem perundangan ini:

(a) Hukuman Maksimum Mahkamah Syariah

Setiap kesalahan jenayah syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Hal ini bermaksud setiap negeri berkuasa untuk menetapkan peruntukan undang-undang

²⁷⁹ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

²⁸⁰ Luqman Arif Abdul Karim, “Penjara Khas Untuk Pesalah Syariah”, portal rasmi Berita Harian, diakses pada 5 Julai 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/03/261100/penjara-khas-untuk-pesalah-syariah>

sendiri. Perkara ini secara tidak langsung telah mewujudkan ketidakseragaman dalam peruntukan jenayah syariah negeri-negeri.

Walau bagaimanapun hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman lebih daripada perkara yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 2 Akta 355 iaitu denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau 6 kali sebatan atau mana-mana kombinasi tersebut. Takat hukuman yang terhad ini dikukuhkan lagi dengan pandangan daripada Siti Zubaidah²⁸¹ yang berpandangan bahawa takat ini telah digunakan selama hampir 39 tahun yang lalu berdasarkan Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1984. Di Mahkamah Rendah Negeri Pahang contohnya, hukuman maksimum yang ditetapkan adalah RM3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Walaupun hukuman ini jelas kurang berbanding dengan hukuman jenayah sivil, hukuman maksimum jarang diberikan kepada pesalah.²⁸² Sebagai contoh, kes melibatkan seorang bapa saudara yang berkhalwat bersama anak saudaranya. Kedua-dua pesalah tinggal sebumbung dan tidak menunjukkan penyesalan di atas perlakuan tersebut. Pesalah lelaki telah didenda penjara satu tahun manakala pesalah perempuan dihukum denda RM3000 atau penjara selama satu tahun jika gagal membayar denda.²⁸³

(b) Hukuman Sebatan

Selain itu, salah satu hukuman yang diperuntukkan untuk pesalah jenayah syariah adalah sebatan. Hukuman sebatan yang dilakukan di mahkamah syariah dianggap sebagai sebatan ringan seperti merotan kerana hanya pergelangan tangan yang dibenarkan melibas dan tidak boleh mengangkat tangan.²⁸⁴ Namun yang demikian, beberapa isu timbul apabila hakim menjatuhkan hukuman sebatan seperti kes Kartika Sari Dewi

²⁸¹ Siti Zubaidah Ismail, *Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah*, Shariah Law Report, 2011, xxv.

²⁸² Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

²⁸³ Pendakwa Syarie lawan Jalil Embong & Satu Lagi (2005) 1 CLJ (SYA) 63.

²⁸⁴ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

Shukarno yang didapati bersalah atas kesalahan meminum arak. Sebatan tersebut walau bagaimanapun telah diringankan dan diganti dengan hukuman khidmat masyarakat setelah diperkenan oleh Sultan Pahang.²⁸⁵ Selain itu, sekiranya seorang penjawat awam didapati menerima hukuman sebatan atau penjara, individu tersebut perlu diberhentikan kerja kerana melibatkan salah laku tatatertib. Informan C dalam temu bual telah memberi pandangan:

“Tapi biasanya hakim pun tak jatuhkan hukuman sebat. Jarang sangat lah. Jarang lah hakim pilih hukuman sebat padahal sebat tu tak ni sangat pun. Sebatan dia pun bukan sebatan yang kuat. Pastu kalau nak jatuhkan penjara pun, sebenarnya kesian jugak dekat pesalah tu. Kalau kesalahan dia adalah kesalahan yang melibatkan moral. Sebab kalau dia dah masuk penjara, kalau dia penjawat awam, dia akan dibuang kerja tau. Ha dari segi tatatertib tu. Jadi kalau hakim..contohnya kesalahan dia macam tu kan. Tidak mendaftar nikah..selalunya kan jenayah-jenayah syariah macam tu. Jadi, biasanya akan dikenakan denda. Sebab kalau kita ambik hukuman penjara, siapa yang penjawat awam, walaupun dia masuk penjara satu hari, dia akan dilucutkan jawatan.”²⁸⁶

Manakala di mahkamah sivil, dua jenis sebatan digunakan iaitu sebatan berat dan sebatan ringan. Seperti dalam surah An-Nisa ayat 34, hukuman ini terdapat di dalam syariat Islam dan bertujuan untuk memberi pengajaran kepada umat Islam, bukan semata-mata untuk menghukum atau mencederakan seseorang.

Jelas terlihat perbezaan di antara hukuman sebatan bagi mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Malah 100 kali sebatan syariah masih belum dapat setanding dengan 1 kali sebatan sivil. Ukur lilit rotan yang digunakan dalam sebatan syariah juga lebih kecil berbanding sivil. Seterusnya, bagi sebatan syariah, pesalah perlu memakai pakaian serta menutupi anggota badan yang akan disebat. Bagi sebatan sivil, pesalah perlu membiarkan anggota badan yang akan disebat terdedah.²⁸⁷ Tukang sebat tidak boleh mengangkat tangan terlalu tinggi sehingga menghasilkan kecederaan yang parah justeru sebatan yang

²⁸⁵ Pendakwa Syarie Pahang v. Kartika Sari Dewi Shukarno (2010) 1 CLJ (Sya).

²⁸⁶ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

²⁸⁷ Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), “Sebatan dalam Islam”, diakses pada 6 Julai 2023, <https://www.mais.gov.my/sebatan-dalam-islam/>

dilakukan hanya perlu mendatangkan kesakitan kepada pesalah agar tujuan pengajaran dapat dicapai.²⁸⁸

(c) Peruntukan Terhad di Mahkamah Syariah

Bidang kuasa di mahkamah syariah adalah kes-kes berkenaan dengan agama Islam dan adat resam Melayu. Mana-mana kesalahan jenayah yang berkenaan akan dihukum berdasarkan akta, enakmen atau ordinan syariah negeri masing-masing. Malah, beberapa jenis kesalahan jenayah juga mempunyai isu bertindan dengan mahkamah sivil seperti yang telah dibahaskan. Peruntukan undang-undang syariah adalah sangat terhad seperti yang diakui oleh Informan B:

“Terhad. Sangat terhad. Kita sikit je. Kita lebih kepada tatasusila, hukum syarak.”²⁸⁹

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa isu-isu ini telah menjadi cabaran dalam insitusi perundangan di Malaysia. Ketiga-tiga isu ini perlu ditelesuri memandangkan hal tersebut turut bersangkutan dengan kanak-kanak. Sebagai contoh, pesalah muda yang melakukan jenayah syariah juga boleh diperintahkan hukuman sebatan jika relevan. Justeru keraguan dalam isu penjatuhan hukuman ini harus dielakkan.

Beberapa usaha perubahan perlu dibuat untuk memastikan segala proses penghakiman berjalan dengan lancar bagi menjamin keamanan sesebuah negara. Contohnya, cadangan penambahbaikan aspek hukuman jenayah syariah iaitu diperluas kepada bentuk hukuman alternatif seperti pelaksanaan kerja sosial perlu diteruskan.²⁹⁰ Selain itu, peruntukan di mahkamah syariah juga harus ditambah dan lebih meluas seperti

²⁸⁸ Ashraf Md. Hashim, *Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat di dalam Islam*, Jurnal Syariah Universiti Malaya, Vol 8 No 2, 2000, 4-5.

²⁸⁹ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

²⁹⁰ Zanariah Abd Mutualib, “Hukuman Kesalahan Syariah Tidak Lagi Terikat Denda, Penjara”, portal rasmi Berita Harian, diakses pada 6 Julai 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1105798/hukuman-kesalahan-syariah-tidak-lagi-terikat-denda-penjara>

kewujudan undang-undang keluarga bagi kesalahan matrimoni yang diwujudkan bagi membanteras isu pernikahan tanpa kebenaran.²⁹¹

4.2.5 Kematangan Akal Kanak-kanak

Had umur kanak-kanak dalam undang-undang sivil iaitu di bawah usia 18 tahun terbukti berbeza dengan peruntukan dalam undang-undang syariah, di antara 10 tahun sehingga kurang daripada 16 tahun. Justeru, salah satu faktor penetapan had umur ini adalah dengan menilai kematangan diri seseorang, sama ada kanak-kanak tersebut sudah mampu atau tidak untuk memahami kesan akibat daripada perbuatannya seterusnya boleh dipertanggungjawabkan untuk diberi perintah hukuman. Walau bagaimanapun, kematangan akal seseorang berada di luar kemampuan seorang manusia untuk dinilai dengan tepat kerana kematangan ini berbeza bagi setiap individu atas faktor yang juga berbeza.²⁹² Unsur *al-rashd* iaitu daya fikir dari segi kognitif adalah berlainan di antara satu sama lain dan boleh dipengaruhi oleh faktor luaran seperti perkembangan mental dan fizikal, pemakanan serta gaya hidup seseorang.²⁹³

Berikutnya dengan peruntukan umur jenayah sivil 18 tahun yang lebih tinggi apabila dibandingkan dengan peruntukan dalam enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri, statistik jenayah juga menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih ramai melakukan jenayah sivil seperti mencuri dan membunuh berbanding dengan kesalahan jenayah syariah. Namun hakikatnya kebanyakkan kanak-kanak tidak mengetahui peruntukan umur yang ditetapkan dalam undang-undang jenayah ini. Para informan dalam mengutarakan pandangan mereka menyatakan bahawa:

“Sejujurnya kita rasa kanak-kanak tak tahu pun had umur 18 tahun. Sebab kalau kita tanya diaorang, kalau tanya budak form 5, form 4,

²⁹¹ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

²⁹² Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, Jurnal 24 KANUN (1) (2012), 16.

²⁹³ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

tanya dia *you rasa you kanak-kanak lagi tak?* Tak. *I* remaja. Sebab kita punya undang-undang takda kanak-kanak, remaja, dewasa. Kita kanak-kanak, dewasa. So *legal obligation, rights*, semua pun *are seated to that. Most kids*, kalau *you* tanya, dorang tak tahu pun had umur jenayah yang 10 tu ke, 12 tak tahu. Cuma sekarang ni dorang tahu, oh 18 dah boleh mengundi. Sebab itu kita war-warkan, kerajaan war-warkan.”²⁹⁴

“Ana rasa kanak-kanak yang melakukan kesalahan dia pun tak tahu “oh saya bawah ni saya tak boleh disabitkan”. Masa dia nak buat jenayah tu. Bukan disebabkan dia umur dia, dia rasa, “oh saya ada pengecualian khas. Jadi saya boleh lah buat jenayah”. Bukan. Jadi dia buat jenayah tu sebab mungkin dia takda pendidikan, dia tidak tercegah daripada melakukan jenayah tersebut.”²⁹⁵

Manakala Informan D pula berpandangan bahawa otak seseorang masih berada dalam fasa perkembangan. Tambahan pula, asas pembelajaran bagi institusi pendidikan di Malaysia adalah sehingga umur 17 tahun. Beliau menyatakan sebagaimana petikan berikut:

“Saya rasa dari segi had umur tu lah, kenapa dipilih di bawah 18 tahun tu, mungkin salah satu faktornya perkembangan otak tu lah. Itu saya rasa itu lah salah satu sebab. Saya rasa sesuai dah kot 18 tahun tu. Di mana kalau kita tengok dari segi pendidikan yang asas, sehingga tingkatan 5 pun 17 kan. Makna 18 tu sama ada masuk ke IPT ataupun masuk ke sekolah menengah Tingkatan 6 lah kan. Itu dari segi persekolahan lah. Perkembangan otak tu 18 tu dia dah proses perkembangan otak untuk menjadi matang sehingga 21. Jadi di bawah 18 tahun tu otak tak cukup matang lagi. Mungkin itu salah satu sebab kenapa dari segi *universal* kanak-kanak itu didefinisikan di bawah 18 tahun. Kemudian dari segi, mungkin satu sebab remaja tidak berasa gerun tu rasa bukannya faktor umur. Orang dewasa pun melakukan jenayah jugak. Kadang-kadang kanak-kanak tak sedar dia buat jenayah.”²⁹⁶

Kematangan yang dilihat pada diri seseorang yang berumur di bawah 18 tahun hanyalah kerana mereka mempunyai akses yang meluas tanpa terhad dalam melayari internet, maka banyak pendedahan negatif yang mereka terima pada usia muda. Berdasarkan penyataan oleh Informan D berkenaan konsep kematangan ini, beliau

²⁹⁴ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

²⁹⁵ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

²⁹⁶ Informan D, Pegawai Cawangan Rehabilitasi dan Keadilan Kanak-kanak Bahagian Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam temu bual bersama pengkaji pada 8 Mac 2023.

mempunyai pandangan yang sama seperti Informan A, yang menyatakan bahawa kanak-kanak masih belum cukup matang untuk membezakan perkara baik dan buruk. Kanak-kanak kurang menerima pendedahan berkenaan info penting dalam Akta Kanak-kanak 2001 seperti peruntukan had umur 18 tahun. Tindakan kanak-kanak yang melakukan jenayah dianggap dilakukan secara membuta-tuli atau hanya sekadar ingin mencuba, tanpa mengetahui kesan yang boleh berlaku.

Selain itu, Informan C berpandangan bahawa kanak-kanak yang sudah terjebak dengan perbuatan jenayah perlu dibantu dari awal. Pihak kerajaan harus mengambil langkah awal iaitu menguruskan kanak-kanak yang tidak terkawal²⁹⁷ sebelum mereka menjadi juvana. Jika had umur direndahkan, lebih tinggi potensi kanak-kanak untuk dimasukkan ke penjara. Hal ini boleh mendatangkan kemudaratan yang banyak berbanding kebaikan di mana kanak-kanak akan lebih terdedah dengan dunia luar. Tambahan daripada Informan C, had umur kanak-kanak ini adalah bersesuaian dan tidak perlu direndahkan dengan melihat kepada sandaran fiqh yang turut meletakkan had umur 18 tahun sebagai istilah *baligh*.

“Ada pandangan *fuqaha*’. Walaupun mungkin bukan pandangan majoriti. Majoriti *fuqaha*’nya 15. Tapi ini ada pandangan *fuqaha*’ jugak. Tak salah kalau kita amik 18 tu, kita ikut konteks. Ha konteks semasa. Maksudnya kalau lah umur dia, dia melakukan perbuatan umur 17, dia kena hukuman mati, kita rendahkan had umur lah kan. Kadang-kadang kita rasa, “eh budak ni dia tahu tak apa dia buat”. Mungkin lah dia tahu dia bunuh kawan dia kan contohnya. Tapi dia faham tak. Dia ni matang tak. Effect dia kalau dia boleh kena hukuman tu. Maksudnya takda peluang kedua lah. Dalam konteks hukuman mati lah. Ataupun kalau umur macam tu, dia dikenakan hukuman sama macam orang dewasa. Ok masuk penjara.”²⁹⁸

Usaha lain yang boleh dilakukan bagi menangani kesalahan jenayah oleh kanak-kanak adalah dengan memastikan bahawa kanak-kanak mengetahui had umur dan bentuk

²⁹⁷ Tiada definisi khusus diberikan dalam Akta Kanak-kanak 2001. JKM merujuk istilah ini sebagai tingkah laku yang boleh mendorong kepada bahaya jenayah atau bahaya moral. Dirujuk daripada S.N. Aishah S.N. Mohamad, *Kanak-kanak Tidak Terkawal di Mahkamah Bagi Kanak-kanak di Malaysia*, International Journal of Law, Government and Communication UniSZA, Vol 4 No 15, 2019, 64.

²⁹⁸ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

perbuatan yang boleh menjadi sebuah kesalahan jenayah.²⁹⁹ Seterusnya undang-undang perlu lebih dikuat kuasakan dan pihak kerajaan harus menyekat atau menapis cerita yang tidak bersetujuan untuk tontonan kanak-kanak.³⁰⁰ Kemudian pihak JKMM juga telah membuat penambahbaikan dalam perkhidmatan akhlak kanak-kanak iaitu pemantauan yang lebih terhadap kes serius dengan kerjasama dari pihak keluarga pesalah.³⁰¹ Usaha mengurangkan jenayah ini khususnya melibatkan peranan kedua-dua ibu bapa atau penjaga. Anak-anak perlu dididik sebaiknya dan dipastikan persekitaran mereka adalah terkawal.³⁰²

Seterusnya hasil daripada temu bual yang dijalankan, boleh disimpulkan bahawa penetapan usia 18 tahun di peringkat sivil dipersetujui oleh majoriti informan. Mereka bersetuju dengan kesesuaian had umur 18 tahun sebagai usia bagi kanak-kanak yang melakukan jenayah sivil. Melihat kepada individu di bawah 18 tahun yang sudah *baligh* namun belum matang pemikirannya, Informan A mengutarakan pendapatnya:

“..how can you punish someone for deciding to do benda tak baik when literally physical dia tak complete lagi. To me 18 ni masih perlukan guidance. From my experience of tengok kids dekat mahkamah kanak-kanak, the crimes yang dorang buat..tak fikir panjang, tu je. Dorang belum matang.”³⁰³

Selain aspek kematangan akal kanak-kanak, informan juga melihat kepada bidang kuasa mahkamah sivil yang lebih meluas. Hal ini bermaksud, jenayah sivil adalah jenayah berat yang boleh melibatkan individu lain. Berbeza dengan jenayah syariah yang kebanyakannya hanya melibatkan diri sendiri seperti jenayah berunsurkan akidah dan jenayah matrimoni. Jika had umur pesalah jenayah sivil diturunkan, peluang untuk kanak-

²⁹⁹ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

³⁰⁰ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

³⁰¹ Informan D, Pegawai Cawangan Rehabilitasi dan Keadilan Kanak-kanak Bahagian Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam temu bual bersama pengkaji pada 8 Mac 2023.

³⁰² Semua informan kecuali pegawai daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO).

³⁰³ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023.

kanak ini berubah menjadi seorang yang lebih baik juga akan hilang.³⁰⁴ Informan C menyatakan bahawa:

“Bukannya bila kita dapat menghukum, “oh satu kejayaan”. Bukan. Dia berjaya apabila dapat mencegah orang. Kalau orang tak buat jenayah tu lah lagi bagus. Jadi untuk kanak-kanak ni ana rasa lebih kepada *ta’rib* tu sebab untuk dia pun dalam cabaran dunia hari ini.. Tapi kita tak kata dia jahil. Sebab bila dia dah besar, dia tak dianggap jahil bila melakukan jenayah sebab dia sepatutnya dah tahu. Bukan kita kata sebab dia jahil. Tapi maksudnya lebih *prefer* hukuman itu yang bersifat mendidik lah. Kepada mereka tu. Syariah ni dia ringan. Jadi ana rasa kalau umur 10 hingga 16 tahun tu, ok. Tapi kalau jenayah-jenayah yang sivil ni, sebab jenayah-jenayah ni hukuman dia lebih besar. Jadi kalau lah dia itu *di-ta’rib* lah rasa itu lebih ni lah, untuk *maslahah* dia. Dapat mengubah diri dia.”³⁰⁵

Tujuan utama undang-undang berkenaan hukuman bagi kesalahan jenayah sivil seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-kanak 2001 adalah bagi mendidik kanak-kanak, bukan sebaliknya. Seperti yang dinyatakan oleh kedua-dua informan di atas, Informan D turut bersetuju dengan kenyataan bahawa usia kanak-kanak 18 tahun perlu dikekalkan dan tidak memandang isu ketidakselarasan had umur di antara mahkamah sivil dan syariah sebagai suatu masalah.

Walau bagaimanapun, terdapat seorang informan mengutarakan pandangan bahawa sudah ada cadangan untuk meminda undang-undang berkenaan had umur kanak-kanak, namun tidak dapat dipastikan sejauh mana pelaksanaan cadangan tersebut. Cadangan pindaan peruntukan ini sudah pasti atas sebab-sebab yang signifikan. Dalam mengutarakan pendapat berkenaan penurunan had umur ini, Informan B berpandangan bahawa kanak-kanak pada masa kini lebih cepat matang berbanding zaman dahulu maka pelaksanaan undang-undang ini adalah penting. Melalui kenyataannya, beliau berkata:

“*Especially*, budak remaja dah pandai dah. Melakukan perkara persetubuhan. Bila dorang siasat, suka sama suka. Ok, ini, ini kita dengar pandangan lah. Jadi bila suka sama suka..tapi disebabkan dia di

³⁰⁴ Informan A, Pegawai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam temu bual bersama pengkaji pada 17 Februari 2023 dan Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

³⁰⁵ Informan C, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul APIUM dalam temu bual bersama pengkaji pada 27 Februari 2023.

bawah peruntukan kesalahan, bawah umur, di bawah umur, suka suka, *you tetap charge* bawah rogol. Ha tapi sedangkan dia tu suka sama suka. Jadi, tetap termaktub. Jadi untuk pinda, dah ada cadangan. Ada cadangan bagi umur pesalah muda di sivil ini dikurangkan memandangkan budak sekarang bukan lagi macam budak zaman dulu. Zaman dulu, 18 tahun, tak reti apa. Ha kan. Makna, nak berkawan dengan orang pun takut. Nak buat-buat gini dengan orang pun takut.”³⁰⁶

Ditambah lagi dengan maklumat yang diperoleh daripada Informan A, beliau juga mengutarakan pendapat bahawa ruang untuk meminda peruntukan had umur ini ada, namun tiada mana-mana pihak yang memandang isu ini sebagai suatu keperluan dan boleh mendatangkan faedah. Kemungkinan untuk meminda peruntukan had umur ini hanya akan berlaku sekitar 30 tahun akan datang kerana terlihat bahawa kes jenayah yang berlaku masih terkawal.

Justeru, kajian ini merasakan bahawa walaupun kebanyakan informan berpandangan bahawa had umur 18 tahun di peringkat sivil masih sesuai digunakan pada masa kini, keperluan untuk menurunkan had umur kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah perlu dibincangkan dan dikaji dengan teliti dengan merujuk kepada statistik jenayah sivil yang masih menggusarkan. Oleh itu kajian mencadangkan penubuhan sebuah jawatankuasa khas bagi membincangkan isu penelitian semula had umur seorang kanak-kanak dalam aspek jenayah sivil dan jenayah syariah. Jawatankuasa ini perlu dianggotai oleh ahli pakar bidang perundangan seperti hakim dan peguam serta pakar kanak-kanak.³⁰⁷ Situasi kanak-kanak kini yang lebih mudah menerima pendedahan baik atau buruk melalui arus pemodenan juga perlu dititikberatkan. Hal ini kerana peruntukan had umur kanak-kanak memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik kanak-kanak dan masyarakat secara umum.

³⁰⁶ Informan B, Pegawai Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dalam temu bual bersama pengkaji pada 4 Mac 2023.

³⁰⁷ Aminuddin Mustafsa, *Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak: Menilai Undang-Undang Malaysia Dari Perspektif Undang-Undang Antarabangsa*, Jurnal 28 KANUN (1), 2016, 60.

4.3 Penutup

Kesimpulannya setiap isu dan cabaran yang telah dianalisis ini perlu diambil berat oleh pihak kerajaan khususnya. Had umur pesalah muda yang tidak seragam di antara mahkamah sivil dan syariah, ketiadaan peruntukan khas bagi kesalahan syariah kanak-kanak serta percanggahan dari segi jenis kesalahan di antara kedua-dua badan perundangan ini secara tidak langsung dapat mewujudkan kelompongan dan ketidakadilan dalam sebuah institusi kehakiman.

Di samping itu, statistik jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak membuktikan kemampuan kanak-kanak untuk melakukan jenayah. Majoriti informan bersetuju dengan penetapan had umur kanak-kanak bagi jenayah sivil iaitu 18 tahun dengan mengukur kepada kematangan mereka contohnya. Namun jika dipertimbangkan keadaan mangsa akibat jenayah tersebut khususnya jenayah berat, kewujudan keadilan bagi pihak mangsa boleh diragui. Sebagai contoh, remaja yang berusia 17 tahun sudah cukup dewasa dan mampu untuk melakukan jenayah seksual namun pesalah akan diadili sama seperti mereka yang berusia 12 tahun. Selain itu, usaha sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama masyarakat awam turut tidak menunjukkan hasil yang signifikan. Lantaran itu, usaha yang lebih holistik khususnya transformasi dari sudut hukuman wajar dipertimbangkan.

Selain itu, juvana iaitu kanak-kanak di bawah umur 18 tahun perlu dihukum sewajarnya berikutan secara psikologi, mereka sudah melangkah ke alam remaja. Hukuman yang diberikan perlu berbentuk pengajaran supaya pesalah menyedari kesilapan yang telah dilakukan seterusnya tidak mengulangi perbuatan tersebut.³⁰⁸ Oleh itu, penetapan had umur kanak-kanak yang seragam serta prosedur pengurusan kes

³⁰⁸ Bernama, “Pesalah Juvana: Pelbagai Punca Jadi Pencetus, Pertimbang Hukuman Wajar”, laman sesawang Astro Awani, diakses pada 2 Jun 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesalah-juvana-pelbagai-punca-jadi-pencetus-pertimbang-hukuman-wajar-396735>

jenayah kanak-kanak yang jelas ini penting bagi memastikan hukuman yang akan dikenakan kepada pesalah bersifat rehabilitatif.³⁰⁹

³⁰⁹ Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff dan Mohamad Azhan Yahya, *Pesalah Muda dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan Dari Perspektif Prinsip Syariah*, Artikel Jurnal Current Legal Issues, 1, Universiti Kebangsaan Malaya, 2017, 11.

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini menghimpunkan dan merumuskan tiga objektif utama kajian ini dijalankan seterusnya memastikan setiap objektif telah dicapai. Secara ringkas, objektif kajian ini adalah; 1) Meneliti tafsiran had umur kanak-kanak dari sudut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia; 2) Mengenal pasti hukuman bagi pesalah kanak-kanak mengikut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia; 3) Menganalisis isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah.

Bab ini juga menjawab ketiga-tiga persoalan kajian seperti berikut. Pertama; Apakah tafsiran had umur kanak-kanak dari sudut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia? Kedua; Apakah hukuman bagi pesalah kanak-kanak mengikut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia? Ketiga; Apakah isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah? Kesemua tiga persoalan ini disimpulkan bagi memastikan ketiga-tiga objektif kajian tercapai.

Seterusnya usaha yang boleh dilakukan berdasarkan kepada analisis kajian ini akan turut dicadangkan beserta dengan cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan pada masa akan datang. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini dirumuskan dalam rajah berikut:

Rajah 5.1: Rumusan dan Dapatan Kajian

Permasalahan	Soalan	Objektif	Bab Metod	Dapatan
Mahkamah sivil & mahkamah syariah menggunakan rujukan berbeza dalam menetapkan had umur.	Apakah tafsiran had umur kanak-kanak?	Meneliti tafsiran had umur kanak-kanak.	2 Dokumentasi, Kajian Doktrin Undang-undang Analisis Deskriptif & Kandungan	Percanggahan had umur kanak-kanak di Malaysia dengan pendapat majoriti mazhab.
Syariah Islam dan badan perundangan negara memberi peruntukan hukuman yang berbeza.	Apakah hukuman bagi pesalah kanak-kanak?	Mengenali pasti hukuman bagi pesalah kanak-kanak.	3 Dokumentasi, Kajian Doktrin Undang-undang Analisis Deskriptif & Kandungan	Tiada hukuman bagi sariat Islam. Undang-undang mengecualikan hukuman berat untuk kes kanak-kanak.
Kefidakselarasan had umur kanak-kanak di Malaysia	Apakah isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak di Malaysia?	Menganalisis isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah di Malaysia.	4 Dokumentasi & Temu bual Analisis Deskriptif, Kandungan & Tematik	3 isu & cabaran utama perlu dititikberatkan bersangkutan dengan had umur kanak-kanak.

Sumber: Ilustrasi Penekaji

5.2 Rumusan

Bagi melengkapi kajian ini, rumusan dan cadangan kajian dilakukan. Kajian ini mengandungi tiga objektif yang akan dirumuskan seperti yang berikut:

5.2.1 Rumusan daripada Objektif Pertama

Objektif pertama bab ini membincangkan tafsiran had umur kanak-kanak dari sudut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia. Melalui penelitian yang telah dibuat, kajian mendapati bahawa syariah Islam, undang-undang jenayah sivil dan undang-undang jenayah syariah di Malaysia memperuntukkan had umur yang berbeza terhadap penetapan had umur seorang kanak-kanak. Pertama, syariah Islam menjadikan *baligh* sebagai takat usia kanak-kanak iaitu setelah *baligh* dan sudah boleh membezakan perkara dan buruk, beliau sudah boleh ditaklifkan dengan tanggungjawab agama. Namun yang demikian jika situasi ini tidak berlaku, had umur yang ditetapkan oleh mazhab akan digunakan. Mazhab Syafi'i dan Hanbali menetapkan usia 15 tahun sebagai had umur seorang kanak-kanak. Kemudian Mazhab Maliki berpendapat bahawa umur kanak-kanak adalah sehingga sempurna 18 tahun manakala Mazhab Hanafi menetapkan usia 18 tahun bagi kanak-kanak lelaki dan 17 tahun bagi kanak-kanak perempuan.

Di samping itu, bidang kuasa mahkamah dalam kes jenayah di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu bidang kuasa negeri bagi kes melibatkan hukum syarak dan adat orang Melayu. Kes sebegini akan dibicarakan di mahkamah syariah negeri masing-masing manakala kes yang berkaitan selain daripada dua aspek ini berada di bawah bidang kuasa persekutuan. Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak 2001 akan digunakan bagi jenayah sivil.

Kemudian dapat disimpulkan bahawa kesemua perundangan syariah negeri telah menyelaraskan had umur seorang pesalah muda iaitu 10 tahun sehingga 16 tahun. Seterusnya selain mengutamakan peruntukan umur oleh *United Nations*, keupayaan kanak-kanak untuk mengawal dan memahami akibat daripada perbuatannya serta

kekebalan kanak-kanak daripada pendakwaan telah dinilai dalam mempertimbangkan had umur kanak-kanak yang melakukan jenayah. Justeru, had umur 18 tahun telah diperuntukkan sebagai had umur maksimum seorang kanak-kanak menurut undang-undang sivil. Mana-mana kanak-kanak yang melakukan jenayah berumur di antara 10 tahun sehingga kurang daripada 18 tahun akan tertakluk di bawah perundangan khas, Akta Kanak-Kanak 2001.

Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa syariah Islam, undang-undang syariah dan undang-undang sivil telah memperuntukkan had umur yang berbeza bagi penjenayah kanak-kanak. Salah satu aspek utama yang perlu ditinjau dalam pensabitan hukuman adalah umur pesalah. Bagi menjamin keadilan negara, satu peruntukan umur yang lebih jelas dan selari dengan pensyariatan Islam perlu dititikberatkan.

5.2.2 Rumusan daripada Objektif Kedua

Objektif kedua kajian ini membincangkan hukuman bagi pesalah kanak-kanak mengikut syariah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia. Bagi memelihara kemaslahatan seorang kanak-kanak, mahkamah dan undang-undang khas telah diwujudkan. Di Malaysia, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ditubuhkan setelah terhapusnya Mahkamah Juvana. Kemudian undang-undang awal yang berkaitan dengan kanak-kanak adalah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 namun kini telah digabungkan sebagai Akta Kanak-Kanak 2001.

Undang-undang jenayah sivil dan syariah serta syariah Islam telah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak. Pertama, bagi jenayah sivil, kes akan dibicarakan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan tertakluk di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak tidak boleh dihukum mati atau dipenjara dalam tempoh yang lama seperti mana hukuman yang diberikan kepada pesalah dewasa. Hal ini selari dengan prinsip ditetapkan oleh *UNCRC*. Kanak-kanak di bawah 10

tahun dikecualikan terus daripada dihukum manakala kanak-kanak berumur di antara 10 tahun sehingga 12 tahun mempunyai perlindungan bersyarat di mana golongan ini akan dikecualikan jika pihak mahkamah mendapati bahawa mereka masih belum cukup matang. Seterusnya bagi kanak-kanak berumur 12 tahun sehingga kurang daripada 18 tahun, lapan bentuk hukuman telah diperuntukkan seperti dalam Seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu; 1) Amaran dan pelepasan; 2) Pelepasan setelah menyempurnakan bon; 3) Diletakkan dalam pemeliharaan orang yang layak; 4) Bayaran denda, pampasan atau kos; 5) Perintah percubaan; 6) Dihantar ke sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney; 7) Sebatan; 8) Pemenjaraan.

Kedua, seseorang yang melanggar undang-undang syariah akan dihukum berdasarkan peruntukan dalam Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Namun undang-undang syariah negeri adalah tidak selaras kerana Akta 355 hanya dijadikan sebagai rujukan iaitu seorang pesalah boleh dihukum penjara tidak melebihi 3 tahun, didenda tidak melebihi RM5000, sebatan tidak melebihi 6 kali atau mana-mana gabungan hukuman ini. Hukuman ini terpakai untuk kesemua jenis kesalahan jenayah syariah. Berbeza dengan perundangan sivil yang memperuntukkan undang-undang khas hukuman kanak-kanak, undang-undang syariah hanya mengecualikan kanak-kanak daripada dipenjara. Pesalah muda berumur 10 tahun sehingga 16 tahun akan diadili seperti pesalah dewasa iaitu dalam keadaan perbicaraan yang terbuka. Hanya hukuman pemenjaraan dikecualikan daripada pesalah muda.

Ketiga, secara umum peruntukan hukuman dalam kesalahan jenayah menurut syariah Islam adalah *hudud*, *qisas* dan *takzir*. Hukuman *hudud* diberikan bagi kesalahan zina, *qazaf*, mencuri, minum minuman yang memabukkan, meragut dan murtad. Hukuman *qisas* iaitu hukuman balas balik dijatuhkan ke atas seorang penjenayah yang telah membunuh atau mencederakan orang lain dengan sengaja. Manakala hukuman *takzir* ialah hukuman selain daripada *hudud* dan *qisas* yang tidak mempunyai peruntukan

tertulis dalam nas al-Quran atau hadis namun diperlukan bagi memelihara *maq sid al-shar 'ah*. Namun yang demikian, perlakuan jenayah yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak yang belum *baligh* tidak dianggap sebagai suatu kesalahan maka golongan ini tidak akan dihukum. Hanya segelintir ulama daripada mazhab Syafi'i yang berpandangan bahawa kanak-kanak yang melakukan kesalahan dianggap jenayah dan perlu diberi hukuman berbentuk *ta 'dib* atau didikan.

Justeru perbahasan bagi objektif kedua ini merumuskan bahawa undang-undang jenayah sivil dan syariah serta syariah Islam telah memperuntukkan hukuman yang berbeza bagi kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak. Keadilan sistem perundangan negara dipersoalkan apabila seorang kanak-kanak berumur 17 tahun dihukum mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 bagi jenayah sivil namun telah dianggap sebagai dewasa jika melakukan jenayah syariah, begitu juga dengan jenayah menurut syariah Islam. Hukuman bagi kanak-kanak ini perlu ditelusuri dengan teliti supaya objektif utama satu hukuman diberikan iaitu mendidik kanak-kanak dapat dicapai.

5.2.3 Rumusan daripada Objektif Ketiga

Objektif ketiga iaitu objektif terakhir penyelidikan ini membincangkan hasil penganalisisan data yang diperoleh melalui temu bual yang telah dijalankan bersama informan. Bagi objektif ketiga, kajian ini menganalisis isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah.

Ketidakselarasan had umur dan bentuk hukuman yang berbeza di antara akta perundangan jenayah sivil dan syariah serta garis pensyariatan Islam telah mewujudkan beberapa isu dan cabaran. Hasil analisis telah menyimpulkan bahawa terdapat 5 isu utama berkenaan dengan penetapan had umur seorang kanak-kanak iaitu pertama, ketidakseragaman had umur pesalah kanak-kanak. Seperti yang telah dibahaskan dalam bab kedua iaitu objektif pertama, para informan turut memberikan pendapat yang berbeza terhadap kefahaman mereka berkenaan had umur seorang kanak-kanak. Sebahagian

informan beranggapan bahawa penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang sivil secara jelas tidak selari dengan undang-undang syariah. Manakala sebahagian informan lain berpandangan bahawa penetapan had umur kanak-kanak bagi undang-undang sivil adalah selari dengan pensyariatan Islam dengan menganggap bahawa perbezaan pendapat oleh ulama mazhab juga adalah suatu rahmah.

Kedua, isu ketiadaan peruntukan khas bagi kesalahan syariah oleh pesalah kanak-kanak. Berbeza dengan peruntukan dalam undang-undang sivil yang mempunyai mahkamah dan undang-undang khas bagi kanak-kanak yang melakukan jenayah, undang-undang syariah tidak memperuntukkan sebarang peruntukan khas. Hanya undang-undang berkenaan pengecualian hukuman pemenjaraan diberikan. Bagi kesalahan jenayah syariah, proses penangkapan dan pensabitan hukuman adalah sama seperti pesalah dewasa.

Ketiga, isu percanggahan jenis kesalahan dan bentuk hukuman jenayah sivil dan syariah atau turut dikenali sebagai “*double jeopardy*”. Mahkamah negeri hanya dibenarkan untuk membicarakan kes berkenaan agama Islam dan adat orang Melayu. Namun yang demikian beberapa jenis kesalahan telah diperuntukkan dalam kedua-dua perundangan sivil dan syariah seperti kesalahan persetubuhan di antara seorang lelaki dan perempuan bukan *mahram*. Jika penangkapan dibuat oleh pihak penguatkuasa, kes akan dibicarakan di mahkamah syariah dan dianggap sebagai kes zina di mana kedua-dua pihak akan dihukum. Manakala jika kes diadili di mahkamah sivil, hanya kanak-kanak lelaki yang bersetubuh dengan perempuan akan dihukum kerana kesalahan tersebut dikategorikan sebagai kes rogol.


Keempat, limitasi peruntukan jenayah syariah di Malaysia. Tiga isu yang bersangkutan dengan aspek ini adalah 1) Hukuman maksimum mahkamah syariah. Walaupun peruntukan hukuman yang diberikan kepada mahkamah syariah adalah sedikit berbanding mahkamah sivil, namun hakim jarang sekali menjatuhkan hukuman

maksimum kepada pesalah; 2) Hukuman sebatan. Sebatan syariah atau sebatan ringan yang diberikan bagi kesalahan syariah adalah amat berbeza dengan sebatan sivil. Walaupun begitu, antara isu yang wujud adalah penggantian sebatan ringan ini kepada hukuman khidmat masyarakat seperti kes terkenal iaitu kes Kartika Sari Dewi Shukarno; 3) Peruntukan terhad di mahkamah syariah iaitu hanya terhad kepada isu tatasusila dan hukum syarak.

Kelima, kematangan akal kanak-kanak. Melihat kepada perkembangan teknologi zaman kini, kanak-kanak mempunyai akses yang lebih meluas dalam melayari internet seterusnya menerima banyak pendedahan baik dan buruk pada usia muda. Bagi isu merendahkan had umur kanak-kanak dalam undang-undang sivil, sebahagian informan berpendapat bahawa had umur 18 tahun kini adalah sesuai bagi memberi peluang kedua kepada pesalah. Sebahagian yang lain pula mengutarakan bahawa usul ini telah dicadangkan dan kemungkinan mengambil masa puluhan tahun untuk dipinda.

Lantaran itu, beberapa usaha penambahbaikan yang lebih efektif dan signifikan perlu dilakukan oleh pihak kerajaan dan ahli perundangan khususnya. Hal ini adalah bagi menyelesaikan isu-isu dan cabaran-cabaran yang timbul seiring dengan penetapan had umur kanak-kanak di Malaysia. Rumusan berkenaan isu dan cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah boleh dirujuk melalui ringkasan dalam ilustrasi berikut.

Rajah 5.2.3.1: Ringkasan Isu dan Cabaran Penetapan Had Umur Kanak-Kanak dalam Undang-Undang Jenayah



Sumber: Ilustrasi pengkaji berdasarkan analisis hasil dapatan temu bual

5.3 Cadangan

Hasil analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji membawa kepada cadangan usaha yang boleh dilakukan bagi menyelesaikan isu dan cabaran yang timbul berkenaan penetapan had umur kanak-kanak di Malaysia. Cadangan kajian adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar statistik jenayah di Malaysia khususnya melibatkan pesalah dalam kalangan kanak-kanak. Cadangan ini terbahagi kepada dua pihak iaitu masyarakat awam dan pihak berkepentingan seperti yang berikut:

5.3.1 Cadangan kepada Masyarakat Awam

Ibu bapa atau penjaga memegang peranan yang amat penting dalam kehidupan seorang anak. Jika persekitaran hidup yang disediakan kepada anak adalah baik, maka lebih tinggi peluang dan potensi anak tersebut untuk membesar dengan baik. Persekutaran yang baik adalah berhubung dengan keluarga, rakan dan juga sekolah kanak-kanak. Sistem kejiranan dan pemilihan rakan yang baik perlu diberi perhatian.

Namun sikap terlalu mengawal anak juga boleh memberi keburukan. Situasi ibu bapa atau penjaga pada zaman kini yang kebanyakannya telah menyediakan serba-serbi kelengkapan hidup dan kemudahan untuk anak-anak dianggap sebagai '*helicopter parenting*'. Konsep ini bermaksud, ibu bapa terlalu memantau perbuatan anak-anak dan ironinya, perbuatan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi kemahiran insaniah anak-anak. Anak-anak akan kurang memiliki sikap bertolak ansur dan sukar untuk membuat keputusan yang rasional. Hal ini seterusnya akan mendorong kanak-kanak untuk melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang.

Selain memberi kawalan ketat terhadap kanak-kanak berkenaan pemberian gajet dalam dunia globalisasi, ibu bapa juga perlu cakna dengan perubahan sikap negatif anak. Apabila kanak-kanak didapati sudah mula melakukan salah laku yang ringan seperti ponteng sekolah dan menunggang basikal lajak, ibu bapa atau penjaga boleh memberikan pemantauan yang lebih kepada mereka. Namun jika kanak-kanak tersebut sudah tidak boleh dikawal, permohonan bantuan daripada pihak kerajaan seperti JKM boleh dilakukan.

Di samping itu, warga pendidik anak-anak di sekolah juga memainkan peranan penting dalam perkembangan emosi dan intelektual kanak-kanak. Pihak sekolah dianjurkan untuk mendedahkan hak kanak-kanak berdasarkan rujukan Akta Kanak-Kanak 2001. Dengan demikian kanak-kanak akan cakna dengan had umur dan perbuatan salah laku yang dianggap sebagai suatu jenayah. Selain itu, kanak-kanak yang didapati

bermasalah juga boleh dibimbingi oleh guru kaunseling sekolah sebagai langkah awal kawalan kanak-kanak. Justeru, setiap pihak di sekeliling kanak-kanak iaitu ibu bapa, jiran, rakan sebaya serta guru di sekolah memegang tanggungjawab yang penting dalam pembentukan kawalan diri seorang kanak-kanak.

5.3.2 Cadangan kepada Pihak Berkepentingan

Berhubung dengan isu-isu dan cabaran-cabaran penetapan had umur kanak-kanak dalam undang-undang jenayah sivil dan syariah, satu penubuhan jawatankuasa khas perlu ditubuhkan. Jawatankuasa ini perlu dianggotai oleh ahli-ahli berkepentingan yang mempunyai pengalaman dan ilmu mendalam tentang kanak-kanak termasuklah pakar perkembangan kanak-kanak, pegawai-pegawai mahkamah dan penjara, peguam serta aktivis kanak-kanak. Isu penetapan had umur seorang kanak-kanak perlu diteliti semula seiring dengan perkembangan arus dunia pada masa kini. Konvensyen *UNCRC* telah menggariskan kerangka perundangan yang boleh menjadi penanda aras dalam menetapkan had umur kanak-kanak, iaitu tidak boleh terlalu rendah atau terlalu tinggi. Namun statistik jenayah dan tahap perkembangan kanak-kanak pada zaman sekarang juga perlu dipertimbangkan.

Selain itu, undang-undang negara juga perlu lebih dikuat kuasakan. Penguatkuasa undang-undang negara perlu mengambil tindakan segera berkenaan isu perbicaraan berulang atau “*double jeopardy*”. Pembahagian bidang kuasa mahkamah di Malaysia harus dikaji semula. Perbicaraan kes di mahkamah sivil atau syariah adalah dengan melihat kepada pihak yang menangkap pesalah terlebih dahulu di mana proses ini dianggap kurang efisien. Jika seorang pesalah boleh memilih untuk didakwa di mahkamah sivil atau syariah, sudah semestinya mahkamah yang memperuntukkan hukuman yang lebih ringan akan dipilih.

Kemudian undang-undang syariah sedia ada khususnya harus dipinda dan ditambah baik. Bidang kuasa mahkamah syariah negeri-negeri dan kadar hukuman dalam

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang diperuntukkan untuk kesalahan jenayah syariah juga perlu dipertingkatkan. Perintah hukuman maksimum yang jarang diberikan kepada pesalah secara tidak langsung telah menjadi salah satu punca masyarakat tidak berasa gerun untuk melakukan jenayah. Selain tiga hukuman utama iaitu bayaran denda, penjara dan sebatan, perintah khidmat masyarakat juga boleh diberikan kepada pesalah.

Di samping itu, penambahbaikan dalam penetapan hukuman kepada pesalah jenayah syariah yang berumur 16 tahun sehingga 18 tahun juga boleh diwujudkan. Hal ini adalah kerana undang-undang sivil memperuntukkan hukuman tertentu kepada kanak-kanak sehingga umur 18 tahun menurut Akta Kanak-Kanak 2001. Oleh itu pengecualian hukuman tertentu juga dipandang relevan untuk diberikan kepada pesalah jenayah syariah sehingga mencapai umur yang sama iaitu 18 tahun.

Seterusnya, bagi jenayah sivil peruntukan berkenaan pengecualian hukuman terhadap kanak-kanak berumur 10 tahun sehingga 12 tahun³¹⁰ juga perlu diterangkan dengan lebih jelas. Berbeza dengan kanak-kanak di bawah 10 tahun yang dikecualikan sepenuhnya daripada hukuman, kanak-kanak berumur di antara 10 tahun sehingga 12 tahun juga boleh dikecualikan jika didapati belum cukup matang. Namun tiada rujukan atau garis panduan diberikan berkenaan akta ini. Kemudian melihat kepada sistem di mahkamah syariah, undang-undang khas berkenaan kanak-kanak yang melakukan jenayah juga perlu diwujudkan seperti di mahkamah sivil.

5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Seiring dengan skop dan limitasi kajian, beberapa kajian lanjutan perlu dilakukan pada masa hadapan menerusi kajian ini. Kajian mendalam berbentuk perbandingan berkenaan peruntukan hukuman di antara jenayah berat di mahkamah sivil dan mahkamah syariah

³¹⁰ Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 83 Kanun Keseksaan.

boleh dilakukan. Penyelarasan had umur kanak-kanak juga boleh dijadikan sebagai usaha menambah baik sistem perundangan. Oleh itu, kaedah penyelarasan umur tersebut boleh dikaji. Selain itu, kajian perbandingan di antara negara-negara turut boleh dikupas mengenai had umur dan bentuk hukuman suatu jenayah.

Kajian yang memfokuskan kepada keberkesanan hukuman diberikan kepada pesalah kanak-kanak juga perlu dilaksanakan. Kajian sebegini adalah amat penting dan boleh menjadi rujukan oleh pihak penguatkuasa undang-undang. Perintah hukuman yang diberikan kepada pesalah kanak-kanak yang melakukan jenayah sivil dan syariah perlu dikaji sama ada sudah mencukupi atau sebaliknya. Kajian penelitian boleh dilakukan dengan kerjasama pihak JKM dan mahkamah untuk meninjau perubahan sikap pesalah atau potensi jenayah tersebut untuk berulang lagi.

Di samping itu, penyelidikan yang lebih teliti berkenaan kematangan kanak-kanak yang menjurus kepada perbuatan jenayah juga boleh dikupas dengan lebih mendalam. Isu penetapan had umur yang bersangkutan dengan kematangan kanak-kanak seringkali menjadi perbahasan yang boleh mewujudkan ketidakadilan dalam undang-undang. Kajian ini boleh dilakukan melalui metod kuantitatif dengan mengukur, menyelidiki dan menganalisis tahap kematangan kanak-kanak yang berbeza di antara satu sama lain.

5.5 Penutup

Penyelidikan ini membincangkan kebijakan kanak-kanak dengan menganalisis isu dan cabaran berkenaan penetapan had umur seorang kanak-kanak yang melakukan jenayah sivil dan syariah. Kajian mendapati lima aspek utama perlu dititikberatkan kerana isu ini telah menjadi kelompongan dalam sistem perundangan di Malaysia.

Tingkah laku perbuatan jenayah adalah merupakan suatu perbuatan yang amat ditegah dalam pensyariatan Islam dan juga perundangan di Malaysia. Perbuatan melakukan jenayah adalah menyalahi hukum syarak, undang-undang Kanun Keseksaan, Akta Kanak-Kanak 2001 serta enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri. Di

Malaysia, pengecualian hukuman diberikan kepada pesalah kanak-kanak dengan mementingkan hukuman berbentuk *ta'dib* bersifat retributif dan rehabilitatif. Namun timbul isu apabila had umur kanak-kanak yang diperuntukkan oleh undang-undang sivil dan syariah serta pensyariatan Islam adalah berbeza di antara satu sama lain. Beberapa bentuk usaha tindakan yang boleh dilakukan telah dicadangkan.

Di samping itu, perlu ditegaskan bahawa setiap sistem perundangan di Malaysia sama ada undang-undang sivil mahupun undang-undang syariah perlu dinilai semula seterusnya ditambah baik undang-undang dan polisi yang berkaitan dengan penetapan had umur seorang kanak-kanak. Banyak aspek yang perlu dipantau berkenaan isu had umur seperti yang telah dianalisis secara terperinci di dalam Bab 4. Perubahan mengikut keperluan semasa perlu dilakukan dengan mempertimbangkan kemaslahatan dan kemudaratan (*ma alih al-mursalah*) setiap isu yang timbul.

BIBLIOGRAFI

- ‘Im d al-D n Ab al-Fid ’ Ism il ibn Umar Ibn Kath r Ad-Damsyiq , *Ibnu Kats r Jilid 3* (Lubn n:D rul Kutub al-Ilmiyyah, 1998M/ 1419H), 322-323.
- Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 80-81.
- Abdul Qader Audah, Abu Zahrah dan Al-Zala’i dan Imam Nawawi. Anita Abdul Rahim & Wafaa’ Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, Jurnal 24 KANUN (1), 2012, 12.
- Abdul Q dir Audah, *At-Tasyr 'al-Jin e al-Isl miy Muq ranan bi al-Q n n al-Wadh e*, Jilid 1 (Beirut: D r al-Kit b al-Arab y), 2005, 67-68.
- Ab D d, Ab D d Sulaim n Ibnu al-Asy’at as-Sijist n al-Azd , “ unan Ab D d”, ed. Ab Ubaidah Masyh r Hasan Al Salm n. Riy dh: Maktabatul Ma rif Li an-Nasyri Wa at-Tauz ’, 2003.
- Abu Mazaya al-Hafiz & Abu Izzat al-Sahafi, *Fiqh Jenayah Islam* (Selangor: Al-Hidayah Publications, 2015), 453.
- Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita Nik MD Khalib, *Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017), 2017, 2-3.
- Afiezy Azaman, *Keputusan Kerajaan Hanya Libatkan Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori Sahaja- Wan Junaidi*, laman sesawang Astro Awani, diases pada 22 Disember 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keputusan-kerajaan-hanya-libatkan-pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-sahaja-wan-junaidi-366024>
- Ahmad Muhammad Husni & Amin Muhammad Husni, *Qisas dalam Syariah Islamiah antara Pengakuan dan Pembatalan*, Journal of Education and Social Sciences, Vol 19, Issue 1, 2022, 15-16.
- Akademi Pengajian Islam, *Panduan Penulisan Ilmiah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2020), 12.
- Ali Abu Bakar, *Undang-Undang Melaka* (Aceh Indonesia: Sahifah & UIN Ar-Raniry, 2018), 68.
- Aminuddin Mustafa, *Right of Children in Criminal Proceedings: A Comparative Analysis on the Compatibility of The Malaysian Juvenile Justice System With The Standards of The Convention on Rights of Children (CRC)*,(Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Law School, Lancaster University, 2016), 189.
- Aminuddin Mustaffa, *Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-Kanak: Menilai Undang-Undang Malaysia Dari Perspektif Undang-Undang Antarabangsa*, Jurnal 28 KANUN (1), 2016, 44.

Amree Ahmad, *Konsep Diyat Sebagai Ganti Banduan Hukuman Mati Sedia Ada*, laman rasmi Utusan Malaysia, diakses pada 22 Disember 2022, <https://www.utusan.com.my/berita/2022/06/konsep-diyat-sebagai-ganti-banduan-hukuman-mati-sedia-ada/>

Andana Muhammad, *Perlindungan Hukum dan Pertanggungjawaban Terhadap Anak dibawah Umur Sebagai Pelaku Tindak Pidana Pembunuhan Berencana*, Disertasi Universitas Islam Kalimantan Indonesia, 2021.

Anita Abd Rahim, *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 1.

Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, Jurnal 24 KANUN (1) (2012), 10.

Anita Abdul Rahim dan Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, *Kesalahan Mengedar Dadah oleh Kanak-Kanak dan Hukumannya di Malaysia*, Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, Vol 18, 2014, 27.

Anita Abdul Rahim, *Isu Perundangan Mengenai Hukuman Jenayah Bunuh Oleh Kanak-Kanak di Malaysia* (Selangor: Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, 2008), 7-8.

Ashraf Md. Hashim, *Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat di dalam Islam*, Jurnal Syariah Universiti Malaya, Vol 8 No 2, 2000, 4-5.

Azhar Abu Samah, *Hukuman Mati, Qisas dan Diyat*, portal rasmi Berita Harian, diakses pada 22 Disember 2022, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/10/485913/hukuman-mati-qisas-dan-diyat>

Azman Ab Rahman et al., “*Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf kepada Mukalaf dalam Konteks Malaysia*”, UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Vol 7, No. 2 (2020), 42.

Barry Goldson, ‘*Unsafe, Unjust and Harmful to Wider Society’: Grounds for Raising the Minimum Age of Criminal Responsibility in England and Wales*’, Sage Journals, 2013.

Bernama, “JKM Kelantan bimbang kadar jenayah kanak-kanak di Kelantan meningkat”, laman sesawang Astro Awani, diakses pada 26 Januari 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-kelantan-bimbang-kadar-jenayah-kanak-kanak-di-kelantan-meningkat-210245>

Bernama, “*Pesalah Juvana: Pelbagai Punca Jadi Pencetus, Pertimbang Hukuman Wajar*”, laman sesawang Astro Awani, diakses pada 2 Jun 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesalah-juvana-pelbagai-punca-jadi-pencetus-pertimbang-hukuman-wajar-396735>

Booklet Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, diakses pada 28 Disember 2022, <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dokumen%20CRC/Booklet%20Konvensyen%20CRC%20-%20BM.pdf>

Booklet SUHAKAM Hak Asasi Untuk Semua Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Kuala Lumpur: Maziza Sdn Bhd, 2018), 38.

Bryan A. Garner, *Black's Law Dictionary Seventh Edition* (United States of America: West Publishing CO., 1999), 232.

Eka Najihah Ramly, Azizah Zain & Zarina Eshan, *Pengetahuan, Kesedaran dan Sikap Ibu Bapa Berkaitan Jenayah Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak*, Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue), Vol. 9, 2020, 2-3.

Haji Sa'id Haji Ibrahim, *Al-Fiqh Al-Wadhih 'Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi'i Rahimahullahu Ta'ala* (Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah, 2000), 46.

Hidir Reduan Abdul Rashid, *Saksi: Siti Nuramira Langgar '3R' Ketika Buat Persembahan*, portal rasmi Malaysia Kini, diakses pada 5 Julai 2023, <https://www.malaysiakini.com/news/659334>

Imām Ab Abdullah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī, "Sahīh Bukhārī", 434 (Kitāb as-Syāhīd, Bāb Bulugh al-Sibyān wa Syah datihim, no. hadith 2664).

JAKIM, *Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah*, Laman Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, diakses pada 19 Disember 2022, http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/akta_enakmen/8

Jal Zabdi Mohd Yusoff dan Zulazhar Tahir, *Akta Kanak-Kanak 2001: Pengaruhnya terhadap Semula Tugas dan Tangungjawab Ibu Bapa atau Penjaga?*, Journal of Malaysian and Comparative Law 6, 2005.

Jasser Auda, *Maqashid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law* (London: The International Institute of Islamic Thought, 2007), 22.

John Thomas Dalby, *Criminal Liability in Children*, Canadian Journal of Criminology 27(2), 1985, 143.

Kamarul Azmi Jasmi, *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 2012, 11-12.

Kamus Dewan. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Kamus Komprehensif Bahasa Melayu (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2005), 751.

Laman rasmi United Nations Human Rights Office of the High Commissioner, diakses pada 6 Oktober 2022, <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/convention-rights-child>

Latifah Arifin, *Jenayah Rogol, Mencederakan Meningkat pada 2019*, laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 1 Mac 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/756298/jenayah-rogol-mencederakan-meningkat-pada-2019>

Lilik Siyaga, *Tindak Pidana Terhadap Nyawa Manusia Yang Dilakukan Oleh Anak (Tinjauan Yuridis Terhadap Putusan Pidana Nomor: 55/Pid.Sus/2011/PN.Pwt)*, Skripsi Sarjana Fakultas Hukum, Universitas Jenderal Soedirman, 2013, 79-113.

Luqman Arif Abdul Karim, “Penjara Khas Untuk Pesalah Syariah”, portal rasmi Berita Harian, diakses pada 5 Julai 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/03/261100/penjara-khas-untuk-pesalah-syariah>

Mahaizura Abd Malik, “Tidak Boleh Dihukum Mati”, portal rasmi Harian Metro, diakses pada 4 Julai 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/264627/tidak-boleh-dihukum-mati>

Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid, Mek Wok Mahmud dan Akhtarzaite Abdul Aziz, *Maqasid al-Shariah* (Kuala Lumpur: Penerbit UIAM, 2012), 24-25.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), “Sebatan dalam Islam”, diakses pada 6 Julai 2023, <https://www.mais.gov.my/sebatan-dalam-islam/>

Mariam Abd Majid et al., *Program Pemulihan Akhlak Remaja Delikuensi di Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat*, Jurnal Pengajian Islam, Vol. 16, No 1, 2023, 25.

Mohamad Faizal Hashim, *Trend Jenayah Remaja dan Kanak-Kanak Membimbangkan*, laman sesawang Utusan Malaysia, diakses pada 21 Oktober 2022, <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/trend-jenayah-remaja-dan-kanak-kanak-membimbangkan/>

Mohamad Hafiz Yusoff Bakri, *Hukuman Mati Mandatori Wajar Jika...*, portal rasmi Utusan Malaysia, diakses pada 22 November 2022, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/06/hukuman-mati-mandatori-wajar-jika/>

Mohamad Shariff Abu Samah, Asidah Mohd Ali, *Alman Undang-Undang Jenayah di Malaysia* (Selangor: International Law Book Services, 2018), 35.

Mohamed Azam bin Mohamed Adil, *Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana?*, Jurnal Syariah Vol 8 No 2, 2000, 108-109.

Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya, *Pesalah Muda dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian ke atas Had Umur Pesalah serta Hukuman Bersifat Pemulihan dari Perspektif Prinsip Syariah*, Journal Current Legal Issues, Vol 1, No 7, 2017, 3.

Mohd Al Adib Samuri, and Noor Aziah Haji Mohd. Awal, *Hukuman Terhadap Pesalah Kanak- Kanak di Malaysia : Pencegahan atau Pemulihan?*, Jurnal Undang-undang Universiti Kebangsaan, Vol 13, 2009, 50.

Mohd Faizal Yusof, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-230: Umur Baligh Menurut 4 Mazhab Dan Had Umur Yatim*, portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 19 Ogos 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2460-irsyad-al-fatwa-siri-ke-230-umur-baligh-menurut-4-mazhab-dan-had-umur-yatim>

Mohd Fauzi Mohd Amin dan Aziah Mohd Jesan, *Matlamat Pembelajaran Ilmu Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh Serta Kedudukannya Dalam Pendidikan Negara Malaysia* (Negeri Sembilan: Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam

Malaysia, 2011), 73.

Muhammad Fathi Yusof, *Kesesuaian Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur, KUIZM Publication, 2014), 5-6.

Muhammad Mushfique Ahmad Ayoub, *Irsyad Al-Hadith Siri Ke-252: Sebab Berlaku Perselisihan Pendapat*, portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 21 Ogos 2023, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/2316-irsyad-al-hadith-siri-ke-252-sebab-berlaku-perselisihan-pendapat>

Musa Fathullah Harun, *Undang-undang Jenayah Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Teknologi Malaysia, 1996), 1.

Mustafa ‘Afifi Ab Halim et al., *Bayi Yang Dibuang: Hak dan Kedudukan Bayi di sisi Undang-undang*, Malayan Law Journal, Universiti Sains Islam Malaysia, 2013, 5-6.

Nik Rahim et al., *Perkahwinan Kanak-Kanak di Malaysia: Had Umur Minimum dan Implikasinya*, Malaysian Journal of Syariah and Law USIM, Vol 8 No 22, 2020, 28.

Niken Candra Lupita, *Analisis Kriminologis Pembunuhan Yang Dilakukan Oleh Anak*, Jurnal Bahagian Hukum Pidana Vol 5 No 6, Tesis Fakultas Hukum Universiti Lampung, Indonesia, 2017.

Noor ‘Ashikin Hamid et al., *Khalwat dalam Kalangan Remaja di Malaysia dan Aceh: Kajian terhadap Pematuhan Syariah*, KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia, Vol 27, No 2, 2015, 303.

Norazla Abdul Wahab, Nur Zulfah Md Abdul Salam & Hammad Mohamad Dahalan, *Perlindungan Terhadap Kanak-Kanak yang Berkonflik dengan Undang-Undang: Kajian Terhadap Peranan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak*, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020), 2020, 94.

Norazla Abdul Wahab, Nur Zulfah Md Abdul Salam & Hammad Mohamad Dahalan, *Kedudukan dan Peranan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak di Malaysia: Isu dan Cabaran*, International Journal of law, Government and Communication (IJLGC), Vol 6 Issue 24, 2021, 84-86, 89.

Norruzeyati Che Mohd Nasir dan Mohammad Rahim Kamaluddin, *Tinjauan Literatur Pemerdagangan dan Eksplorasi Kanak-Kanak di Asia Tenggara*, Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 21, 139-140.

Nurhidayah Binti Azahari & Zanariah Binti Dimon, *Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda Dan Wanita Menurut Undang-Undang Islam di Malaysia*, International conference On Syariah & Law (ICONSYAL 2021)-Online Conference, 2021, 50.

Portal Rasmi Convention on the Rights of the Child, diakses pada 25 Ogos 2022, <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/convention-rights-child>

Portal Rasmi Direktori Perkhidmatan Keluarga, diakses pada 19 Ogos 2022,
http://keluarga.lppkn.gov.my/direktori/?page_id=21

Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Kanak-Kanak*, diakses pada 21 Oktober 2022,
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=T3YxrnRkV91cFVtRU9nOEPU5dz09>

Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Perintah Khidmat Masyarakat*, diakses pada 2 Februari 2023,
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ekc5a1dLWWpmRWFTQW1VVmI5ZkxVQT09>

Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia dicapai pada 5 Januari 2021,
<https://www.prison.gov.my/ms/article-news/176-informasi/70-soalan-lazim>

Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia, *Sekolah Agama Pertama Dalam Penjara*, diakses pada 23 Ogos 2022, <https://www.prison.gov.my/ms/galeri-media/46193-sekolah-agama-pertama-dalam-penjara>

Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, Siaran Akhbar Statistik Kanak-Kanak, Malaysia, 2019 dicapai pada 1 Mac 2022,
<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TVY4ZDdTeFJnMFQxWjdFc1dDZEh>

Portal Rasmi Jabatan Perlindungan Data Peribadi, diakses pada 14 November,
https://www.pdp.gov.my/jpdpv2/akta_akta/akta-perlindungan-wanita-dan-gadis-1973-akta-106/?lang=en

Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, diakses pada 19 Ogos 2022, <http://www.myhealth.gov.my/akil-baligh/>

Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Bayan Linnas Siri Ke-189: Maqasid Syariah dalam Perubatan*, diakses pada 20 Oktober 2022,
<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>

Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Bayan Linnas Siri Ke-185: Cadangan Pelaksanaan Diat Dalam Sistem Keadilan di Malaysia*, diakses pada 27 Disember 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3534-bayan-linnas-siri-ke-185-cadangan-pelaksanaan-diat-dalam-sistem-keadilan-di-malaysia>

Portal Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Bayan Linnas Siri Ke-104: Sebatan di Khalayak: Mencegah Jenayah, Memulihkan Pesalah*, diakses pada 27 Disember 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/741-bayan-linnas-siri-ke-104-sebatan-di-khalayak-mencegah-jenayah-memulihkan-pesalah>

Portal Rasmi UNICEF, Convention on the Rights of the Child, diakses pada 20 Mei 2024,
<https://www.unicef.org/child-rights-convention>

Portal Rasmi United Nations Standard Minimum Rules for the Administration of Juvenile Justice (Beijing Rules), diakses pada 25 Ogos 2022,
<https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/united-nations-standard-minimum-rules-administration-juvenile>

Portal Rasmi Youth Data Bank System,
<https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=178>, diakses pada 15 Ogos 2022

Portal Rasmi Zulkifli Bakri, diakses pada 13 Disember 2022,
<https://zulkiflialbakri.com/umur-baligh/>

Rahmath Nisa dan Jal Zabdi, *Hukuman Mati: Satu Tinjauan Dari Sudut Sejarah Perundangan di Malaysia* (Kuala Lumpur: International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS), 2014), 6.

Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz, *Dua Remaja Didakwa Membunuh Pelajar Tahfiz*, portal rasmi Harian Metro, diakses pada 27 Disember 2022,
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/517414/dua-remaja-didakwa-membunuh-pelajar-tahfiz>

Ramizah Wan Muhammad, *Hukuman Mati dalam Undang-undang Jenayah Islam: Mandatori atau Pilihan*, portal rasmi Malaysia Gazette, diakses pada 22 Disember 2022,
<https://malaysiagazette.com/2022/07/04/hukuman-mati-dalam-undang-undang-jenayah-islam-mandatori-atau-pilihan/>

Roger Bird, *Osborn's Concise Law Dictionary* (London: Sweet & Maxwell, 1983), 72.

Rosli Ilham, *Kanak-Kanak Bawah 10 Tahun Jadi Pengedar, Penagih Dadah*, laman rasmi Berita Harian, diakses pada 24 November,
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2016/02/125092/kanak-kanak-bawah-10-tahun-jadi-pengedar-penagih-dadah>

Rosnani Hussain, Md Yazid Ahmad, Noorsafuan Che Noh, *Tadbir Urus Harta Kanak-Kanak Menurut Perspektif Syariah*, Artikel BITARA Internasional Journal of Civilizational Studies and Human Sciences Vol 3 Issue 1, 2020.

S.N. Aishah S.N. Mohamad, *Kanak-kanak Tidak Terkawal di Mahkamah Bagi Kanak-kanak di Malaysia*, International Journal of Law, Government and Communication UniSZA, Vol 4 No 15, 2019, 64.

Sarirah Che Rose, *Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-Kanak di Mahkamah Tinggi*, Jurnal Voice of Academia (VOA), Vol 6 No 2, Universiti Teknologi MARA, 2011, 112-119.

Siti Aisyah Samudin & Siti Zubaidah Ismail, *Pembelaan Hak Mangsa Kemalangan Jalan Raya Berasaskan Insurans dan Diat*, Jurnal Syariah, Vol 26, No 2, 2018, 197.

Siti Aisyah Samudin, *Ganti Rugi Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya: Ke Arah Mengharmonisasikan Prinsip Diyat Ke Dalam Undang-Undang di Malaysia* (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Jabatan Syariah dan Undang-Undang Universiti Malaya, 2019), 13.

Siti Aisyah Samudin, *Ulasan Buku Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*, Journal of Shariah Law Research, Vol. 7, No 1, 2022, 147, 150.

Siti Zubaidah Ismail, "Contohi Selangor ada Pusat Pemulihan Akidah", Utusan Malaysia, 12 Ogos 2023.

Siti Zubaidah Ismail, "Jadikan Sebat Hukuman Utama Jenayah Syariah", Utusan Malaysia, 4 Ogos 2023.

Siti Zubaidah Ismail, Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah, Shariah Law Report, 2011, xxv.

Suhaizad Saifuddin, *Perlindungan Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid al-Shari'ah dan Undang-Undang Syariah di Malaysia*, International Conference on Family Law, 2020, 14.

Suhaizah Saifuddin, Azizah Mat Rashid, Adibah Bahori & Mohamad Azhan Yahya, *Peranan Undang-Undang Syariah di Malaysia Dalam Melindungi Hak Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid Al-Shari'ah*, Journal of Muwafaq Vol 4 No 1, Kolej Universiti Islam Selangor, 2021, 104-105.

Syarifah Nor Hazierah Syed Hassan & Burhanundin Abdullah, *Kepentingan Kewajipan Ibadah dan Qudwah Hasanah dalam Proses Perkembangan Remaja Akil Baligh*, Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal, Vol 1 No 2, 2018.

Syazwan Mohd Yusof dan Ramalinggam Rajamanickam, *Hukuman Penjara Pesalah Muda Jenayah Syariah Menurut Akta Kanak-Kanak 2001*, UiTM International Conference on Law & Society 2021, 175.

Thomas Crofts, *Catching Up With Europe: Taking the Age of Criminal Responsibility Seriously in England*, European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice 17, 2009, 268-273.

Tihami, *Taklif dan Mukallaf Menurut Al-Syeikh Muhammad Nawawi Al-Bantani*, AlQalam No. 74/XIV (1998), 83.

Wahbah az-Zuhail , Al-Mu'tamid fil Fiqh al-Syafi . Jilid ke-5. Damsyiq: D rul Qalam, 1967.

Wahbah az-Zuhail , Fiqhul Islam Wa Adillatuhu. Jilid ke-1. Damsyiq: D rul Fikr, 1985.

Wan Norhasniah Haji Wan Husin, *Hukuman Bunuh ke atas Pengedar Dadah: Satu Analisis Berdasarkan Siasah Syar'iyyah* (Disertasi Sarjana Jabatan Siasah Syar'iyyah Universiti Malaya, 2001), 133-136.

Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman & Hazwani Ubaidillah, *Hukum Jenayah Islam* (Perak:Politeknik Ungku Omar, 2021), 8.

Yusramizza Md Isa @Yusuff dan Anis Shuhaida Md Salleh, *Kewajaran Mahkamah bagi Kanak-Kanak di Malaysia*, Jurnal of Ethics, Legal and Governance, Universiti Utara Malaysia, Vol. 3, 2007, 62.

Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhammad Hashim, *Keistimewaan Islam dan Undang-Undang Syariah di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2019), 55-56.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, *Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri*, Jurnal Hadhari Special Edition, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, 162-168.

Zanariah Abd Mutualib, “Hukuman Kesalahan Syariah Tidak Lagi Terikat Denda, Penjara”, portal rasmi Berita Harian, diakses pada 6 Julai 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1105798/hukuman-kesalahan-syariah-tidak-lagi-terikat-denda-penjara>

Zulkifli Mohamad Al-Bakri, #3 *Ke Arah Pelaksanaan Diyat dalam Sistem Perundangan Malaysia*, portal rasmi Al-Mawaqif, diakses pada 28 Disember 2022, https://zulkiflialbakri.com/3-ke-arah-pelaksanaan-diyat-dalam-sistem-perundangan-malaysia/#_ftn1

Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Sivil vs Syariah? Penamat Bagi Polemik Domino Effect*, portal rasmi Al-Mawaqif, diakses pada 1 Jun 2024, <https://zulkiflialbakri.com/sivil-vs-syariah-penamat-bagi-polemik-domino-effect/>

Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman & Ahmad Jazlan Mat Jusoh, *Perundangan Islam Kontemporari di Malaysia* (Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin, 2018), 89-91.